

**ISU-ISU FIQH TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI:  
KAJIAN DI KOTA BHARU, KELANTAN**

**ROSLEE@MOHAMAD BIN ISMAIL**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**ISU-ISU FIQH TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI:  
KAJIAN DI KOTA BHARU, KELANTAN**

**ROSLEE@MOHAMAD BIN ISMAIL**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Roslee@Mohamad bin Ismail

No. Pendaftaran/Matrik: IGA 110095

Nama Ijazah: Sarjana

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"):

**Isu-Isu Fiqh Terpilih Mengikut Aliran Salafi: Kajian di Kota Bharu, Kelantan**

Bidang Penyelidikan: Syariah

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang atau penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dalam apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain, sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM

Tandatangan calon

Tarikh 20/7/2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Nama:  
Jawatar

Tarikh 25/7/2018

# ISU-ISU FIQH TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI: KAJIAN DI KOTA BHARU, KELANTAN

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang pendekatan aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan dengan memfokuskan kepada isu yang menjadi polemik dalam kalangan masyarakat Islam. Ia termasuklah isu solat jamak qasar ketika pulang di kampung halaman, membaca Surah al-Fatihah dalam wirid selepas solat, niat iktikaf di dalam khemah pada bulan Ramadan, imsak puasa, akad nikah menerusi sidang video, *bay,,dh* dan *ta,,liq* pelupusan al-Quran, dan anjuran pesta memancing. Isu ini menjadi polemik antara golongan Salafi dan tradisional dan ia memberi kesan terhadap keharmonian beribadat dalam kalangan masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggabungkan kajian perpustakaan dan lapangan. Kajian perpustakaan berasaskan metode dokumentasi manakala kajian lapangan menggunakan instrumen temu bual secara induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa pendukung aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan lebih terbuka dalam memberi pandangan berkaitan isu terpilih berasaskan hujah al-Quran dan Sunnah. Berdasarkan pandangan pendukung ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa masalah-masalah fiqh yang menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat dapat diselesaikan sekiranya masyarakat bersikap terbuka dan meraikan kepelbagaian pendekatan mazhab lain selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak.

**Kata kunci:** fiqh, Salafi, Kota Bharu, Kelantan

## ISU-ISU Fiqh TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI: KAJIAN DI KOTA BHARU, KELANTAN

### ABSTRACT

This study discusses on *Salafi* discourse in Kota Bharu, Kelantan by focusing on the issue that have become a polemic among Muslim community. It includes issues of *jama*,, *qaşar* prayer when returning to the homeland, reading *al-Fatihah* in *wirid* after prayers, *i*,,*tika*f in a tent in the month of *Ramaḍān*, *imsak* fasting, marriage via video conference, *bay*,,*ah* and *ta*,,*tq*, disposal method of *al-Qur'ān*, and organizing a fishing match. This issue have become a polemic between *Salafi* and traditional group, and it gives the effect in the harmonization of practicing their faith among local communities. To achieve the objectives, this study combines library and field study. Library study is based on documentation method while field study uses inductive and deductive interview instrument. This study found that the *Salafi* group in Kota Bharu, Kelantan are more open minded in giving an opinion about the selected issue based on *al-Qur'ān* and *sunnah*. Based on this researchers concludes that any *fiqh* problem that becomes a debate in society can be solved if they see it open-mindedly and try to accept other *madhhāb* approach as long as it does not contradict with Islamic law.

**Keywords:** fiqh, Salafi, Kota Bharu, Kelantan

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas kurnianya dapat disempurnakan kajian saya yang bertajuk “Isu-Isu Fiqh Terpilih Mengikut Aliran Salafi: Kajian di Kota Bharu, Kelantan” ini. Terdapat pengalaman pahit dan manis sepanjang kajian ini dijalankan, dan ia amat berharga dalam hidup sebagai seorang pelajar dan dalam masa yang sama penjawat awam. Pengalaman yang ada ini belum tentu akan diperolehi pada masa akan datang.

Dalam kajian ini, saya telah memperolehi pelbagai maklumat terperinci berkenaan Isu-Isu Fiqh Terpilih Mengikut Aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan”. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya sepanjang proses melengkapkan kajian ini. Penghargaan ini tidak lupa ditujukan kepada penyelia saya iaitu, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Bin Abd. Rahim yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tunjuk ajar yang diberikan amat membantu saya dalam usaha menyempurnakan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga saya terutama isteri tercinta Mahani Mustapa yang telah banyak memberi nasihat, saranan, sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan kajian ini. Selain itu, saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

|                                                                    |            |
|--------------------------------------------------------------------|------------|
| <b>ABSTRAK.....</b>                                                | <b>iv</b>  |
| <b>ABSTRACT .....</b>                                              | <b>v</b>   |
| <b>PENGHARGAAN .....</b>                                           | <b>vi</b>  |
| <b>SENARAI KANDUNGAN.....</b>                                      | <b>vii</b> |
| <b>SENARAI SINGKATAN.....</b>                                      | <b>xii</b> |
| <b>SENARAI LAMPIRAN .....</b>                                      | <b>xiv</b> |
| <br>                                                               |            |
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>                                    | <b>1</b>   |
| 1.1 Pengenalan.....                                                | 1          |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....                                     | 4          |
| 1.3 Pernyataan Masalah.....                                        | 6          |
| 1.4 Persoalan Kajian.....                                          | 9          |
| 1.5 Objektif Kajian .....                                          | 9          |
| 1.6 Kepentingan Kajian .....                                       | 10         |
| 1.7 Skop dan Batasan Kajian.....                                   | 11         |
| 1.8 Reka Bentuk Kajian.....                                        | 12         |
| 1.9 Metodologi Kajian.....                                         | 12         |
| 1.10 Sorotan Literatur.....                                        | 17         |
| 1.10.1 Sorotan Perkembangan Aliran Salafi di Malaysia.....         | 17         |
| 1.10.2 Sorotan Realiti Amalan Fiqh Semasa di Malaysia .....        | 21         |
| 1.10.3 Sorotan Isu-Isu Fiqh Yang Diperselisihkan di Kelantan. .... | 24         |
| 1.11 Kesimpulan.....                                               | 26         |

|                                                                                                 |               |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>BAB 2: PENGENALAN KEPADA ALIRAN SALAFI DI KELANTAN.....</b>                                  | <b>28</b>     |
| 2.1 Pengenalan.....                                                                             | 28            |
| 2.2 Perkembangan Salafi- <i>Iṣlāḥ</i> di Malaysia.....                                          | 28            |
| 2.3 Faktor Kemunculan Aliran Salafi di Malaysia.....                                            | 32            |
| 2.4 Kemasukan Fahaman Salaf ke Kelantan .....                                                   | 33            |
| 2.5 Tokoh-Tokoh Salafi di Kelantan.....                                                         | 34            |
| 2.5.1 Kaum Muda .....                                                                           | 34            |
| 2.5.2 Aliran Fahaman Kaum Muda di Kelantan.....                                                 | 35            |
| a) Tok Kenali (1870-1933).....                                                                  | 35            |
| b) Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (1873M-1939M) .....                                           | 36            |
| c) Tok Khurasan (1875-1944).....                                                                | 37            |
| d) Haji Nik Abdullah Haji Wan Musa (1900-1935) .....                                            | 37            |
| e) Datuk Haji Muhammad Haji Muhd Said .....                                                     | 37            |
| 2.6 Aliran Salafi dan Perkembangannya di Kota Bharu, Kelantan .....                             | 38            |
| 2.7 Kesan Aliran Salafi kepada Masyarakat Islam di Kelantan .....                               | 45            |
| 2.8 Polemik antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Kelantan.....                                      | 48            |
| 2.8.1 <i>Talqin</i> .....                                                                       | 48            |
| 2.8.2 <i>Talfiq</i> Mazhab .....                                                                | 49            |
| 2.8.3 Bina Masjid daripada Wang Zakat Fitrah.....                                               | 50            |
| 2.8.4 Masalah Lafaz <i>Uṣallī</i> .....                                                         | 51            |
| 2.9 Kesimpulan.....                                                                             | 52            |
| <br><b>BAB 3: ISU-ISU FIQH TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI DI KOTA<br/>BHARU, KELANTAN.....</b> | <br><b>54</b> |
| 3.1 Pengenalan.....                                                                             | 54            |
| 3.2 Latar Belakang Pendukung Aliran Salafi di Kota Bharu .....                                  | 54            |

|                                                                                                     |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.2.1 Maulana Muhammad Asri Yusoff .....                                                            | 54 |
| 3.2.2 YB Senator Dato“ Dr Johari Mat .....                                                          | 55 |
| 3.2.3 Dr. Ahmad Najib Abdullah.....                                                                 | 56 |
| 3.3 Pemikiran Pendukung Aliran Salafi di Kota Bharu .....                                           | 57 |
| 3.3.1 Konsep Ijtihad antara Salafi dan Tradisional.....                                             | 57 |
| 3.3.2 Proses Islamisasi di Alam Melayu dan Membawa Islam yang Penuh Elemen<br>Sinkretisme .....     | 58 |
| 3.3.3 Metodologi Ijtihad Salafi .....                                                               | 59 |
| 3.3.4 Mazhab-Mazhab dalam Islam.....                                                                | 59 |
| 3.3.5 Budaya Melayu .....                                                                           | 60 |
| 3.4 Isu-Isu Fiqh Semasa di Kota Bharu: Pendekatan yang dibawa oleh Pendukung<br>Aliran Salafi ..... | 61 |
| 3.4.1 Isu dalam Bab Ibadah .....                                                                    | 62 |
| a) Solat Jamak dan Qasar Balik Kampung di Rumah Ibu Bapa .....                                      | 62 |
| b) Bacaan Surah Fatihah dalam Wirid Selepas Solat.....                                              | 63 |
| c) Niat Iktikaf dalam Khemah di Madinah Ramadan pada Bulan Ramadan .....                            | 64 |
| d) Isu Imsak Puasa .....                                                                            | 66 |
| 3.4.2 Isu dalam Bab Munakahat .....                                                                 | 67 |
| a) Isu Akad Nikah Menerusi Sidang Video .....                                                       | 67 |
| b) Isu <i>Bay,,ahdan Ta,,liq</i> .....                                                              | 68 |
| 3.4.3 Isu Lain-lain.....                                                                            | 70 |
| a) Isu Pelupusan al-Quran (Banjir 2014) .....                                                       | 70 |
| b) Isu Anjuran Pesta Memancing.....                                                                 | 71 |
| 3.5 Kesimpulan.....                                                                                 | 73 |

|                                                                        |               |
|------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>BAB 4: ISU-ISU FIQH SEMASA DI KELANTAN.....</b>                     | <b>75</b>     |
| 4.1 Pengenalan.....                                                    | 75            |
| 4.2 Isu-Isu Fiqh Semasa di Kota Bharu, Kelantan .....                  | 75            |
| 4.2.1 Isu dalam Ibadah.....                                            | 78            |
| a) Amalan Solat Jamak dan Qasar Semasa Balik Kampung di Rumah Ibu Bapa | 78            |
| b) Bacaan Surah al-Fatihah dalam Wirid Selepas Solat .....             | 79            |
| c) Niat Iktikaf dalam Khemah.....                                      | 80            |
| d) Imsak Puasa .....                                                   | 82            |
| 4.2.2 Isu dalam Bab Munakahat .....                                    | 83            |
| a) Isu Akad Nikah Menerusi Sidang Video .....                          | 83            |
| b) Isu <i>Bay,,ahdan Ta,,liq</i> .....                                 | 85            |
| 4.2.3 Lain-lain.....                                                   | 87            |
| a) Isu Pelupusan al-Quran .....                                        | 87            |
| b) Isu Anjuran Pesta Memancing.....                                    | 90            |
| 4.3 Analisis Pandangan Tokoh Salafi di Kota Bharu, Kelantan .....      | 92            |
| 4.3.1 Menyokong Amalan Yang Mempunyai Sandaran Nas .....               | 92            |
| 4.3.2 Mengambil Pendekatan Yang Lebih Terbuka .....                    | 93            |
| 4.3.3 Perbezaan Pendekatan Antara Responden.....                       | 93            |
| 4.3.4 Analisis Mengikut Pembahagian Hukum .....                        | 93            |
| 4.3 Kesimpulan.....                                                    | 94            |
| <br><b>BAB 5: PENUTUP .....</b>                                        | <br><b>95</b> |
| 5.1 Dapatan Kajian .....                                               | 95            |
| 5.1.1 Objektif Pertama .....                                           | 95            |
| 5.1.2 Objektif Kedua.....                                              | 95            |
| 5.1.3 Objektif Ketiga .....                                            | 96            |

|                                                            |                |
|------------------------------------------------------------|----------------|
| 5.2 Rumusan Kajian .....                                   | 97             |
| 5.3 Saranan kepada Pihak Yang Berkuasa dan Masyarakat..... | 100            |
| 5.4 Kesimpulan.....                                        | 101            |
| <br><b>BIBLIOGRAFI.....</b>                                | <br><b>103</b> |
| <b>LAMPIRAN.....</b>                                       | <b>113</b>     |

Universiti Malaya

## SENARAI SINGKATAN

|         |                                                                            |
|---------|----------------------------------------------------------------------------|
| a.s.    | „alaihi al-salam                                                           |
| bil.    | bilangan                                                                   |
| cet.    | cetakan                                                                    |
| DBP.    | Dewan Bahasa dan Pustaka                                                   |
| dll.    | dan lain-lain                                                              |
| dr.     | doctor                                                                     |
| ed.     | edit                                                                       |
| et.all. | dan pengarang-pengarang lain                                               |
| H       | tahun Hijrah                                                               |
| h.      | halaman                                                                    |
| ibid    | ditempat yang sama                                                         |
| j.      | jilid                                                                      |
| juz.    | juzu“                                                                      |
| lo.cit. | (Yunani : Loco citato) rujukan pada muka surat yang sama dengan sebelumnya |
| M       | tahun Masihi                                                               |
| m.      | meninggal                                                                  |
| op.cit  | (Latin : Opere citato) rujukan yang berselang dan berlainan muka surat     |
| no.     | nombor                                                                     |
| prof.   | professor                                                                  |
| RA      | radiya Allahu „anhu/“anha                                                  |
| SAW     | salla Allahu „alaihi wa sallam                                             |
| SWT     | subhanahu wa ta“ala                                                        |

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Sdn. Bhd. | Sendirian Berhad |
| Sunt.     | suntingan        |
| Terj.     | terjemahan       |
| t.pt.     | tiada penerbit   |
| t.th.     | tiada tarikh     |
| t.tp.     | tiada tempat     |

Universiti Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

|                                                                                                                                           |     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Lampiran 1: Peta Negeri Kelantan .....                                                                                                    | 113 |
| Lampiran 2: Peta Jajahan Kota Bharu.....                                                                                                  | 114 |
| Lampiran 3: Transkrip 1.....                                                                                                              | 115 |
| Lampiran 4: Transkrip 2.....                                                                                                              | 117 |
| Lampiran 5: Transkrip 3.....                                                                                                              | 121 |
| Lampiran 6: Sesi Temu Bual antara pengkaji dengan Maulana Muhammad Asri Yusoff,<br>Dato Dr. Johari Mat dan Dr. Ahmad Najib Abdullah ..... | 124 |

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Shāfiʿiyyah dan Salafiyyah merupakan dua aliran pemikiran yang popular dan saling bertentangan antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Dalam istilah lain, aliran ini juga dikenali sebagai golongan tradisionalisme dan reformisme. Istilah Shāfiʿiyyah merujuk kepada aliran pemikiran tradisional yang selari dengan pendekatan *khalaf* dalam teologi dan berpegang teguh dengan mazhab Shāfiʿī dalam bab ilmu fiqh. Sementara itu, Salafiyyah merupakan aliran reformisme atau lebih dikenali sebagai *iṣlāḥ* yang mendukung pemikiran Salaf dalam teologi, dan tidak terikat kepada mazhab tertentu sahaja dalam pemikiran fiqh.<sup>1</sup>

Sebelum abad ke-20M, masyarakat Islam di Malaysia berada di bawah satu aliran pemikiran, iaitu aliran tradisionalisme yang sepenuhnya beramal dengan menggunakan hukum-hukum fiqh berlandaskan mazhab Shāfiʿī. Sehingga penghujung abad ke-19M, iaitu setelah masyarakat Melayu menerima Islam sejak dari abad ke 13M, aliran tradisionalisme Shāfiʿiyyah ini tidak pernah ditandingi oleh mana-mana aliran lain. Namun, pada awal abad ke-20M atau lebih tepat pada tahun 1906, aliran Shāfiʿiyyah buat pertama kalinya dicabar oleh aliran pembaharuan dengan munculnya majalah *Al-Imam*.<sup>2</sup> Aliran ini tetap berkembang pesat walaupun ditentang hebat oleh majoriti masyarakat Melayu Muslim yang beraliran tradisional.<sup>3</sup>

Dewasa ini munculnya pelbagai aliran pemikiran baharu dalam kalangan masyarakat Melayu. Fenomena ini telah mempengaruhi dan mendominasi masyarakat Melayu itu sendiri. Akibatnya, tercetus bermacam isu dalam kalangan masyarakat Islam

---

<sup>1</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus," *Jurnal Fiqh*, vol. 2 (2005), 73.

<sup>2</sup> Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, "Keterbukaan Bermazhab dalam Realiti di Malaysia: Keperluan atau Kecelaruan?" *Jurnal Syariah* (2012), 292.

<sup>3</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus," 74.

berkenaan amalan dan perbezaan antara pemikiran baharu serta amalan tradisi yang telah diwarisi daripada generasi awal masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Pemikiran dan amalan-amalan yang dimaksudkan oleh pengkaji dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu liberalis, reformis, tradisionalis, dan Salafi. Isu yang timbul adalah aliran pemikiran gerakan Salafi yang berpegang kepada kerangka metodologi keilmuan Islam baku dan telah dikaitkan dengan pelbagai nisbah berbentuk negatif.<sup>4</sup>

Proses Islamisasi Alam Melayu telah tercatat dalam sejarah Malaysia. Proses ini menekankan elemen positif yang merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu. Menurut kajian Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Siti Maimunah Kahal, terdapat tiga kategori Salafi di Malaysia, iaitu tradisionalis yang terpengaruh dengan fahaman Wahabism, sederhana, dan melampau.<sup>5</sup> Gerakan Salafi dikesan telah menimbulkan pelbagai kontroversi dalam kalangan umat Islam di Malaysia, terutamanya di Kota Bharu, Kelantan. Ada di antara gerakan tersebut yang bersifat konstruktif, dan ada juga yang destruktif.

Antara ketiga-tiga golongan ini, golongan Salafi sederhana dan tradisionalis adalah yang paling berpengaruh di Malaysia. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang pengajian, sama ada di dalam mahupun di luar negara. Namun, sebilangan kecil yang berpengaruh seringkali menimbulkan perselisihan (*ikhtilaf*) dalam bab *furū*., yang dapat menimbulkan kemarahan dalam kalangan ulama tempatan. Golongan ini menggunakan pendekatan usrah tertutup, kuliah-kuliah agama, dan program-program di institusi-institusi awam, swasta dan lain-lain. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran Salafi yang diamalkan di Kelantan, khususnya di Kota Bharu, dengan penekanan terhadap isu-isu fiqh yang ditimbulkan.

---

<sup>4</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus," 74.

<sup>5</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim & Siti Maimunah Kahal, "Ilmu Kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal," *Sejarah: Journal of the Department of History*, vol. 26, no. 1 (2017), 33-49.

Usaha dalam meneruskan diskusi ilmiah di Kelantan didapati semakin berkembang dengan baik. Kumpulan yang menggerakkan usaha ini dikenali dengan Salafi atau gerakan *iṣlāḥ*. Gerakan-gerakan seperti ini dilihat sebagai bertentangan dengan arus melalui penentangan pemikiran yang didominasi oleh para ilmuwan tradisional di Kelantan. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menafikan bahawa terdapat perkara positif dan negatif melalui gerakan Salafi ini, khususnya dalam hal yang melibatkan hukum dalam Islam. Oleh sebab itu, kajian yang dijalankan ini akan memperincikan isu-isu berkaitan dengan hukum dalam Islam yang dibawa oleh tokoh-tokoh Salafi di Kota Bharu, Kelantan.

Pengkaji mendapati bahawa pengaruh bagi pendapat yang bersifat negatif dilihat lebih dominan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Dalam masa yang sama, tahap kepercayaan mereka kepada kumpulan Salafi ini terlalu rendah disebabkan isu-isu hukum yang diamalkan oleh mereka bercanggah dengan pemikiran dan amalan tradisi.<sup>6</sup>

Walaupun bagaimanapun, sekiranya isu-isu ini tidak ditangani dengan segera dan dijelaskan dengan terperinci, dikhuatiri kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu akan semakin meningkat. Kekeliruan ini akan membawa persepsi negatif terhadap golongan Salafi kerana mereka dahulunya amat terkenal sebagai Salafussoleh yang terkehadapan dalam bab akidah, ibadah, jihad, dan perjuangan. Mereka mentaati Allah dan dijanjikan syurga sebagai ganjaran keredhaanNya. Begitu juga bagi sesiapa yang ingin mengikuti dan menyelusuri jalan mereka. Jaminan ini dikuatkan lagi dengan pengakuan dan jaminan Nabi SAW seperti dalam sabda baginda:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

*“Sebaik-baik manusia adalah pada kurunku ini (para sahabat) kemudian*

---

<sup>6</sup> Mohd Kamil Hj Ab Majid, “Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam,” *Jurnal Usuluddin* (2017), 111-136. Muhammad Abu Zahrah (1898-1974M) berpandangan bahawa berlakunya perbezaan-perbezaan pendapat dalam perkara *furū*., adalah dibenarkan selagimana mereka tidak sama sekali menyentuh permasalahan asas agama atau *lub al-din*. Lihat Muḥammad Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Fikr, t.t.), 11.

*yang setelahnya (tābi,,ñ), kemudian yang setelahnya (tābi,, tābi,,ñ).”*<sup>7</sup>

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kebanyakan umat Islam di seluruh dunia mempunyai pegangan atau fahaman mazhab tertentu, antaranya ialah Mazhab Shāfi,,ñ, Ḥanbalī, Maliki, dan Ḥanafī. Di Malaysia, mazhab Shāfi,,ñ menjadi pegangan dan ikutan majoriti umat Islam dalam memperhambakan diri kepada Allah SWT. Namun, kesepakatan ulama tidak menganjurkan umat Islam terlalu berpegang dengan satu mazhab sahaja.

Imam Ahmad bin Hanbal amat tegas dengan hujahnya iaitu tidak menyokong sikap kebanyakan umat Islam yang sangat taksub dan sekadar berpuas hati dengan suatu mazhab sahaja tanpa meneliti pandangan dan hujah daripada mazhab-mazhab lain.<sup>8</sup> Sejarah mencatatkan perbezaan-perbezaan yang ketara daripada keempat-empat mazhab ini, khususnya dalam menentukan dan memahami isu-isu berkaitan cabang-cabang dan hukum-hukum dalam Islam. Hal ini demikian kerana, keempat-empat imam mazhab ini mempunyai pandangan dan hujah masing-masing. Walau bagaimanapun, keempat-empat mazhab ini tidak pernah mencemuh atau merendah-rendahkan antara satu sama lain. Malah, masing-masing mengakui dan menerima pandangan dan hujah setiap mazhab pada zaman itu.

Walaupun bagaimanapun, timbulnya isu yang membawa kepada pertikaian antara pendukung mazhab-mazhab disebabkan perbezaan pemahaman tentang dalil-dalil al-Quran dan hadis. Hal ini berlaku disebabkan wujudnya salah faham akan pengertian yang sebenar. Oleh yang demikian, penjelasan yang terperinci adalah diperlukan bagi mencari titik persefahaman antara satu sama lain. Bahkan, istilah-istilah tertentu seperti

<sup>7</sup> Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Maktabah al-„Aṣriyyah, t.t.), no. hadis 3322, 3458.

<sup>8</sup> Ibn al-Jawzī, *Manāqib al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Riyād: Dār al-Hijr, 1987), 185; Abdul Hafiz Abdullah & Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusof, “Khilafiyah Furu,,yyah: Satu Tinjauan Pandangan HAMKA dalam Tafsir Al-Azhar,” *Proceedings The 2nd Annual International Qur’anic Conference on 22-23 February 2012* (Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya, 2012).

„ta’assub“, „taqlid“ dan „salafi“ perlu dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam.

Sejak Islam mula bertapak sehingga kini, masalah perbezaan pandangan sentiasa membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam seluruh dunia. Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa zaman ini merupakan zaman fitnah dan akan menimbulkan semakin banyak perbezaan hujah dalam kalangan umat Islam sepertimana hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اِفْتَرَقَ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَتَفَرَّقَتِ النَّصَارَى عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَتَفَرَّقَ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً.

*“Dari Abu Hurayrah RA, ia berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda, „Kaum Yahudi telah terpecah menjadi tujuh puluh satu golongan atau tujuh puluh dua golongan, dan kaum Nasrani telah terpecah menjadi tujuh puluh satu atau tujuh puluh dua golongan, dan ummatku akan terpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan...”<sup>9</sup>*

Perbezaan-perbezaan ini tidak ditentukan kepada kaedah ilmu dan akhlak Islamiyah seperti yang ditunjukkan oleh para sahabat dan imam-imam mazhab terdahulu. Hal ini menyebabkan terjadinya perpecahan dalam kalangan umat Islam walaupun Islam sangat menegah perpecahan.

Ramai umat Islam di Malaysia terutamanya di Kota Bharu kini cenderung menjadikan syariat Islam sebagai petunjuk dalam keseluruhan kehidupan seharian mereka. Penerapan penghayatan Islam dapat dilihat pada individu dan juga dalam pendidikan. Fenomena ini dapat dibuktikan dari sudut amalan ibadah masyarakat pada hari ini seperti berzikir, berdoa dan lain-lain ibadat yang berbentuk khusus. Bercambahnya cetakan buku-buku panduan beribadat, malah media elektronik kini seringkali menyiarkan ceramah-ceramah agama yang memberi penekanan kepada

<sup>9</sup> Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 5 (Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1997), 25, “Kitāb al-Īmān”, no. hadis 2640.

kepentingan beragama dalam kehidupan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, kesatuan umat adalah asas penting yang berupaya membawa kejayaan kepada Islam. Dalam satu hadis sahih, Rasulullah SAW menyatakan bahawa zaman beliau dan pengikutnya merupakan zaman terbaik dalam pelbagai aspek termasuklah ketinggian akhlak, keharmonian, dan kesatuan.

Setelah zaman Rasulullah SAW dan para sahabat berakhir, umat Islam mula berpecah kepada beberapa mazhab. Kini, terdapat empat mazhab yang diakui oleh *ahli sunnah wa al-jamā'ah* iaitu mazhab Shāfi'ī, Ḥanbalī, Maliki, dan Ḥanafī yang mempunyai pengaruh dan pengikut masing-masing dalam kalangan masyarakat di seluruh pelosok dunia. Namun, disebabkan sebilangan ketaksuban pengikut fanatik sesebuah mazhab, maka ia telah menimbulkan perselisihan antara umat Islam. Jika isu ini tidak diatasi dengan berhemah, maka keharmonian dan kesatuan umat Islam boleh tergugat.

Majoriti umat Islam di Malaysia merupakan pengikut mazhab Shāfi'ī yang diwarisi dan dipercayai serta diamalkan sejak dahulu lagi. Namun, kemunculan pelbagai aliran yang berbeza amalannya daripada ajaran mazhab Shāfi'ī telah menimbulkan perselisihan dalam kalangan umat Islam, terutamanya di Kota Bharu, Kelantan. Jadi, kajian ini wajar dijalankan bagi mengenal pasti tahap dan kesan kemunculan aliran Salafi terhadap keharmonian dan kesatuan umat Islam di Kota Bharu.

Di Malaysia secara umumnya, timbul permasalahan tentang isu-isu fiqh dalam bab-bab ibadat, muamalat, munakahat, politik, dan lain-lain. Antara isu yang dipolemikkan secara umum ialah berkaitan wuduk, memukul beduk atau tabuh serta bacaan-bacaan tertentu selepas azan, lafaz niat dalam ibadah, membaca bismillah secara nyaring, membaca qunut dalam solat Subuh, melafazkan sayyidina dalam tasyahhud,

bacaan wirid secara beramai-ramai dengan suara nyaring selepas solat jamaah, bacaan talkin selepas pengkebumian jenazah, menunggu kubur dan mengupah bacaan al-Quran di atasnya, majlis tahlil, mengadakan kenduri arwah, dan lain-lain permasalahan hukum yang berbangkit.<sup>10</sup>

Manakala di Kota Bharu Kelantan, antara isu popular yang dibangkitkan dalam perkara ibadah ialah solat jamak dan qasar apabila pulang ke kampung halaman di Kelantan, bacaan al-Fatihah sebagai wirid selepas solat, amalan niat iktikaf di dalam khemah Madinah Ramadan setiap tahun, , dan isu waktu imsak puasa. Manakala dalam perkara munakahat ialah akad nikah menerusi sidang video antara pengantin di Kelantan dengan pengantin di luar negara, dan *bay,,ah* serta ta'liq talaq tiga bagi pemimpin parti politik. Isu dalam hal-hal lain adalah penganjuran pesta memancing, dan pelupusan al-Quran.

Dalam hal ini, aliran Salafi berpandangan bahawa dibenarkan untuk melakukan iktikaf di dalam khemah. Hal ini kerana terdapat pandangan ulama yang membenarkan amalan iktikaf di mana-mana masjid atau tempat yang didirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah. Berbeza pula dengan pandangan aliran tradisional yang menyatakan bahawa iktikaf hanya dibenarkan di masjid *jāmi,,* (masjid yang didirikan solat fardu Jumaat) sebagaimana pandangan al-Imam al-Shāfi,ṛ.<sup>11</sup> Pengkaji melihat berdasarkan amalan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan, mereka memilih untuk melakukan iktikaf di dalam khemah Madinah Ramadan.

Begitu juga dalam isu bacaan al-Fatihah sebagai wirid selepas solat fardhu lima

---

<sup>10</sup> Pengkaji melihat hangatunya isu ini diperkatakan oleh masyarakat melalui pemerhatian kepada ceramah-ceramah yang disampaikan di masjid-masjid di kawasan Kota Bharu, Kelantan serta respon daripada masyarakat di kawasan tersebut.

<sup>11</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 1 (Lubnan: Bayt al-Afkār Dawliyyah, 2004), 636.

waktu,<sup>12</sup> aliran tradisional mengamalkan amalan tersebut, manakala aliran Salafi menyatakan bahawa ia adalah amalan berbentuk bid'ah. Dalam isu solat jamak dan qasar apabila pulang ke kampung halaman di Kelantan, aliran Salafi berpandangan bahawa dibolehkan menunaikan solat jamak dan qasar selama mana ianya berniat musafir, manakala golongan tradisional berpendapat apabila seseorang berniat untuk menetap melebihi empat hari, maka hendaklah ia solat secara tamam dan tidak dibenarkan untuk solat jamak dan qasar.<sup>13</sup>

Dalam isu waktu imsak puasa, aliran Salafi berpendapat bahawa ia adalah sebagai tambahan terhadap apa yang telah difardukan oleh Allah SWT, yang menghampiri perbuatan bid'ah dalam agama. Sedangkan aliran tradisional berpendapat bahawa waktu imsak adalah harus bagi memudahkan masyarakat untuk menentukan garis panduan untuk berpuasa.

Bagi isu akad nikah menerusi sidang video antara pengantin di Kelantan dengan pengantin di luar negara, aliran tradisional menyatakan bahawa tidak sah akad nikah melalui sidang video disebabkan kedua-dua pengantin tidak berada dalam satu majlis, manakala aliran Salafi berpendapat bahawa akad nikah yang dilangsungkan melalui sidang video adalah sah jika cukup syaratnya.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Isu bacaan Surah Al-Fatihah dalam wirid selepas solat adalah antara isu fiqh yang popular dibangkitkan dalam kalangan masyarakat tentang keharusan bacaannya. Pengkaji mendapati isu ini begitu popular berdasarkan beberapa sumber seperti pemerhatian pengkaji melalui ceramah-ceramah di masjid Kota Bharu, serta temu bual pengkaji bersama responden kajian. Lihat Abd Muein, "Nabi SAW tak Ajar Selepas Solat Baca Surah al-Fatihah," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=8ovvQqubaoU&feature=youtu.be>, dicapai pada 8 Oktober 2018; Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017; Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017; Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>13</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 2004), 341.

<sup>14</sup> Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jemaah Ulama" Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang kali ke-1/2001 pada 23 September 2001. Fatwa yang dikeluarkan adalah berlandaskan ittihad al-majlis (penyetujuan majlis) yang menjadi persoalan pokok tentang sah atau tidak menerusi sidang video telah dipenuhi. Walaupun akad nikah seperti ini tidak dikatakan sebagai "*ittihad haqiqi*" (penyetujuan sebenar), tetapi ia dikelaskan sebagai *ittihad fi al-ma'na* (penyetujuan pada makna) atau *ittihad al-majāzī* (penyetujuan pada kiasan). Pengkaji memperolehi maklumat tentang amalan perkahwinan di Kota Bharu melalui Imam Muda Masjid. Lihat Wan Zulkifli Wan Omar (Imam Muda, Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 16 Julai 2018.

Isu-isu ini menjadi polemik dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat sama ada ia dilakukan berlandaskan syarak atau pun sebaliknya. Bahkan, pengkaji mendapati bahawa isu-isu ini masih hangat diperkatakan dalam kalangan masyarakat sehingga kini, walaupun sebahagian daripadanya merupakan isu yang telah lama dibangkitkan.<sup>15</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada isu-isu fiqh yang menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat Islam, serta pendekatan yang dibawa oleh tokoh Salafi terkenal di Kota Bharu Kelantan, iaitu Muhammad Asri Yusoff, Johari Mat, dan Ahmad Najib Abdullah. Perbincangan ini turut merangkumi corak pemikiran aliran Salafi dan isu-isu fiqh yang menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian yang akan dijawab di dalam kajian ini, yang mana perinciannya adalah seperti berikut:

1. Apakah sejarah dan latar belakang aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan?
2. Apakah isu-isu fiqh yang dipolemikkan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, Kelantan?
3. Apakah isu-isu fiqh dan pendekatan yang dibawa oleh pendukung aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji isu-isu fiqh terpilih mengikut aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian dijalankan dengan berdasarkan objektif-objektif ini:

1. Mengenal pasti latar belakang aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan.

---

<sup>15</sup> Pengkaji melihat hangatnya isu ini diperkatakan oleh masyarakat melalui pemerhatian kepada ceramah-ceramah yang disampaikan di masjid-masjid di kawasan Kota Bharu, Kelantan serta respon daripada masyarakat di kawasan tersebut.

2. Mengkaji isu-isu fiqh yang dipolemikkan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, Kelantan.
3. Menganalisis isu-isu fiqh melalui pendekatan oleh pendukung aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Pengkaji mendapati bahawa kajian ini begitu penting dalam memberikan penekanan kepada isu-isu fiqh yang dipolemikkan serta pendekatan yang dibawa oleh gerakan ini di Kota Bharu, Kelantan. Masyarakat di Kota Bharu seharusnya memahami dan mendalami isu-isu fiqh semasa agar tanggapan negatif terhadap golongan Salafi ini dapat dielakkan seterusnya dapat memberikan konklusi yang tepat terhadap isu-isu terdahulu mahupun kontemporari. Walau bagaimanapun, pengkaji memfokuskan topik perbincangan ini dengan hanya memberi penekanan kepada isu-isu fiqh semasa yang seringkali diperdebatkan oleh masyarakat di kawasan Kota Bharu Kelantan.

Rasional pemilihan kawasan Kota Bharu adalah disebabkan wujudnya institusi pendidikan dan jabatan seperti pondok, sekolah agama, jabatan agama, dan masjid-masjid utama. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang disebutkan tadi hanyalah faktor sampingan semata-mata. Adapun sebab utama yang mendorong pengkaji memilih kawasan kajian ini adalah disebabkan terlalu kerap isu-isu ini diperdengarkan oleh jemaah surau masjid-masjid secara umumnya, lebih-lebih lagi apabila melibatkan isu Salafi.<sup>16</sup>

Bertitik tolak dari sinilah, pengkaji berusaha bagi menyelami dan menghayati bentuk pemikiran masyarakat secara jelas iaitu apakah cara mereka memahami aliran Salafi ini melalui penyanggahan berdasarkan ilmu agama atau fahaman mereka sendiri atau bukannya kerana taksub kepada aliran tradisional semata-mata.

---

<sup>16</sup> Pengkaji mendapati hangatunya isu-isu yang akan dikaji adalah melalui pemerhatian kepada ceramah-ceramah yang disampaikan di masjid-masjid di kawasan Kota Bharu, Kelantan serta respon daripada masyarakat di kawasan tersebut.

Kajian ini secara tidak langsung bertujuan menjadi pemangkin ke arah menjana sebuah masyarakat yang kaya dengan ilmu dan maklumat tepat dengan menghapuskan budaya tohmah dan menuduh antara satu sama lain. Dalam hal ini, pengkaji mendapat amat penting untuk diselidiki tentang penerimaan masyarakat terhadap aliran ini terutamanya di kawasan Kota Bharu, Kelantan.

Selain daripada itu, kajian ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Islam di Kota Bharu, Kelantan akan pentingnya hidup bersatu padu dalam masyarakat sebagaimana saranan Rasulullah SAW. Pengkaji juga berharap agar hasil kajian ini dapat memberikan pencerahan tentang isu-isu fiqh secara jelas berlandaskan al-Quran dan hadis, khususnya berkaitan amalan-amalan yang dibawa oleh gerakan Salafi ini supaya tidak disalahertikan oleh masyarakat Islam khususnya di Kota Bharu, Kelantan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam meminda atau menambahbaik sebarang polisi yang sedia ada bagi mengekalkan keharmonian dan kesatuan umat Islam di Kota Bharu, Kelantan. Bagi golongan ahli akademik dan pengkaji pula, diharapkan kajian ini mampu memberikan maklumat berguna untuk penyelidikan lebih lanjut di masa akan datang.

### **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini menumpukan pada kefahaman atau aliran fiqh sahaja, terutamanya isu-isu fiqh yang hangat dibincangkan di Kota Bharu. Selain itu, kajian ini juga hanya mengkaji tentang masyarakat Islam di Kota Bharu, meliputi aspek pemahaman agama, pengamalan ajaran agama, dan melihat sama ada aliran mazhab ahli sunnah selain mazhab Shāfi,ī yang muncul di Kota Bharu bersesuaian dan dapat diterima oleh masyarakat Kota Bharu. Bagi mencapai maksud tersebut, persampelan hanya dilakukan terhadap tokoh-tokoh aliran Salafi dengan mendapatkan maklumat dan menganalisis data.

Memandangkan bahan bertulis untuk bagi skop kajian iaitu pandangan ketiga-tiga

responden yang ditemu bual sangat minimum, maka pengkaji terpaksa menggunakan laman blog dan youtube yang terpilih. Pemilihan hanya dibuat kepada laman blog dan youtube yang rasmi milik responden sahaja.

## **1.8 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan secara deskripsi iaitu data yang diperoleh akan dianalisis dan diuraikan sehingga keadaan sebenar dapat digambarkan. Sumber data diperoleh daripada data sekunder dan data primer. Data sekunder berasal daripada kajian di perpustakaan, manakala data primer diperoleh daripada hasil temu bual dengan responden yang dipilih.

## **1.9 Metodologi Kajian**

### **1.9.1 Pengenalan**

Metodologi kajian ini menjelaskan proses aktiviti kajian yang dijalankan daripada permulaan proses merangka kajian sehingga ke proses melaporkan dapatan kajian. Oleh itu, bahagian ini akan menguraikan tentang reka bentuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, tatacara pengumpulan dan penganalisan data turut diuraikan.

Metodologi kajian ini akan meliputi semua data dan kaedah yang digunakan dalam menentukan keberhasilan objektif kajian. Metodologi kajian yang terbaik semestinya memudahkan proses pengumpulan data secara maklumat untuk dianalisis. Metodologi yang tepat amat penting dalam sesuatu kajian bagi menilai keputusan akhir. Pemilihan metodologi kajian yang tepat serta perancangan yang teliti dapat melancarkan lagi proses penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Mohd. Majid Konting,<sup>17</sup> kaedah penyelidikan merujuk kepada cara mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif sesuatu penyelidikan. Pengumpulan maklumat perlulah dengan cara yang

---

<sup>17</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Pengkajian Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 96.

paling berkesan dan dengan perbelanjaan yang paling ekonomik.

#### **a) Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan adalah kaedah kualitatif yang dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini dimulakan dengan melakukan rujukan terhadap bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Kaedah ini dijalankan bagi memastikan tiada pertindihan tajuk atau persamaan dengan kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas dianalisis bagi mengenal pasti data serta pendekatan yang digunakan dalam tajuk yang dikaji.

Selain itu, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam tentang perbezaan aliran mazhab *ahli sunnah wa al-jamā'ah*, khasnya merujuk kepada keempat-empat mazhab yang utama iaitu mazhab Shāfi'ī, Maliki, Hanbalī, dan Hanafī. Kaedah ini memberikan kefahaman yang jelas tentang sejarah, pengasas, dan juga perbezaan aliran yang dibawa oleh mazhab tersebut dalam mengupas sesuatu hukum Islam. Data yang diperoleh menjadi hujah penting kepada hasil dapatan kajian secara menyeluruh. Selain daripada itu, angkubah-angkubah (*variables*) utama yang patut dihuraikan dalam kajian ini juga dapat dikenal pasti.

Pengkaji memilih beberapa perpustakaan untuk menjalankan kajian kepustakaan (*library research*) bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan ini. Antara perpustakaan-perpustakaan tersebut ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 2) Perpustakaan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 3) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 4) Perpustakaan Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
- 5) Perpustakaan Darul Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.

## **b) Temu bual**

Dalam kajian ini, rakaman temu bual adalah satu-satunya cara yang digunakan bagi proses pengumpulan data bagi mengumpulkan maklumat daripada responden kajian. Temu bual merupakan perbualan dua hala antara penemu bual dan responden secara lisan yang bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang khusus.<sup>18</sup> Berikut merupakan langkah-langkah temu bual yang dinyatakan oleh Chua Yan Piaw:<sup>19</sup>

## **c) Pembinaan item temu bual**

Item temu bual merupakan soalan yang akan ditanya oleh pengkaji terhadap responden bagi mencapai objektif kajian serta menjawab persoalan kajian. Sebanyak enam item soalan temu bual dibina berdasarkan permasalahan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu.

## **d) Keabsahan item temu bual**

Sesuatu ujian atau instrumen dikatakan mempunyai keabsahan kandungan yang tinggi sekiranya ia dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan.<sup>20</sup> Perbincangan kesahan item temu bual ini dibincangkan secara jelas dengan keabsahan diberi oleh penyelia.

Setelah pembinaan item terhasil pada peringkat awal, proses pertama yang pengkaji lakukan ialah menyerahkan item ini kepada pakar yang perlu menilai. Namun, setelah dinilai, item temu bual tersebut mempunyai pelbagai kekurangan serta kelompangan dari sudut penggunaan perkataan, bahasa yang tidak sesuai, kefahaman soalan, serta kesesuaian konsep soalan terhadap kerangka konsep kajian.

---

<sup>18</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian Buku 1: Kaedah Pengkajian*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011).

<sup>19</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian Buku 1: Kaedah Pengkajian*.

<sup>20</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Pengkajian Pendidikan*, 96.

#### e) Pemilihan Responden

Kajian ini dijalankan di sekitar Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif atau yang menggunakan kaedah temu bual hanya melibatkan responden yang sedikit.<sup>21</sup> Dalam situasi sekarang, terdapat beberapa orang tokoh Salafi, maka pengkaji hanya perlu memilih sebilangan kecil sahaja daripada keseluruhan bilangan tokoh Salafi tersebut untuk dijadikan responden kajian ini. Melalui pendekatan kualitatif, data yang diperoleh merupakan data yang terperinci serta menarik walaupun pengkaji menggunakan responden yang sedikit.

Bagi melancarkan proses pemilihan responden, pengkaji berbincang dengan penyelia bagi memastikan pemilihan responden adalah bersesuaian dan daripada kalangan tokoh Salafi di Kota Bharu. Sehubungan dengan itu, responden kajian yang dipilih merupakan tiga orang tokoh Salafi di Kota Bharu. Tokoh-tokoh ini dipilih berdasarkan ketokohan mereka dalam memperjuangkan aliran Salafi serta kerap kali menimbulkan isu-isu kontroversi dalam hal ibadah, muamalat, munakahat, dan lain-lain di Kelantan. Soalan temu bual adalah berdasarkan isu-isu semasa yang menjadi pendebatan dalam kalangan masyarakat di Kelantan khususnya di Kota Bharu.

Oleh sebab itu, berdasarkan penjelasan berkenaan pemilihan responden kajian di atas, diharap dapat menguatkan lagi rasional pemilihan responden demi memperoleh data yang berkualiti serta memuaskan. Sebagai rumusan kepada pemilihan responden, ketiga-tiga responden ini merupakan pendukung pemikiran Salafi di Kota Bharu, iaitu Muhammad Asri Yusoff, Johari Mat, dan Ahmad Najib Abdullah.<sup>22</sup> Mereka merupakan tokoh Salafi yang seringkali menjadi rujukan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Muhammad Asri Yusoff merupakan antara salah seorang ilmuwan yang tidak asing lagi dalam menyampaikan dakwah di Malaysia, khususnya di Kelantan dan Kuala Lumpur. Johari Mat merupakan salah seorang daripada ahli politik Malaysia berbangsa Melayu dari Parti Islam Se-Malaysia. Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Dewan Negara lantikan Kerajaan Negeri Kelantan. Di peringkat parti, beliau merupakan Ahli Majlis Syura Ulama PAS dan Naib Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Ahmad Najib Abdullah Al-Qari merupakan seorang tokoh dalam bidang dakwah dan pendidikan yang cukup terkenal di seluruh Malaysia.

berkaitan isu-isu permasalahan dalam bidang fiqh.

### **1.9.2 Tatacara Pengumpulan Data**

Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan tentang proses atau prosedur (tatacara) pengumpulan data ketika kajian sebenar berlaku. Kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan temu bual sebagai kaedah mengumpul data dilakukan secara lisan dan jawapan direkod oleh pengkaji sama ada secara bertulis, menerusi rakaman kaset, video dan media elektronik. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk menggunakan alat perakam suara ketika rakaman temu bual pengkaji bersama responden kajian ini. Tempoh setiap rakaman temu bual pengkaji bersama responden masing-masing memakan masa antara 30 hingga 45 minit.

Kesemua proses pengumpulan data ini berlaku di sekitar kawasan Kota Bharu. Pengkaji mengadakan temu janji dengan para responden di tempat yang mudah untuk responden hadir dan memberi komitmen. Perbincangan selanjutnya berkenaan sesi temu bual akan dijelaskan dalam dua bahagian iaitu tatacara sebelum dan semasa kajian.

#### **Tatacara Sebelum Kajian**

Sebelum memulakan rakaman temu bual, pengkaji akan meminta izin dan memperkenalkan diri terlebih dahulu kepada responden. Setelah responden tersebut bersetuju sebagai responden kajian ini, pengkaji kemudiannya menjelaskan segala prosedur temu bual, contohnya rakaman temu bual ini adalah sulit.

Seterusnya, pengkaji menerangkan tatatertib serta beberapa perkara yang perlu dititik beratkan semasa proses rakaman dijalankan. Menurut Othman Lebar,<sup>23</sup> pengkaji perlu menjelaskan kepada responden bahawa maklumat yang disumbangkan oleh mereka adalah penting bagi kajian yang dijalankan. Hal ini demikian bagi mengelakkan

---

<sup>23</sup> Othman Lebar, *Pengkajian Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009).

daripada berlakunya sesuatu perkara yang mungkin mengganggu proses rakaman.

Selain itu, sebelum memulakan rakaman temu bual, responden diminta bercakap dengan jelas ketika berlakunya proses rakaman supaya pengkaji memperoleh data yang tepat serta jelas. Malah pengkaji pun tidak terkecuali daripada menanyakan soalan yang jelas, dengan menggunakan perkataan dan ayat yang mudah supaya dapat difahami oleh responden.<sup>24</sup>

### **1.10 Sorotan Literatur**

Terdapat kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik dan ahli akademik dalam permasalahan fiqh semasa. Perbincangan berkenaan gerakan *işlāh* atau Salafi turut dibincangkan oleh sebahagian ahli akademik yang lain. Dalam melengkapkan kajian ini, pengkaji membuat sorotan kepada tiga pembahagian utama iaitu, (a) perkembangan aliran Salafi di Malaysia (b) realiti amalan fiqh semasa di Malaysia (c) isu-isu fiqh yang diperselisihkan di Kelantan.

#### **1.10.1 Sorotan Perkembangan Aliran Salafi di Malaysia**

Md Ashih Yaakub<sup>25</sup> menghuraikan tentang konflik di antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa Kaum Tua merupakan golongan yang terikat dengan salah satu mazhab empat. Mereka mengharuskan amalan bertaqlid kepada mana-mana mazhab selain mazhab yang sedang dianutinya dengan syarat-syarat tertentu seperti tidak berlaku *talfiq* yang ditegahkan. Manakala Kaum Muda ialah golongan yang tidak terikat dengan mazhab tertentu, malah mereka memilih mana-mana pendapat yang mudah untuk diamalkannya walaupun secara *talfiq* mazhab.

---

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Md Ashih Yaakub, "Konflik di Antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan: Rujukan Kepada Kitab Tazkiah al-Anzar dan al-Qawl al-Mufid," (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 113.

Saadan Man dan Abdul Karim Ali menjalankan kajian tentang<sup>26</sup> isu ikhtilaf fiqhi dalam kalangan aliran Shāfi'iyyah dan Salafiyyah di Malaysia. Mereka mendapati bahawa ikhtilaf fiqhi yang berlaku antara golongan Shāfi'iyyah dan Salafiyyah menyerupai ikhtilaf fuqaha' silam tetapi agak berbeza dari sudut faktor dan cara menanganinya. Manakala ikhtilaf antara golongan Shāfi'iyyah dan Salafiyyah di Malaysia adalah tentang perkara-perkara *furū*., dalam agama dan yang lebih bersifat *ẓannī* yang terbuka kepada pelbagai tanggapan, penilaian dan interpretasi masing-masing.

Saadan Man<sup>27</sup> dalam kajiannya yang bertajuk “The Development of Ikhtilaf and Its Impact on Muslim Society in Contemporary Malaysia,” merumuskan bahawa konflik antara kaum tradisional dan reformis diramalkan berterusan pada masa akan datang. Namun begitu, pengurusan secara bijak amatlah diperlukan untuk mengelakkan daripada berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam. Kumpulan tradisional dan reformis perlu mengamalkan etika yang diteladani oleh Sahabat Nabi dan ahli dalam kalangan *salaf al-ṣāliḥ*.

Islam mempunyai kubunya di Kepulauan Melayu sejak abad ke-13. Pelbagai pendekatan dan falsafah digunakan dalam menjelaskan pemahaman Islam dalam pelbagai aspek seperti akidah, fiqh, *tasawwuf*, dan lain-lain.<sup>28</sup> Di Malaysia, terdapat pelbagai kumpulan seperti tradisional, pembawa pembaharuan, moden, Salafi, dan rasionalis. Perbezaan antara kumpulan-kumpulan ini menghasilkan polemik antara Kumpulan Tua dan Muda, Shāfi'iyyah-Salafi, rasionalis sekular Islam, dan lain-lain. Di Indonesia, pelbagai kumpulan juga wujud seperti Muhammadiyyah, Nahdatul Ulama, Liberalis, dan lain-lain. Satu perbandingan umum antara Malaysia dan Indonesia dalam

---

<sup>26</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, “Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi’iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus,” 94.

<sup>27</sup> Saadan Man, “The Development of Ikhtilaf and Its Impact on Muslim Society in Contemporary Malaysia,” *Shariah Journal* (2008), 518.

<sup>28</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Pendekatan Malaysia dan Indonesia dalam Menangani Perkembangan Aliran Pemikiran Islam: Satu Analisis Perbandingan,” *Jati*, vol. 13 (2008).

mempersembahkan pemikiran Islam jelas mempamerkan perbezaan yang ketara. Pendekatan Malaysia dianggap seperti “ditutup” dan “mengawal” sementara Indonesia “terbuka”.<sup>29</sup> Kajian ini cuba menganalisis baik buruknya antara dua pendekatan ini. Kajian ini juga cuba untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pendekatan di Malaysia dan Indonesia.

Zulkarnain Haron dan Nordin Hussin<sup>30</sup> telah menjalankan kajian yang bertajuk “Islam di Malaysia: Penilaian Semula Fahaman Salafi Jihadi dan Interpretasi Jihad oleh al-Jama‘ah al-Islamiyah”. Tujuan artikel ini adalah untuk menganalisis fahaman Salafi jihadi dan konsep jihad yang diinterpretasi oleh pengikut *Al-jamā‘ah al-Islāmiyyah*. Oleh kerana kumpulan ini menerapkan konsep dakwah wal jihad dalam mencapai matlamat perjuangan mereka, maka artikel ini juga akan membincangkan bagaimana sesetengah golongan yang mempunyai ijthad berbeza mendefinisikan strategi jihad *qitāl* (peperangan) dan juga mengenal pasti asal ideologi Salafi jihadi di dalam organisasi ini serta tokoh-tokoh Salafi yang sangat mempengaruhi perjuangan mereka.

Kecenderungan beberapa orang tokoh dan ulama Salafi jihadi dalam mentafsirkan semula sempadan dan batas jihad membuktikan bahawa mempunyai hubungan yang baik dengan pengikut *al-jamā‘ah al-Islāmiyyah*. Tokoh-tokoh ini bertindak menolak fahaman tradisional terhadap perjuangan jihad, terutamanya apabila melibatkan kematian tanpa mengira Islam atau sebaliknya. Dengan demikian, mereka membenarkan usaha jihad agar lebih meluas dan agresif. Akhir sekali, kajian ini akan mengenal pasti kedudukan kumpulan radikal di dalam *al-jamā‘ah al-Islāmiyyah* ini yang menentang jihad secara tradisional serta mentafsir semula perjuangan jihad di peringkat global bagi menghalalkan tindakan yang lebih agresif serta menerima kesan kepada saudara seagama mereka sendiri.

---

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Zulkarnain Haron & Nordin Hussin, “Islam di Malaysia: Penilaian Semula Fahaman Salafi Jihadi dan Interpretasi Jihad oleh al-Jama‘ah al-Islamiyah,” *Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 9, no. 1 (2013), 126-137.

Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar<sup>31</sup> dalam kajian mereka mengkaji tentang pentakwilan nas yang bersifat *mutashābihāt* dalam kalangan Salaf mendapat bahawa isu pentakwilan nas-nas *mutashābihāt* merupakan isu yang timbul dalam kalangan umat Islam bermula dari kurun awal Hijrah sehinggalah ke hari ini. Golongan Salaf kerap kali didakwa sebagai golongan yang tidak mentakwilkan nas-nas sifat *mutashābihāt*, manakala ulama *khalaf* yang datang selepas Salaf dan dilabelkan sebaliknya oleh penulis kontemporari. Impak daripada perkara tersebut, timbulnya polemik yang berlaku dalam kalangan umat Islam pada hari ini tentang keharusan golongan *khalaf* dalam menakwil nas-nas bersifat *mutashābihāt* yang dianggap bertentangan dengan ajaran Salaf. Namun, sejauh mana kesahan dan dakwaan tersebut perlulah dilakukan tinjauan semula bagi memurnikan isu tersebut. Kajian ini diketengahkan untuk mengkaji pandangan para ulama Salaf dalam isu tersebut dalam mengenal pasti penakwilan nas-nas sifat *mutashābihāt*.

Kajian ini mendapati bahawa sememangnya terdapat dalam kalangan ulama Salaf yang hidup sehingga kurun ketiga Hijrah yang melakukan takwilan terhadap nas-nas bersifat *mutashābihāt*, sama sebagaimana sebahagian daripada ulama *khalaf* yang melakukan pentakwilan. Hal ini menunjukkan bahawa dakwaan tentang penolakan ulama Salaf akan metode takwil nas-nas sifat *mutashābihāt* adalah pandangan yang kurang tepat. Kajian tersebut turut mengenal pasti bahawa istilah “Salaf” bukan sahaja merujuk kepada mereka yang hidup di zaman kurun tiga Hijrah sahaja, bahkan kurun kelima Hijrah. Mereka yang hidup di zaman tersebut dianggap sebagai penghujung kepada tempoh hayat para Salaf turut dilihat signifikan untuk diketengahkan dalam kalangan masyarakat kontemporari kini.

---

<sup>31</sup> Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar, “Takwilan Nas-Nas Sifat Mutashabihat dalam Kalangan Salaf,” *Global Journal of Al-Thaqafah*, vol. 2, no. 2 (2012), 77-85.

### 1.10.2 Sorotan Realiti Amalan Fiqh Semasa di Malaysia

Anisah Ab. Ghani dan Abdul Karim Ali<sup>32</sup> dalam kajian mereka tentang penerimaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap amalan percampuran mazhab dalam isu-isu ibadat mendapati majoriti daripada masyarakat Malaysia mengaku bahawa mereka berpegang dengan mazhab Shāfi'i. Namun begitu, dari segi amalan, mereka tidak mengamalkan pandangan mazhab Shāfi'i sepenuhnya. Realitinya, berlaku pengambilan pandangan mazhab lain dalam sesetengah perkara seperti dalam isu taharah, wudhu', solat, puasa dan zakat. Pengkaji mendapati bahawa berlakunya pengambilan pandangan mazhab lain adalah disebabkan faktor tertentu, iaitu; (a) terdapat perkara yang mengandungi kesusahan dalam pengamalannya, (b) perkara yang diputuskan oleh badan berkuasa, dan (c) perkara yang telah diterima sekian lama dan menjadi amalan meluas dalam masyarakat.

Inarah Ahmad Farid dan Saadan Man<sup>33</sup> dalam kajian mereka tentang keterbukaan bermazhab di Malaysia menyatakan bahawa realiti dunia kini menyebabkan masyarakat sentiasa terdedah dengan pelbagai persoalan hukum dan isu baru yang memerlukan kepada jawapan segera sehinggakan memerlukan "sedikit keterbukaan" minda.

Ridzwan Ahmad<sup>34</sup> menghuraikan metode pentarjihan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum Islam semasa. Beliau mendapati bahawa terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan cendekiawan Islam disebabkan mereka yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu dalam pelbagai ilmu Islam terjun ke bidang hukum Islam. Namun begitu, terdapat dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai penguasaan yang mencukupi terhadap metode pentarjihan yang sebenar sehingga menyebabkan hukum-hakam Islam semasa bercampur aduk di antara satu

---

<sup>32</sup> Anisah Ab. Ghani & Abdul Karim Ali, "Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab dalam Isu-Isu Ibadat," *Jurnal Fiqh*, vol. 4 (2007), 222.

<sup>33</sup> Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, "Keterbukaan Bermazhab dalam Realiti di Malaysia: Keperluan atau Kecelaruan?" 304.

<sup>34</sup> Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Islam Semasa," *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 1 (2008), 107-143.

sama lain.

Ridzwan Ahmad<sup>35</sup> turut menjalankan kajian tentang pertentangan yang berlaku di antara *naşş* dengan *maşlahah*, serta kaitannya dengan amalan *bid,ah* dalam kalangan masyarakat. Beliau menjelaskan dalam kajiannya bahawa pemakaian *naşş* lebih diutamakan dalam setiap penyelesaian masalah hukum, sama ada melalui umum ataupun khusus. Kaedah *takhsis* yang dikatakan mengutamakan *maşlahah* ke atas *naşş* itu bukanlah bersandarkan kepada *maşlahah mursalah* semata-mata, akan tetapi berdasarkan konsep *maşlahah* yang diterima pakai secara umum. Bagi pandangan yang lebih mengutamakan *maşlahah* berbanding sandaran *naşş* sekiranya berlaku pertentangan, seharusnya pandangan itu tidak dapat diterima pakai sama sekali. Ini kerana *maşlahah* yang bertentangan dengan *naşş qat,,i* akan terbatal dengan sendirinya setakat mana ianya berlawanan.

Rushdi Ramli<sup>36</sup> mengkaji tentang persoalan *bid,ah* dalam beribadah serta konteks penghayatan Islam secara umum di Malaysia. Beliau merumuskan bahawa perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang hal ibadat tidak terus dihukum sebagai *bid,ah* dan sesat. Sebaliknya perlu dikaji dan diutamakan kepada amalan *bid,ah* yang jelas tersasar daripada prinsip-prinsip teras al-Quran dan al-Sunnah.

Syed Mohd Jeffri et al.<sup>37</sup> dalam kajian mereka telah melakukan analisis terhadap pandangan fuqaha tentang isu *tadākhul* dalam ibadat solat. Hasil kajian mendapati bahawa isu-isu *tadākhul* di dalam ibadah solat sememangnya wujud. Walau bagaimanapun, berdasarkan pendapat ulama, didapati terdapat sebahagian perkara dalam ibadah solat boleh dilaksanakan secara *tadākhul* dan juga ada yang sebaliknya.

---

<sup>35</sup> Ridzwan Ahmad, "Pertentangan di Antara Nass dengan Masalah dan dan Hubungannya dengan Bid,ah," *Jurnal Syariah*, vol. 19, no. 3 (2011), 113.

<sup>36</sup> Rushdi Ramli, "Persoalan Bid,ah dalam Beribadah dalam Konteks Penghayatan Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah*, vol. 13, no. 2 (2005), 46.

<sup>37</sup> Syed Mohd Jeffri, Saadan Man, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, "Analisis Pandangan Fuqaha Terhadap Isu Tadakhul dalam Ibadat Solat," *Jurnal Ulum Islamiyyah*, vol. 14 (2014), 111.

Wan Mohd Yusof Wan Chik dan Abdul Karim Ali<sup>38</sup> mengkaji tentang konsep *al-ta,,abudiyyah* dan kepentingannya dalam hukum Islam semasa di Malaysia. Mereka mendapati bahawa prinsip *al-ta,,abudiyyah* sememangnya penting untuk diamalkan dalam Islam, lebih-lebih lagi dalam usaha menyelesaikan permasalahan semasa umat Islam. Namun begitu, peredaran zaman tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menggugat nilai dalam syariat Islam dengan unsur kelonggaran dan liberalisme. Bahkan sebarang kecuaiian atau kesengajaan untuk tidak mengambil kira aspek *al-ta,,abudiyyah* dalam ijtihaad hukum Islam semasa akan menyebabkan ijtihaad dan fiqh hukum Islam semasa kehilangan tautan dengan nas-nas syarak.

Ahmad Murshidi Mustapha menjalankan kajian bertajuk “Metodologi Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah dalam Pengajian Fiqh: Kajian Terhadap Kitab Pedoman Solat Berjemaah”.<sup>39</sup> Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti biografi lengkap seorang tokoh ulama di Kelantan iaitu Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah di samping mengkaji metodologi penulisan beliau berdasarkan kitab *Pedoman Solat Berjemaah* yang menjadi tuntutan masyarakat di Institusi Pondok secara khusus. Kajian ini juga mengenal pasti perkembangan Institusi Pondok khususnya di Kelantan sebelum dan selepas kemerdekaan serta mengetengahkan metode pengajian fiqh yang diamalkan di institusi tersebut.

Ghofar Shidiq<sup>40</sup> dalam kajiannya “Teori Maqashid al-Syari’ah Dalam Hukum Islam” membicarakan tentang *maqāṣid al-syarī,,ah* atau tujuan hukum Islam yang merupakan suatu pembahasan penting dalam hukum Islam yang tidak luput dari perhatian ulama serta pakar hukum Islam. Sebahagian ulama menempatkannya dalam perbahasan *uṣūl al-fiqh*, dan ulama lain membahasnya sebagai materi tersendiri serta

---

<sup>38</sup> Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali, “Konsep al-Ta'abudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa,” *Jurnal Usuluddin*, vol. 41 (2015), 18.

<sup>39</sup> Ahmad Murshidi Mustapha, “Metodologi Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah dalam Pengajian Fiqh: Kajian Terhadap Kitab Pedoman Solat Berjemaah,” (Universiti Malaysia Kelantan, 2014).

<sup>40</sup> Ghofar Shidiq, “Teori Maqashid Al-Syari’ah dalam Hukum Islam,” *Sultan Agung*, vol. 44, No. 118 (2009).

diperluas dalam falsafah hukum Islam.

Setiap perintah dan larangan daripada Allah SWT dan Nabi SAW dalam bidang fiqh mempunyai hikmah yang tersendiri. Hikmah yang diberikan adalah rahmat bagi umat Islam itu sendiri sebagaimana yang dijelaskan surah al-Anbiya" ayat 107 yang menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW diutus sebagai rahmat untuk seluruh alam. Rahmat tersebut diertikan sebagai kemaslahatan umat. Sedangkan, *maṣlaḥah* merujuk kepada sesuatu perkara yang baik dan diterima oleh akal yang waras. Diterima akal bermaksud akal itu dapat memahami tujuan di sebalik penetapan sesuatu hukum, sama ada dijelaskan sendiri alasannya oleh Allah atau pun dengan jalan rasional.

### 1.10.3 Sorotan Isu-Isu Fiqh Yang Diperselisihkan di Kelantan

Dalam kajian Noor Naemah Abd. Rahman et al.<sup>41</sup> tentang keterikatan fatwa kepada mazhab Shafi'i di Kelantan, beliau menyatakan keterikatan fatwa kepada mazhab Shafi,i agak terbuka selepas berlakunya pindaan enakmen yang memberi ruang rujukan kepada selain mazhab Shafi,i. Jemaah Ulama mempunyai pilihan untuk merujuk kepada mazhab lain sekiranya timbulnya kesukaran apabila berpegang kepada mazhab Shafi,i. Hal ini kerana di antara objektif syariah (*maqasid al-shari"ah*) ialah menolak kesukaran dan mendatangkan kemudahan.

Saadon Man et al.<sup>42</sup> menjalankan penyelidikan tentang kesesuaian mazhab selain daripada mazhab Shafi,i dalam masyarakat Islam di Malaysia. Hasil kajian beliau mendapati bahawa pengaruh mazhab al-Shāfi,ī masih kukuh dan menebal dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Tambahan pula pengajaran fiqh dijalankan melalui sistem pendidikan secara formal di institusi pendidikan. Dengan kata lain, amalan keterbukaan mazhab di Malaysia sememangnya kurang mendapat tempat dalam

---

<sup>41</sup> Noor Naemah Abd. Rahman, Abdul Karim Ali & Ridzwan Ahmad, "Keterikatan Fatwa kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan," *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 7 (2016), 14.

<sup>42</sup> Saadon Man et al.. "Kesesuaian Mazhab Selain Syafie dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal," *Jurnal Fiqh*, vol. 6 (2009), 39.

kalangan masyarakat Islam.

Mohd Zaki Sidek<sup>43</sup> dalam kajiannya menghuraikan tentang pengaruh aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan mendapati bahawa tersebaranya aliran ini telah membuka ruang kepada masyarakat Islam untuk berfikir secara terbuka dan berani membincangkan isu-isu keagamaan. Masyarakat Islam di Kota Bharu juga semakin diresapi dengan pengaruh aliran Salafi secara tidak langsung terutamanya dalam membahaskan isu *bid'ah* dalam ibadat.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan<sup>44</sup> dalam penulisan beliau menjelaskan tentang berlakunya perselisihan pendapat dalam kalangan ulama di Kota Bharu, Kelantan dalam isu-isu fiqh seperti isu pembinaan masjid, isu harta wakaf, isu talqin, isu jilatan anjing, dan lain-lain. Dalam penulisan Abdul Aziz Mat Tom,<sup>45</sup> beliau membincangkan tentang peranan aspek penulisan dalam mengembangkan lagi pergerakan Kaum Muda.

Kajian yang dijalankan Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Noorzahidah Mohd Zain<sup>46</sup> tentang tokoh pendidikan Islam di Kelantan iaitu Mohd Mahayuddin Haji Abdullah dalam sumbangan beliau terhadap pembangunan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) and Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

Noor Naemah Abd Rahman dan Mohamad Nabil Mohamad Shukri<sup>47</sup> dalam kajian mereka mendapati bahawa Al-Haramain, Mesir, Patani dan India adalah wilayah-wilayah yang sangat berpengaruh dalam mencorakkan pemikiran dan amalan keagamaan di negeri Kelantan melalui pola pemikiran mereka yang tersendiri.

---

<sup>43</sup> Mohd Zaki Sidek, "Pengaruh Aliran Salafi di Kota Bharu Kelantan," (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004/2005), 136.

<sup>44</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan* (Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, 1977), 119.

<sup>45</sup> Abdul Aziz Mat Tom, *Politik al-Imam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

<sup>46</sup> Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Noorzahidah Mohd Zain, "Ustaz Mohd Mahayuddin Haji Abdullah: Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Kelantan," *Journal of Al-Tamaddun*, vol. 8, no. 2 (2013), 101-112.

<sup>47</sup> Noor Naemah Abd Rahman, Mohamad Nabil Mohamad Shukri, "Hubungan Rentas Sempadan dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Pemikiran Hukum Islam di Kelantan," *Journal of Al-Tamaddun*, vol. 6, no. 1 (2011), 51-73.

Kajian Noor Naemah Abd. Rahman<sup>48</sup> tentang sejarah dan perkembangan institusi fatwa di Kelantan mendapati bahawa amalan kefatwaan yang berlaku di negeri tersebut sememangnya mempunyai kaitan dengan struktur politik dan pentadbiran negeri tersebut. Berdasarkan perbincangan beliau, ternyata kuasa politik negeri telah menentukan hala tuju dan peranan institusi kefatwaan.

Mohamad Muda<sup>49</sup> dalam kajian beliau membincangkan tentang „urf tempatan yang ada di Kelantan dan kesan yang timbul terhadap berlakunya perubahan sesuatu hukum Syarak. Sementara itu, Nik Mahadi Nik Mahmood<sup>50</sup> dalam kajiannya telah mengkaji tentang kecenderungan berijtihad dalam kalangan para alim ulama di Kelantan. Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Mohamad Nabil Mohamad Shukri<sup>51</sup> merungkaikan tentang fatwa-fatwa khusus dalam hal ibadat yang dikeluarkan oleh mufti Kelantan.

Secara ringkasnya, kajian-kajian di atas tidak membincangkan tentang isu-isu fiqh yang diperselisihkan di Kota Bharu, Kelantan. Ia lebih tertumpu kepada isu fiqh secara umum di Malaysia. Justeru, terdapat ruang besar bagi kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang isu-isu fiqh di Kota Bharu Kelantan, serta pendekatan yang dibawa oleh tokoh aliran Salafi dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

## 1.11 Kesimpulan

Pengkaji berharap kajian ini dapat menyelesaikan isu tentang salah anggap terhadap aliran fahaman Salafi, khususnya dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu. Kajian

---

<sup>48</sup> Noor Naemah Abd. Rahman, “Sejarah dan Perkembangan Institusi Fatwa di Negeri Kelantan,” *Jurnal Usuluddin*, vol. 19 (2004), 185-210.

<sup>49</sup> Mohamad Muda, “Urf Tempatan di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis,” (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>50</sup> Nik Mahadi Nik Mahmood, “Kecenderungan Berijtihad di Kalangan Ulama: Kajian di Kalangan Ulama Negeri Kelantan Masa Kini,” Bp42 A1 Um 2004 Nikmhnmm (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>51</sup> Mohamad Nabil Mohamad Shukri, “Fatwa Negeri Kelantan dalam Ibadat: Satu Analisis,” Bp42 A1 Um 2006 Mohnms (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

juga diharap dapat memberikan semangat baharu kepada masyarakat sekitar Kota Bharu khasnya bagi mereka sebelum didapati keliru tentang isu-isu berkaitan dengan hukum Islam yang dibawa dan dicetuskan oleh gerakan Salafi ini. Pengkaji juga berharap agar huraian daripada kajian ini mampu mendekatkan lagi masyarakat untuk memahami wacana gerakan *iṣlāḥ* Salafi ini dengan lebih jelas dan mudah tanpa sebarang masalah dan membuang tanggapan buruk terhadap aliran ini.

Universiti Malaya

## BAB 2: PENGENALAN KEPADA ALIRAN SALAFI DI KELANTAN

### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji mengulas kajian-kajian berkaitan dengan permasalahan yang diutarakan di dalam kajian ini. Perkara asas yang dibincangkan turut disokong oleh pandangan daripada individu yang berautoriti dalam bidang yang berkaitan. Hasil penyelidikan terdahulu secara tidak langsung membantu pengkaji dalam memilih model atau kaedah yang bersesuaian, selari dengan tajuk kajian, selanjutnya menjadi panduan untuk membentuk kerangka kajian.

### 2.2 Perkembangan Salafi-*Islāh* di Malaysia

Pemikiran pembaharuan yang berbentuk *islāh* Timur Tengah dan India banyak mempengaruhi Kaum Muda di Tanah Melayu. Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin merupakan individu yang mengasaskan gerakan ini. Beliau merupakan seorang ulama Minangkabau yang mendapat pendidikan di Mekah, yang kemudiannya meneruskan pengajian ke Mesir, sama sebagaimana tokoh lain seperti Syed Muhammad al-Kalali, Sheikh Ahmad al-Hadi, Hj Abbas Taha, dan lain-lain.<sup>1</sup>

Antara usaha awal yang mereka jalankan ialah dengan berkhidmat kepada kerajaan negeri Melayu dalam bidang agama dan pemerintahan. Pun begitu, mereka sangat dimusuhi oleh ulama golongan pondok yang lebih dikenali sebagai Kaum Tua<sup>2</sup> disebabkan pendekatan mereka agak baharu dan berlainan dengan pendekatan yang sudah sedia ada di negeri-negeri tersebut. Akibat daripada tekanan tersebut, mereka terpaksa berpindah ke Negeri-Negeri Selat, yang mana pergerakan dakwah mereka tidak disekat dengan pelbagai undang-undang. Dalam hal ini, Singapura lebih terkehadapan

---

<sup>1</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*, vol. 1 (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 515.

<sup>2</sup> Amar Johari Moain, *Sejarah Nasionalis MAPHILINDO* (Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1969).

berbanding Negeri-Negeri Selat yang lain.<sup>3</sup>

Mereka meluaskan idealisme pembaharuan melalui cara membangunkan institusi agama, seterusnya diikuti dengan menerbitkan akhbar dan majalah. Gerakan *islah* ini bergerak dalam satu organisasi sewaktu di Singapura. Majalah al-Imam (1906-1908) adalah majalah yang menjadi medium penyebaran idealisme tersebut. Akhirnya mereka berjaya membangunkan madrasah paling awal iaitu Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah bertarikh 21 November 1907. Madrasah tersebut berada di bawah naungan Raja Haji Ali dengan pengetuanya iaitu Uthman Rafa'at Affandi. Namun, akibat daripada pengurusan kewangan yang lemah, madrasah ini akhirnya ditutup. Selepas setahun berlalu, madrasah ini dibangunkan semula di Riau, dan diberikan nama yang baharu, iaitu Madrasah al-Ahmadiyyah.<sup>4</sup>

Selepas sekian lama, fahaman ini mula tersebar ke negeri Melaka. Antara kawasan yang menjadi tumpuan penyebaran ialah tiga kawasan utama iaitu Alor Gajah, Jasin, dan Bandar Kaba (Melaka Tengah).<sup>5</sup> Tahun 1917 telah menyaksikan penubuhan Madrasah al-Hadi di bawah seliaan Syed Sheikh al-Hadi di Bandar Melaka. Akan tetapi, beliau akhirnya memindahkan madrasah tersebut ke Pulau Pinang akibat kurangnya sambutan daripada masyarakat di Melaka. Madrasah yang ditubuhkan pada tahun 1919 tersebut dinamakan sebagai Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah.<sup>6</sup>

Tertubuhnya Gerakan Ansar al-Sunnah di bandar Melaka adalah merupakan kemuncak kepada usaha-usaha Kaum Muda seperti Hj. Sharif Sukkar, Hj. Ahmad Amin, dan sebagainya. Pun begitu, pihak British telah menolak pendaftaran mereka kerana memandang gerakan ini sebagai amat radikal.<sup>7</sup> Penubuhan Madrasah Ansarul-Sunnah di Kampung Terentang dan Madrasah Tarbiyah al-Diniyah merupakan bukti

---

<sup>3</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 267.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Perlis* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1989), 6.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 6.

usaha gigih Hj. Ahmad Amin, dan madrasah tersebut masih kukuh hingga ke hari ini.

Gerakan *işlāh* seterusnya meluaskan pengaruhnya ke wilayah negeri-negeri Bersekutu. Perluasan ini berlaku seiring dengan kemunculan madrasah yang sealiran dengannya di negeri tersebut. Madrasah yang didapati paling awal menerima fahaman gerakan ini ialah Madrasah Idrisiah yang terletak di Kuala Kangsar. Madrasah ini diasaskan oleh Sheikh „Abd Allah al-Maghribi yang dijemput oleh Sultan Perak. Lebih malang lagi apabila beliau turut diusir daripada negeri akibat daripada menerima gerakan ini ke madrasah tersebut.<sup>8</sup>

Pengaruh fahaman Kaum Muda turut tersebar di Selangor iaitu melalui Madrasah al-„Ubudiyah. Hj. Jalaluddin Ismail merupakan pengasas kepada madrasah ini pada tahun 1992. Beliau berasal dari Minangkabau. Salah seorang daripada muridnya ialah Bakar bin Jali yang menyambung pengajian ke Sekolah Persatuan Muslimin Indonesia (PERMI), di Minangkabau, yang diketuai oleh Mukhtar Lutfi, yang lebih dikenali sebagai tokoh reformasi. Pun begitu, pengaruh gerakan ini sekadar bertumpu di daerah Kuala Pilah sahaja, bukanlah keseluruhan Negeri Sembilan.<sup>9</sup>

Sementara itu di Kuala Pilah, gerakan *işlāh* diasaskan oleh Maulana Muhammad Maadah b. Layang (1895-1943). Beliau pernah menyambung pengajian ke Madrasah Mazharul Ulum, India. Beliau berhijrah ke Melaka selepas menamatkan pengajiannya di India. Pada tahun 1939, beliau kembali semula ke Kuala Pilah bagi menyambung usaha dakwah beliau. Di sinilah beliau membangunkan Madrasah Aliyyah Islamiyyah yang terletak di Kampung Pelangai, juga terkenal dengan nama Hight Islamic School (HIS). Beliau juga berjaya membangunkan dua cawangan madrasah, iaitu Madrasah Jemaah Islamiyyah di Kampung Tengkek, dan Madrasah Islamiyyah di Sungai Dua.<sup>10</sup>

Perlis merupakan negeri yang pertama mencatatkan kejayaan dalam mendokong gerakan *işlāh* ini. Kejayaan ini sebenarnya bermula seawal tahun 1920-an, dengan

---

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, 275.

<sup>10</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Perlis*, 7.

lahirnya tokoh Islam aliran *La Mazhabiah* (yang merujuk kepada “tidak terikat dengan apa jua mazhab”). Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada sumber yang tepat tentang pelopor gerakan *iṣlāḥ* ini. Menurut hasil kajian Harun Din, gerakan ini diasaskan oleh Shaikh Hassan yang datang pada tahun 1927M ketika para Pembesar-Pembesar Negeri sedang mencari-cari tokoh yang boleh membawa perubahan seperti yang berlaku di Arab Saudi.<sup>11</sup>

Didapati fahaman ini sebenarnya telah berkembang sejak tahun 1920-an lagi jika dirujuk kepada buku cenderamata “Ijtimak al-Sunnah Kedua Tahun 1988” yang diterbitkan oleh Persatuan Islah Negeri Perlis. Ia dipelopori oleh Lebai Kechik yang datang daripada Indonesia. Selain itu, terdapat juga seorang anak jati Perlis yang lahir dan mendapat pendidikan di Mekah, dikatakan terpengaruh dengan mazhab Wahabi,<sup>12</sup> iaitu Hj. Ahmad b. Hj. Muhammad, seorang Hakim Besar Negeri.

Sheikh Abu Bakar al-Ashaari merupakan tokoh lain yang dianggap terkenal dalam gerakan Kaum Muda atau Ahl al-Sunnah Perlis. Beliau merupakan bekas pelajar Universiti al-Azhar dalam tempoh 1925 hingga 1932. Keberadaan beliau di Mesir merupakan zaman-zaman akhir bagi Sheikh Muhammad Rashīd Riḍā,<sup>13</sup> iaitu tokoh pembaharuan di sana.

Sheikh Abu Bakar banyak menterjemahkan pemikiran beliau menerusi penulisan buku. Antara hasil penulisan beliau yang popular ialah “*Pergerakan Kaum Wanita dalam Islam*”, “*Ibadat Rasulullah*” dan “*Kemerdekaan Berfikir dalam Islam.*”<sup>14</sup> Sebenarnya, peringkat pembentukan yang berlaku di Perlis bermula sejak dari awal hinggalah kedatangan penjajahan Jepun. Walaupun ada antara pemikirannya yang dianggap terpengaruh dengan fahaman Salafi Arab Saudi pada awalnya, namun ada

<sup>11</sup> Harun Din, *Sejauh Manakah Perbezaan Amalan Keislaman Yang Terdapat di Negeri Perlis Yang Tidak Bermazhab* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia), 6.

<sup>12</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Perlis*, 22.

<sup>13</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid, Idris Awang, Mohd Kamil Abd. Majid & Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Lulusan Universiti Al-Azhar dan Impaknya Terhadap Pembangunan Sosial di Malaysia,” *Jurnal Pengajian Melayu*, vol. 16 (2005), 1-36.

<sup>14</sup> Mohd Isa Uthman, *Protes Bercorak Agama Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*, 203.

pendapat lain yang menyatakan ia adalah ajaran daripada Sheikh Abu Bakar al-Ashaari dan A. Hassan Bandung. Berdasarkan hasil karya mereka berdua, maka wujudlah golongan Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah di Perlis. Di Perlis, undang-undang Islam yang dilaksanakan adalah berasaskan kepada al-Quran dan hadis. Pada tahun 1959M, ia dikanunkan dalam undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Perlis {(Bahagian 2,5(i))}. Namun begitu, majoriti orang Islam di negeri Perlis tetap bermazhab Shāfi,ī.<sup>15</sup>

### 2.3 Faktor Kemunculan Aliran Salafi di Malaysia

Sebelum pengkaji menerangkan dengan lebih lanjut tentang sejarah Salaf dan kemasukannya ke Kelantan, berikut merupakan hadis yang menunjukkan siapa yang dimaksudkan sebagai golongan Salafi:

عن عبد الله بن مسعود رضى الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: خير الناس قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم ثم يجيء اقوام تسبق شهادة احدهم يمينه شهادته.

*Daripada „Abd Allah Ibn Mas.,ud RA daripada Nabi SAW bersabda: “sebaik-baik manusia adalah pada zamanku, kemudian kurun selepas mereka, kemudian kurun selepas mereka, kemudian datang kaum-kaum yang mendahulukan kesaksian di atas sumpahnya dan sumpahnya mendahului kesaksiannya...”<sup>16</sup>*

Menurut hadis ini, golongan pertama terdiri daripada para sahabat RA. Mereka disifatkan Rasulullah SAW sebagai golongan terbaik kerana mereka berada pada zaman Nabi. Oleh sebab itu, mereka menyaksikan secara langsung penurunan wahyu dan diajar tentang Islam secara terus oleh Nabi SAW. Hadis dan nas-nas Al-Quran terpelihara dalam dada mereka. Zaman ini tiada khurafat, *bid,ah* dan penyelewengan.

Para *tābi,īn* merupakan golongan kedua yang disebut dalam hadis ini. Golongan ini terdiri daripada mereka yang hidup pada zaman para sahabat RA. Mereka juga mempelajari Islam secara langsung daripada para sahabat RA. Namun, khurafat dan

<sup>15</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Mazhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia* (Kuala Lumpur: Kajang Sincere Press, 1982), 43.

<sup>16</sup> Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 4 (Bayrūt, Lubnan: Dār al-Kutub „Ilmiyyah, 1991), 1854, “Bāb Faḍā’il Ṣaḥābah.”

*bid,,ah*sudah mula muncul pada zaman ini.<sup>17</sup>

Golongan ketiga, iaitu para *tābi,, tābi,,īn* Mereka berada di penghujung zaman kesucian Islam kerana pada zaman mereka, penyelewengan, khurafat, dan *bid,,ah* semakin menular. Malah, pada zaman ini juga bermulanya kemunculan aliran pemikiran-pemikiran seperti Syi‘ah, Qadariyah, Jabariyah dan bermacam-macam aliran pemikiran lagi.<sup>18</sup>

## 2.4 Kemasukan Fahaman Salaf ke Kelantan

Golongan Salaf seringkali dikaitkan dengan gerakan *tajdīd* (pembaharuan) dan *iṣlāḥ* (usaha mengembalikan keadaan menjadi benar dan sesuai). Mereka membawa manhaj yang meliputi aspek akidah, pendidikan, dan fiqh (persoalan hukum) selain terlibat dalam bidang politik. Oleh sebab golongan ini membawa manhaj baharu yang lebih sesuai dengan situasi semasa, gerakan mereka tidak disenangi oleh golongan yang berfahaman lama. Walau bagaimanapun, banyak tulisan mereka yang mempengaruhi masyarakat di Tanah Melayu pada zaman itu. Fahaman ini dibawa oleh pelajar-pelajar Melayu yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah<sup>19</sup> ke Tanah Melayu sebelum 1930-an. Mereka dikenali sebagai golongan reformis atau Kaum Muda<sup>20</sup> dan banyak mengikut pemikiran Syed Jamaluddin Al-Afghani, Imam Rashīd Riḍā, dan juga Sheikh Muhammad Abduh yang menggerakkan usaha *tajdīd* di Mesir. Walau bagaimanapun, usaha Kaum Muda ini sememangnya ditentang oleh Kaum Tua kerana Kaum Tua tidak bersetuju dengan pembaharuan dan mahu mengekalkan Islam diamalkan secara tradisi.

Di Hijaz, orang kuat di sebalik gerakan atau usaha *tajdīd* dalam kalangan masyarakat Arab ialah Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.<sup>21</sup> Gerakan ini mendokong pandangan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dan Ibn Taymiyyah.

---

<sup>17</sup> Zamihan Mat Zin, *Salafiah Wahabiah: Suatu Penilaian* (Selangor: Terajaya Enterprise, 2001), 3.

<sup>18</sup> *Ibid*, 3.

<sup>19</sup> Pelajar yang belajar di Universiti al-Azhar dan yang tinggal di Hijjaz.

<sup>20</sup> Mohd Zaki Sidek, “Pengaruh Aliran Salafi di Kota Bharu Kelantan,” 134.

<sup>21</sup> *Ibid*, 134.

## 2.5 Tokoh-Tokoh Salafi di Kelantan

### 2.5.1 Kaum Muda

Kaum Muda adalah gelaran yang diberikan oleh ulama-ulama tradisional (ulama-ulama Kaum Tua) terhadap beberapa ulama di pantai barat Tanah Melayu, Pulau Sumatera, dan Mesir. Gelaran ini diberikan kerana ulama-ulama ini dikatakan cuba membawa sesuatu ciri baharu ke dalam ajaran agama. Dalam perjuangan mereka, Kaum Muda ini mengajak masyarakat supaya kembali kepada ajaran asal Islam iaitu al-Quran dan hadis serta mengamalkan ijtihad. Golongan Kaum Muda ini sangat tegas menentang amalan-amalan yang digambarkan sebagai *bid'ah* atau khurafat. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada amalan-amalan yang sengaja diadakan oleh golongan terkemudian, sedangkan ia tidak diamalkan oleh Rasulullah SAW.<sup>22</sup>

Corak pemikiran kumpulan Kaum Muda turut dikenali sebagai pemikiran *iṣlāḥ* atau reformasi. Semangat puritanisme pula sangat ditekankan dalam kalangan masyarakat, iaitu penekanan terhadap prinsip Islam yang asal (*pristine*). Bertitik tolak daripada semangat inilah, aliran Kaum Muda terlalu menekankan kepada usaha-usaha *iṣlāḥ* atau *tajdīd*. *Iṣlāḥ* di sini bermakna membaikpulih atau membersihkan Islam daripada sebarang penyelewengan. Berbeza pula dengan konsep *tajdīd* yang bersifat memperbaharui dan menyegarkan semula kefahaman terhadap ajaran Islam bersesuaian dengan tuntutan peredaran zaman.<sup>23</sup>

Usaha melakukan *tajdīd* adalah berkait rapat dengan usaha melakukan ijtihad. Malah, *tajdīd* tidak dapat dipisahkan daripada ijtihad sehingga dikatakan bahawa *tajdīd* dan ijtihad ialah dua unsur yang saling melengkapi. Dari segi istilahnya, ijtihad bermakna berusaha semampu mungkin untuk menyimpulkan hukum-hukum syarak dengan berlandaskan kaedah tertentu, terutamanya dalam menghadapi persoalan-

<sup>22</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Sekitar Tahun 1900-1940," 15.

<sup>23</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 2007), 13.

persoalan baharu yang samar hukumnya dalam nas-nas al-Quran, hadis atau *ijmā*, ulama.

Gerakan *tajdīd* ini secara zahirnya menyokong prinsip rasionalisme. Walau bagaimanapun, gerakan ini tetap bertentangan dengan gerakan modernisme iaitu kumpulan reformis yang hanya berijtihad pada perkara-perkara yang kurang jelas (*ẓanniyyah*) kedudukan hukumnya. Berbeza pula dengan golongan modernisme yang berpegang terus kepada akal fikiran dalam melakukan ijtihad tanpa batasan, sehinggalah termasuk kepada perkara-perkara yang sudah jelas (*qatʿiyyah*) hukumnya.<sup>24</sup>

Sejarah menunjukkan bahawa pertumbuhan aliran Kaum Muda bermula seawal abad ke-17M dan 18M berdasarkan peranan Muhammad bin „Abd al-Wahhab (1703-1787) itu sendiri. Namun hakikatnya, aliran reformasi ini sudahpun bertapak jauh sebelum itu iaitu ketika kehadiran Ibn Taymiyyah (1263-1328) yang digambarkan oleh Ismail al-Faruqi sebagai “*the first and the greatest Muslim reformer*”.<sup>25</sup>

Perkembangan aliran reformis pada peringkat dunia diwarnai dengan kemunculan beberapa orang tokoh yang dianggap sinonim dengan gerakan ini. Antaranya ialah Jamaluddin al-Afghani (1838M-1897M), Sheikh Muhammad Abduh (1849M-1905M), dan Rashīd Riḍā (1865M-1935M).

### **2.5.2 Aliran Fahaman Kaum Muda di Kelantan**

Aliran Kaum Muda telah tersebar ke negeri Kelantan melalui individu-individu tertentu, sebagaimana berikut:

#### **a) Tok Kenali (1870-1933)**

Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kecenderungan beliau yang gemar membuat rujukan terhadap surat khabar terbitan Kaum Muda, seperti *al-Manar*, *al-Imam*, *al-Urwah al-Wuthqa*, dan *Saudara*. Kecenderungan tersebut begitu mustahil bagi mereka

---

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid*, 19.

yang tergolong dalam kalangan ulama tradisional sebelum tahun 1940-an. Hal ini kerana majoriti daripada mereka lazimnya mengajar dan membaca kitab agama sahaja. Bahkan amat mustahil untuk melakukan telaah terhadap penerbitan Kaum Muda serta mengambil tahu tentang arus politik semasa. Fahaman Kaum Muda didapati mempengaruhi masyarakat melalui majalah *Pengasuh* hasil susunan Tok Kenali sendiri merangkumi isu-isu berkaitan *tajdīd*, kemerdekaan dan *iṣlāḥ*.<sup>26</sup> Tok Kenali juga berperanan sebagai tunjang utama dalam penubuhan sekolah agama yang dicadangkan oleh Kaum Muda sendiri.<sup>27</sup>

Apa yang lebih unik, Tok Kenali tidak menampakkan kecenderungannya terhadap fahaman Kaum Muda dalam hukum hakam, walaupun sebenarnya beliau menyokong idealisme perjuangan kumpulan ini.<sup>28</sup> Bahkan beliau lebih gemar untuk mengasingkan diri daripada terlibat dengan isu berbentuk kontroversi, serta tidak campur tangan dalam urusan Kaum Muda. Selain itu, kebanyakan daripada murid beliau di Kelantan juga lebih dikenali sebagai golongan yang menentang aliran Kaum Muda, seperti Haji Yaakob Legor, Haji Idris (meninggal 1927), dan Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad (1897-1961).<sup>29</sup>

#### **b) Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (1873M-1939M)**

Beliau merupakan anak kandung kepada Tuan Tabal. Beliau dikenali dengan sifat berani dan tegas dalam memperjuangkan ideanya, walaupun beliau begitu jelas bersetuju dengan pendapat Kaum Muda terutama dalam bidang hukum-hakam seperti masalah talkin, lafaz *uṣallī*, dan niat. Beliau juga begitu berminat dengan *tasawwuf*.<sup>30</sup>

---

<sup>26</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Sejarah Hidup Tok Kenali* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1967), 35.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Antara isu yang kontroversi pada waktu itu ialah persoalan niat, talkin, *uṣallī*, dan masalah jilatan anjing. Lihat Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 119.

<sup>29</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Sekitar Tahun 1900-1940," 28.

<sup>30</sup> Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017), 95.

### **c) Tok Khurasan (1875-1944)**

Beliau telah mengetengahkan cabang ilmu baru yang belum dihadap oleh masyarakat pada waktu itu khasnya di Kelantan. Antara ruang lingkup ilmu tersebut ialah falsafah, mantiq, tafsir al-Quran, ilmu hadis, fiqh Ḥanafīyyah, serta balaghah. Pun begitu, usaha beliau tidak dihalang oleh ulama lain disebabkan beliau sendiri menjauhkan diri daripada masalah yang boleh menimbulkan kontroversi. Beliau masih dianggap antara individu terawal menyebarkan fahaman *iṣlāḥ* ke Kota Bharu, walaupun terlibat dalam gerakan Kaum Muda secara tidak langsung.<sup>31</sup>

### **d) Haji Nik Abdullah Haji Wan Musa (1900-1935)**

Beliau adalah anak kandung Haji Wan Musa. Beliau merupakan pendorong utama kepada bapanya dalam menyelami fahaman Kaum Muda. Beliau kerap kali mengutus surat kepada bapanya menjelaskan idea Syeikh Muhammad Abduh sewaktu beliau berada di Mekah. Hal itu menjadi sebab mengapa bapanya mulai cenderung kepada fahaman Kaum Muda.<sup>32</sup>

### **e) Datuk Haji Muhammad Haji Muhd Said**

Beliau menjadi ejen perubahan dalam masyarakat Melayu melalui peranan beliau sebagai Ketua Pengarang majalah Pengasuh. Beliau berperanan dalam menggesa masyarakat agar meneladani kaum Jepun yang nyata berhasil merekacipta idea baru dalam kehidupan mereka. Beliau juga tidak putus berusaha mengajak masyarakat agar berpegang teguh kepada al-Quran dan hadis.

Selain daripada nama-nama yang disenaraikan di atas, masih terdapat ramai lagi dalam kalangan ulama-ulama yang boleh dikategorikan sebagai Kaum Muda.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Sekitar Tahun 1900-1940," 16.

<sup>32</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 75.

<sup>33</sup> Berdasarkan pandangan pengkaji, antaranya ialah Abdullah al-Qari bin Haji Salleh, seorang penulis dan tokoh ilmu yang tersohor buat masa kini di bumi Kelantan. Lihat temu ramah bersama Majalah I (Januari 2006), Kumpulan Karangkraf, Kuala Lumpur, 23-29.

Bagaimanapun, pengkaji yakin bahawa tokoh-tokoh utama Kaum Muda khususnya di Negeri Kelantan tidak lari dari nama-nama yang disebutkan di atas.

## **2.6 Aliran Salafi dan Perkembangannya di Kota Bharu, Kelantan**

Aliran Salafi didapati bukan sahaja berkembang di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, bahkan berjaya menguasai aspek politik keagamaan di negeri tertentu, contohnya Kelantan.<sup>34</sup> Secara umumnya sebelum tahun 1930-an, masyarakat di Kota Bharu tidak jauh bezanya dengan masyarakat di negeri-negeri pantai barat yang lain. Mereka juga terdedah dengan ajaran Islam yang berunsur pembaharuan. Bukti ini dapat dilihat dengan tersebarnya majalah Kaum Muda yang diikuti oleh sebahagian kecil masyarakat Kota Bharu.

Perkembangan gerakan *iṣlāḥ* di Kelantan sememangnya ada hubungan dengan Syed Hassan bin Nur Hassan yang popular dengan nama Tok Khurasan.<sup>35</sup> Menurut sejarah, beliau adalah yang memperkenalkan pengajian hadis terawal di Kelantan. Tok Khurasan begitu mahir dan pakar dalam bidang hadis, serta sering menghuraikan kitab-kitab Kutub al-Sittah.<sup>36</sup> Tok Khurasan merupakan ilmuan hadis asli yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Hadis. Oleh sebab itu, beliau boleh dikatakan sebagai seorang pengikut Salaf. Ajaran beliau semakin tersebar sebaik sahaja pulanginya penuntut Melayu lepasan Mekah dan India seperti Hj. Nik Abdul Rahman b. Hj. Nik Mahmud, Hj. Nik Abdullah, Hj. Nik Mahmud b. Hj. Wan Musa, dan Datuk Muhammad Said.<sup>37</sup>

Ismail Pontianak atau nama sebenarnya Hj. Ismail b. Hj. Abdul Majid Bin Abdul Qadir Bin Nuruddin Bin Abdullah Faqeh memainkan peranan yang penting dalam memastikan fahaman ini terus berkembang. Beliau merupakan anak kelahiran Labok,

---

<sup>34</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Perlis*, 279.

<sup>35</sup> *Ibid*, 279.

<sup>36</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, 87-100.

<sup>37</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 67.

Machang yang dilahirkan pada tahun 1822.<sup>38</sup> Beliau lebih dikenali dengan nama Ismail Pontianak memandangkan beliau pernah berkelana dan bermastautin di Pontianak (Kalimantan Barat). Tambahan lagi, beliau pernah berkhidmat selama suku abad (1910-1935) sebagai Mufti Kerajaan Pontianak.<sup>39</sup> Ada pendapat yang menyatakan bahawa beliau bertindak melarikan diri ke Pontianak, selepas kaedah pengajarannya cenderung ke arah pemikiran Sheikh Muhammad „Abd al-Wahhab yang tidak diterima oleh masyarakat Kelantan pada waktu itu.<sup>40</sup>

Era kejayaan Hj. Ismail Pontianak di Kelantan bermula seawal 1943, apabila beliau dilantik sebagai khatib di Masjid Negeri, Kota Bharu. Pendekatan yang dibawa olehnya begitu berbeza dengan khatib yang lain dalam bab penyampaian. Berbanding khatib lain, beliau berupaya menyampaikan khutbah dalam bahasa tempatan secara spontan, berbeza dengan khatib sebelum ini yang membacakan teks Arab sahaja. Pendekatan sebegini membuatkan beliau lebih disenangi oleh masyarakat Kelantan dan semakin terkenal. Sehingga Sultan Ibrahim melantik beliau sebagai imam di istana negeri. Hasil karya beliau yang sempat dicetak ialah *“Pedoman Kemuliaan Manusia”*. *“Bunga Rampai”* merupakan cetakan pertamanya pada tahun 1930.<sup>41</sup>

Kitab ini mengupas tentang perubatan, fiqh, akhlak, falak, falsafah, adab, usul, tasawwuf, takwim, tajwid, dan lain-lain. Bahan tersebut lebih dikenali dengan nama *“Bunga Rampai”* memandangkan kepelbagaian tulisannya dalam satu kitab.<sup>42</sup> Beliau seorang yang gemar mendalami ilmu pelbagai mazhab dan mengajarkannya kepada anak-anak muridnya, sekalipun pada waktu tersebut mazhab Shāfi,ī begitu dominan berbanding mazhab lain. Oleh sebab itu, usaha beliau ditentang oleh ulama-ulama

---

<sup>38</sup> Ismail Daud, “Ulamak Kelantan Yang Jadi Mufti di Luar Kelantan,” *Majalah Pengasuh*, vol. 533 (1994), 22.

<sup>39</sup> Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017), 130.

<sup>40</sup> *Ibid*, 133.

<sup>41</sup> *Ibid*, 134.

<sup>42</sup> Ismail Daud, “Ulamak Kelantan Yang Jadi Mufti di Luar Kelantan,” 25.

tradisional yang lain.<sup>43</sup>

Tokoh lain yang mempunyai jasa dalam membangkitkan Kaum Muda di Kelantan ialah Hj. Wan Musa Bin Abdul Samad (1874-1938) dan anaknya Hj. Nik Abdullah. Beliau pada asalnya merupakan pendukung fahaman tradisional, namun sikapnya begitu terbuka sehingga sanggup menerimapakai pandangan dan fatwa daripada mazhab lain.<sup>44</sup> Prinsip yang dipegang ini adalah hasil daripada pengajiannya bersama Hj. Ahmad Bin Mohd Zain Bin Mustafa al-Patani di Mekah.<sup>45</sup>

Ada pandangan yang mengatakan bahawa Hj. Wan Musa cenderung dengan fahaman Shah Waliyullah al-Dahlawi. Kealimannya menyebabkan beliau dilantik sebagai Mufti Kelantan pada 1906M hingga 1916M. Walau bagaimanapun, beliau memilih untuk meletak jawatan pada Jun 1916, selepas fatwanya yang dikeluarkan tidak disenangi oleh Sultan Kelantan.<sup>46</sup>

Hj. Wan Musa dikatakan cenderung dengan fahaman Tok Khurasan melalui kelas pengajian kitab di Kota Bharu pada zaman tersebut. Atas dasar ini, beliau juga menghantar anak-anaknya untuk menuntut ilmu dengan Tok Khurasan, dan seterusnya menyambung pengajian ke India. Kesemua usaha ini akhirnya mengukuhkan lagi fahaman ulama aliran India seperti Waliyullah al-Dahlawi. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa beliau mempunyai hubungan tertentu dengan Sheikh Rashīd Riḍā dan terpengaruh dengan pola pemikirannya.

Hj. Nik Abdullah Hj. Wan Musa iaitu anaknya pernah memberikan cadangan agar menubuhkan sebuah institusi pendidikan Islam yang bernama “Madrasah al-Islah” dengan tujuan supaya masyarakat Islam kembali kepada al-Quran dan hadis terutamanya apabila berhadapan dengan pelbagai isu. Nik Abdullah boleh dikatakan sebagai orang kedua terpenting dalam menyebarkan aliran Shah Waliyullah al-Dahlawi

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Islam di Kelantan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983).

<sup>45</sup> Alias Mohammad, *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, 31.

<sup>46</sup> Fatwa yang dikeluarkan oleh Hj Wan Musa adalah tentang larangan menggunakan wang zakat untuk tujuan pembinaan masjid. *Ibid*, 32.

ke Kelantan, selepas gurunya iaitu Tok Khurasan.<sup>47</sup>

Gerakan *islāh* ini sebenarnya berlaku sejak zaman Hj. Wan Musa lagi, namun usahanya tidak konsisten disebabkan tiada garis panduan yang jelas untuk diikuti. Sebaik sahaja pulangnyanya Hj Nik Abdullah dari Mekah dan India, beliau telah berjaya memperbetulkan keadaan melalui beberapa pembaharuan. Sejak daripada itu, gerakan *islāh* yang sebenar mula tersebar di Kelantan dengan berpandukan fahaman al-Dahlawi. Kesannya, istilah “Tariqat Shah Waliyullah al-Dahlawi” semakin terkenal di Kelantan.<sup>48</sup>

Satu perbincangan yang menarik berlaku pada tahun 1934, berkenaan isu jilatan anjing.<sup>49</sup> Tercetusnya perbincangan itu apabila Hj. Nik Abdullah Hj. Wan Musa menyatakan bahawa umat Islam boleh memelihara anjing tanpa diserti, dengan berasaskan kepada kaedah *talfiq*. Perdebatan ini melibatkan Mufti Hj. Ibrahim Penambang dan Hj. Ahmad Mahir sebagai wakil kepada Majlis Agama Islam, manakala Hj. Wan Musa dengan dibantu oleh Burhanuddin al-Hilmi dan Hj. Abbas Taha (Kadi Singapura) sebagai wakil kepada kumpulan *islāh*. Pun begitu, masih belum ada jawapan konkrit yang disepakati.<sup>50</sup>

Begitu juga dengan kehadiran Hj. Mohammad Yusoff Bin Mohammad atau terkenal dengan nama “Tok Kenali” telah menghangatkan lagi perkembangan fahaman ini. Beliau merupakan pelajar kepada Sheikh Ahmad Mohd Zain al-Fatani, dan dipercayai telah terpengaruh dengan fahaman Sheikh Muhammad Abduh dan Sheikh Rashīd Riḍā. Beliau dikatakan menetap di Mekah selama kurang lebih 20 tahun dan pernah menziarahi Mesir dengan tujuan perdamaian antara konflik pemikiran Sheikh Yusoff Al-Nubhani dengan Sheikh Muhammad Abduh. Beliau terlibat dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang peri pentingnya kembali

---

<sup>47</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 158.

<sup>48</sup> Abd Hayei Abd. Syukur, “Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dahlawi kepada Ilmu Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan,” 245.

<sup>49</sup> Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, “Keterbukaan Bermazhab dalam Realiti di Malaysia: Keperluan atau Kecelaruhan?” 293.

<sup>50</sup> Mohd Isa Uthman, *Protes Bercorak Agama Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*, 202.

kepada Islam yang syumul, selepas pulangnya beliau ke tanah air.<sup>51</sup>

Usaha tersebut dilakukan melalui hubungan baiknya dengan Datuk Laksamana (Datuk Hj. Mohammad Bin Hj. Mohd Said), yang merupakan anak tempatan pertama yang melanjutkan pelajaran di Mesir, dan Hj. Wan Muhammad Bin Hj. Wan Abd Samad (Mufti Kelantan). Tok Kenali dilantik oleh Dato Perdana sebagai pengarang Majalah Pengasuh terbitan Majlis Agama Islam Kelantan (MUIAIMK). Majalah ini cuba membawa elemen perubahan dalam semua aspek agar tidak terpesong daripada seruan majalah *al-Imam* yang berkonsepkan pembaharuan dalam semua bidang. Antara murid Tok Kenali yang popular dalam mengembangkan fahaman ini ialah tok guru Hj. Nik Mat (ayahanda almarhum mantan Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato Hj. Nik Abdul Aziz).<sup>52</sup>

Antara tokoh pembaharuan dalam dekad-dekad terakhir ini ialah Dato Mufti Hj. Muhammad Nor Bin Hj. Ibrahim. Beliau dipercayai berasal daripada keturunan Sheikh Abdul Halim (merupakan anak angkat Long Yunus yang menjadi penasihat Sultan Muhammad 1). Putera Hj. Ibrahim Hj. Yusuf ini dilahirkan pada 20hb Ogos 1905 di Kg. Lido, Kota Bharu. Beliau mendapat pendidikan awal di Mekah dan sangat fasih berkomunikasi dalam Bahasa Arab kerana sejak kecil lagi telah diasuh dengan budaya masyarakat Arab. Beliau membuka kelas pengajaran di Masjid Muhammadi bermula dari jam 7.00 pagi hingga 8.00 pagi. Antara kitab yang dihuraikan olehnya adalah seperti *al-Mukhtassar*, *Misykah al-Masabih* dan *Sunan Abī Dawud* bagi kitab hadis, manakala bagi kitab tafsir pula ialah *al-Maraghi*, *al-Nasafi*, *al-Jalalayn*, dan *al-Baydhawi*.<sup>53</sup>

Beliau dikatakan begitu banyak menghasilkan kitab-kitab agama. Kitab yang paling popular ialah "*Tafsir Pimpinan Rahman*" yang ditulis bersama Tuan Abdullah

---

<sup>51</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali* (Kota Bharu: Pustaka ASA, 1988), 87-100.

<sup>52</sup> *Ibid*, 87-100.

<sup>53</sup> Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017), 107.

Basmih, dan juga “*Muqaddimah Mustika Hadis*” yang ditulis bersama Tuan Abdullah Basmih dan Dato Hj. Ismail b. Hj. Yusoff.<sup>54</sup> Menurut Abdullah al-Qari, walaupun beliau menyokong kuat aliran Salafi, namun sokongan itu tidak diterjemahkan dalam penulisan beliau. Sebaliknya, beliau menggunakan metod tafsir yang beraliran takwil.<sup>55</sup> Begitu juga dengan bentuk syarahannya dari sudut aqidah ketika menjadi pendidik di Maahad Al-Muhammadi, yang menzahirkan pegangan beliau terhadap aliran Salafi.<sup>56</sup>

Walau bagaimanapun, perkembangan terbaharu membuktikan bahawa fahaman ini semakin mendapat tempat di hati masyarakat tempatan. Hal ini adalah berikutan usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka dilakukan secara konsisten. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Abdullah Al-Qari. Beliau banyak menghasilkan penulisan tentang akidah Salafi seperti “Mencari Hidayah Al-Quran: Perintis Intisari Al-Quran”, “Dasar-dasar Kepercayaan Al-Quran”, “Aqidah Salaf Pegangan Terakhir Iman Al-Asyari” dan lain-lain lagi. Selain itu, beliau aktif berkuliah di Surau al-Sunnah yang terletak di Kubang Kerian. Kitab yang beliau huraikan bertajuk “Rahsia 99 Nama-Nama Allah”, yang kadangkala dibantu oleh anak beliau sendiri, iaitu Ahmad Najib Abdullah yang merupakan pensyarah di Universiti Malaya dan berkelulusan Universiti Madinah.<sup>57</sup>

Maulana Asri juga dikira antara individu yang menggerakkan fahaman ini, walaupun beliau lebih bersikap sederhana, serta cenderung kepada *taqrib* (pendekatan) dengan aliran tradisional. Walau bagaimanapun, menurut pandangan beliau, fahaman tradisional tidak lagi relevan untuk masyarakat mempelajarinya. Pandangan beliau ini dapat dilihat melalui mata pelajaran aqidah yang diguna pakai di sekolah beliau iaitu Sekolah Darul Kausar, yang dibuka pada 1996. Pada tahun satu hingga ke tahun empat diajarkan kitab Aqidah beraliran Salafi, iaitu *Kitab Fiqh al-Akbar*, *Kitab al-Tauhid*, *Kitab Mukhtasar Aqidah Salafiah*, manakala pada tahun lima diajarkan pula aqidah

---

<sup>54</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulamak Semenanjung Melayu*, vol. 2 (Kota Bharu: Percetakan Zul Rahim, 1996), 309-324.

<sup>55</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 87-100.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 87-100.

beraliran Asy'ari, iaitu *Kitab Tuhfatu Murid Syarah Jauhar Murid*.<sup>58</sup>

Selain itu beliau juga mengajar kitab Hadis Muslim di Masjid Langgar, Kota Bharu, dan Kitab Hadis Bukhari di Masjid Sultan Ismail, Kubang Kerian pada malam Selasa, Rabu dan Khamis. Anggaran anak-anak murid beliau di dua buah masjid ini ialah seramai 70 orang yang kebanyakannya pelajar-pelajar lepasan universiti.<sup>59</sup>

Penubuhan sekolah-sekolah yang berorientasikan Salaf seperti Sekolah Menengah Islam al-Husna melancarkan lagi penyebaran aliran ini di kawasan Kota Bharu. Sekolah ini dibangunkan oleh Zakaria Awang Soh pada tahun 1995, yang merupakan bekas Profesor di Jabatan Geografi Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada awal penubuhannya, sekolah ini hanyalah sebuah bangunan kayu dan surau, dan pada tahun 1997 sekolah ini berpindah ke bangunan tetap selepas siapnya satu blok bangunan tiga tingkat beserta empat unit rumah guru. Sekolah ini mempunyai 10 orang guru tetap dan lima orang guru sementara, dengan jumlah pelajar seramai 50-70 orang. Moto sekolah ini ialah "Wadah Tarbiyah Islamiyah: Pembina Aqidah Sahihah; Ibadat Solehah, Akhlak Karimah". Antara buku aqidah yang diguna pakai ialah "Bimbingan Fardu Ain" yang mengandungi dasar-dasar pegangan aliran Salafi.<sup>60</sup>

Sekolah Rendah Islam al-Qari di Kubang Kerian dan Sekolah Rendah Islam al-Qiblat di Langgar, juga berorientasikan Salafi.<sup>61</sup> Mengikut Abdullah al-Qari, antara ulama-ulama yang menyeru masyarakat dengan tegas bagi mengukuhkan fahaman Salafi yang berorientasikan sunnah di Kelantan ialah Shahibul al-Samahah Datuk Mufti Hj. Mohd Nor dan Tuan Guru Dato Hj. Nik Abdul Aziz<sup>62</sup> yang menentang *bid'ah* dalam kalangan masyarakat; Shahibul al-Samahah Datuk Mufti Hj. Ismail, Drs. Abdul Ghani Idris, dan Ust. Hj. Hassan Idris juga memperjuangkan aliran Salafi menerusi tulisan dan

---

<sup>58</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Abdul Razak Mohamed, *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (1)* (Kota Bharu: Penerbit al-Fikr, 1992).

<sup>61</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 87-100.

<sup>62</sup> *Ibid.*

ceramah; dan Imam Masjid Sultan Ismail Ust. Hj. Mohd Salleh Mahmud (cucu Tok Kenali).<sup>63</sup>

Apa yang jelas, kelahiran kader-kader muda gerakan ini yang semakin ramai terutamanya lepasan universiti di Timur Tengah dan yang mempunyai pelajaran tinggi membuktikan bahawa gerakan Salafi-*Iṣlāḥ* di Kelantan sejak kebelakangan ini tampak semakin pesat. Selain daripada itu, fikiran masyarakat pula semakin terbuka dalam membincangkan hal-hal keagamaan. Tanpa disedari, ramai umat Islam kini semakin terpengaruh dengan fahaman Salafi berdasarkan percakapan mereka, khususnya dalam masalah *bid,,ah* Walau bagaimanapun, isu penolakan *bid,,ah* adalah satu isu yang ditolak oleh semua aliran tidak kira aliran Salaf mahu pun *khalaf*, dan pertentangan antara kedua-duanya juga tidak melibatkan isu *bid,,ah* tetapi lebih kepada perbezaan dalam memahami ayat-ayat *al-mutashābihāt*.<sup>64</sup>

Johari Mat juga merupakan antara individu yang mendukung aliran Salafi, namun beliau mengambil pendekatan yang sederhana. Antara isu yang diketengahkan dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan ialah isu ibadah tahlil untuk si mati. Beliau menegaskan bahawa amalan yang bukan menjadi sunnah Rasulullah SAW, maka tidak perlu ditambah, kerana ia dikira sebagai *bid,,ah*.<sup>65</sup>

## 2.7 Kesan Aliran Salafi kepada Masyarakat Islam di Kelantan

Masyarakat Islam di Kelantan agak terkesan dengan aliran Salafi, terutamanya dalam isu-isu *khilāfiyyah* atau *furū,,* agama. Walaupun konflik yang berlaku tidak berkait dengan asas agama, namun sedikit menghairankan kerana kesan langsung yang berlaku adalah negatif. Masyarakat Kelantan cenderung untuk berpecah, menentang aliran ini, dan membina permusuhan yang berlarutan seperti yang pernah berlaku pada zaman

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> *Ibid.* 90-94.

<sup>65</sup> Lihat Johari Mat, "Majlis Tahlil: Adakah daripada Nabi SAW," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=yWson0vAfb8&feature=youtu.be>, dicapai pada 8 Oktober 2018; Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

lampau yang melibatkan fuqaha".<sup>66</sup>

Walaupun tidak semua aspek terlibat, namun ia jelas menunjukkan perbezaan fahaman lantas menimbulkan konflik yang berkait dengan prinsip perjuangan golongan Salafi yang jelas bertentangan dengan pegangan asas mazhab Shāfi,ī. Konflik yang berlaku ini adalah disebabkan oleh fanatiknya terhadap fahaman mazhab masing-masing sehingga mengganggu keharmonian dan kesatuan masyarakat. Walau bagaimanapun, tiada salahnya khilaf yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini kerana permasalahan khilaf di bawah naungan rahmat Allah SWT sebenarnya berfungsi untuk bantu membantu dalam mencapai kebenaran, serta tidak sesekali menimbulkan rasa taksub terhadap pegangan masing-masing.<sup>67</sup>

Budaya fanatik atau pun sikap taksub yang wujud dalam kalangan masyarakat Islam menyebabkan negeri Kelantan menetapkan mazhab Shāfi,ī sebagai mazhab yang benar untuk diikuti, manakala mazhab-mazhab lain tidak digalakkan. Pengkaji mengakui akan kebenaran kesemua mazhab, namun keketatan ilmu dan pemahaman pengikut menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Tambahan lagi semua mazhab membawa ajaran Islam yang sama sebagaimana yang diajar oleh Nabi SAW, terutamanya yang berkaitan dengan soal *ijtihādiyyah* atau perbezaan pendapat seperti yang pernah berlaku pada zaman para sahabat dan *tābi,īn* sebelumnya.<sup>68</sup>

Antara lain punca konflik adalah *bertaqlid* kepada mazhab atau menerima pendapat seseorang tanpa mengetahui dalil dan sandarannya, atau dalam konteks yang lebih spesifik, menerima sesuatu pandangan fuqaha" atau mazhab dalam perkara-perkara berhubung dengan hukum syarak tanpa mengetahui atau menyelidiki

---

<sup>66</sup> Dapatan diperolehi melalui pemerhatian pengkaji melalui ceramah-ceramah yang disampaikan oleh penceramah di masjid-masjid di Kota Bharu, Kelantan.

<sup>67</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus," 96.

<sup>68</sup> Taha Jabir Fayyadh al-, Alwani, *Adab al-Ikhtilaf Fi al-Islam* (Qatar: Riasah al-Mahakam al-Shar'iyah Wa al-Shu'un al-Diniyyah, 1984), 87.

hujahnya.<sup>69</sup> Mazhab Shāfi,ī mewajibkan seseorang yang tidak layak berjihad untuk *bertaqlid*.<sup>70</sup> Sebaliknya, golongan Salafi menganggap *taqlid* adalah sikap pasif dalam beragama dan dapat menjadi punca perbalahan serta sikap fanatik pengikut mazhab.<sup>71</sup>

Masyarakat Islam di Kelantan memang dikenali sebagai golongan bermazhab Shāfi,ī yang dikembangkan di Tanah Melayu ini melalui sistem tradisional iaitu institusi pondok. Perundangan Islamnya juga menggunakan hukum-hukum dalam mazhab Shāfi,ī.<sup>72</sup> Kini, terdapat kelonggaran dalam perundangan Islam di Malaysia untuk merujuk kepada pandangan mazhab-mazhab lain terutamanya dalam hal-hal fatwa. Walau bagaimanapun, pandangan mazhab Shāfi,ī masih menjadi keutamaan.

Di Kelantan khususnya dan di Malaysia umumnya, masyarakat telah sebatik mengamalkan mazhab Shāfi,ī. Oleh sebab itu, pandangan mazhab lain dianggap janggal dan mengelirukan selain mendorong kepada perpecahan. Selain itu, mazhab Shāfi,ī telah diangkat sebagai mazhab rasmi bagi semua negeri kecuali Perlis. Oleh sebab itu, ia perlu dipertahankan sama ada melalui perundangan ataupun pegangan masyarakat.<sup>73</sup>

Pada awal bab pengkaji telah menjelaskan bahawa Salafi bergerak untuk mengajak umat Islam menjauhi *bid,ah* dengan kembali mengikut al-Quran dan sunnah. Isu-isu berkaitan *bid,ah* seperti cara berniat (lafaz “*usulli*”), tahlil, talkin, dan lain-lain seringkali menjadi isu perbahasan antara golongan Shāfi,ī dan Salafi. Salafi menganggap semua itu sebagai *bid,ah* yang mungkar, namun golongan bermazhab Shāfi,ī menganggapnya baik atau hanyalah *bid,ah ḥasanah*. Sekali lagi, perbezaan tanggapan seperti inilah yang menjadi punca kepada perbalahan masyarakat Islam di

---

<sup>69</sup> al-,Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 3 (Qāhirah: Matba,ah Sabih, 1437H), 166; al-Ghazali, *al-Mustasfā min ʿIlm al-Uṣūl* (Qāhirah: Matba,ah Muṣṭafā Muḥammad, 1356H), 123; al-Shawkanī, *Irsyād al-Fuḥl* (Qāhirah: Matba,ah Sabih, 1349H), 234.

<sup>70</sup> Daud Abdullah al-Fatani, *Fath al-Mannan* (Pulau Pinang: Persama Press, t.t.), 41.

<sup>71</sup> Lihat Abu Bakar Ashaari, *Kemerdekaan Berfikir dalam Islam atau Pembasmī Taqlid* (Pulau Pinang: Persama Press, 1954), 3; Ahmad Yusuf Amin, *Taqlid dan Kesan-kesannya Terhadap Perkembangan Fikiran dan Ilmu Pengetahuan* (Kuala Pilah: KTF Institut, t.t.), 5-13; Hashim Ghani, *Wajibkah Muslim Bermazhab* (Kuala Pilah: KTF Institut, 1987), 7.

<sup>72</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Mazhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*, 3.

<sup>73</sup> Mohd Radzi Othman et al., “Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri Perlis dan Kaitannya dengan Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri-negeri Lain di Malaysia,” (Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1991), 274.

Kelantan.

## 2.8 Polemik antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Kelantan

Polemik yang timbul antara Kaum Muda dengan Kaum Tua di Kelantan adalah berkisarkan tentang isu-isu fiqh. Ismail Awang menjelaskan bahawa konflik antara Kaum Muda dengan Kaum Tua adalah tentang permasalahan seperti berikut:<sup>74</sup>

### 2.8.1 *Talqin*

Isu talqin merupakan salah satu perkara yang diperselisihkan antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Haji Wan Musa dan anaknya Haji Nik Adullah tidak sependapat dengan para ulama di zamannya yang mengatakan bahawa *talqin* itu adalah amalan sunat. Mereka berpendapat bahawa tiada sebarang nas yang menyarankan supaya dibacakan *talqin* kepada jenazah di tanah perkuburan. Hal tersebut didapati bertentangan dengan pandangan dan amalan ulama-ulama lain pada ketika itu. Bagi menambah keyakinan tentang itu tersebut, beliau telah menulis surat kepada Sayid Muhammad Rashīd Riḍā dengan tujuan untuk meminta pandangannya tentang hukum *talqin*. Rashīd Riḍā memberikan maklumbalas sepertimana berikut:

*Yang bermaksud: Keterangan-keterangan yang disebut oleh al-Barmawi itu tidaklah kerana tidak ada satu hadis pun mensabitkan talqin itu sunat atau tidak oleh para sahabat, bahkan tidak ada satu hadis sahih atau hasan tentang talqin. Hanya satu hadis yang dhaif (yang ada dalam masalah talqin. Itupun – penulis) tidak dikeluarkan oleh pengumpul-pengumpul hadis sahih dan sunan...”*<sup>75</sup>

Sekiranya ditinjau mengikut pandangan golongan Salaf, *talqin* dikatakan makruh kerana tidak mendatangkan sebarang faedah berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

قُلْ أَغَيَّرَ اللَّهُ أَبْنِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا

<sup>74</sup> Md Ashih Yaakub, “Konflik di Antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan: Rujukan Kepada Kitab Tazkiah al-Anzar dan al-Qawl al-Mufid,” 113.

<sup>75</sup> Ismail Awang, “Mufti Haji Wan Musa,” 391.

تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ  
تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

Katakanlah: "...Apakah Aku akan mencari Tuhan selain Allah, padahal dia adalah Tuhan bagi segala sesuatu. Dan tidaklah seorang membuat dosa melainkan kemudharatannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain. Kemudian kepada Tuhanmulah kamu kembali, dan akan diberitakan-Nya kepadamu apa yang kamu perselisihkan..."

(Surah al-An,ām, 6: 64)

Manakala sebahagian ahli ilmu dan Imam Shāfi,ī sendiri berpandangan bahawa *talqin* diharuskan berdasarkan hadis daripada Saidina „Uthman RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh supaya ditalqinkan mayat.<sup>76</sup>

عن عثمان رضى الله عنه قال: كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا فرغ من دفن الميت وقف عليه فقال: (( استغفروا لأخيكم وسلوا له فان الآن يسأل)).

“Daripada Othman RA berkata: Adalah Nabi SAW apabila selesai mengkembumikan mayat beliau berdiri diatasnya.Maka bersabda: “Pohonlah keampunan bagi saudara kamu dan berdoalah baginya.Maka sesungguhnya dia sekarang sedang disoal”.

### 2.8.2 *Talftq* Mazhab

Haji Wan Musa telah mengemukakan pandangannya kepada Yang Mulia Tengku Ibrahim (yang kemudiannya menjadi Sultan Kelantan: 1944-1960) bahawa umat Islam boleh memelihara dan memegang anjing tanpa disamak bekas air mulutnya sekiranya perlu bagi menjamin kebersihan kediaman. Pandangan beliau ini yang didorong oleh anaknya Nik Abdullah menimbulkan polemik hebat tentang isu jilatan anjing pada masa itu.<sup>77</sup>

Pada tahun 1937, satu perbahasan terbuka telah diadakan oleh Raja Kelantan di Istana Seri Cemerlang bersama Haji Wan Musa, Haji Abbas Taha, dan Buhanuddin al-

<sup>76</sup> Sayyid Sābiq, *al-Fiqh al-Sunnah*, vol. 1 (Qāhirah: Dār al-Faṭḥ li al-I,ām al-,Arabī, 1999), 380.

<sup>77</sup> *Ibid*, 390.

Hilmi. Pihak Haji Wan Musa mentafsirkan ayat al-Quran di dalam surah al-Baqarah, ayat 233 yang bermaksud: Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Mereka berpandangan bahawa Allah SWT tidak akan membebankan hambaNya dengan suatu tanggungan yang berada di luar kemampuan mereka. Memandangkan usaha untuk memastikan agar anjing peliharaan tidak tersentuh dengan manusia amatlah sukar, maka mereka mengeluarkan pandangan yang berbentuk kontroversi dengan membolehkan keadaan tersebut.<sup>78</sup>

Akhirnya, perdebatan yang diadakan ditamatkan tanpa menemui titik persamaan. Masing-masing kekal dengan hujah dan pandangan yang diberikan. Sultan Kelantan menyerahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan sendiri menurut pemerhatian mereka. Pandangan yang dikemukakan oleh Kaum Muda dilihat kurang mendapat sambutan masyarakat Kelantan, sekalipun hujah tersebut agak mantap dengan bantuan ulama-ulama daripada luar. Hal ini dapat dibuktikan dengan amalan masyarakat Islam di Kelantan kini yang tidak menjadikan anjing sebagai haiwan peliharaan, bertentangan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Kaum Muda yang membenarkan perbuatan tersebut.<sup>79</sup>

### 2.8.3 Bina Masjid daripada Wang Zakat Fitrah

Dalam hal pembinaan Masjid Muhammad di Kota Bharu dengan menggunakan wang daripada zakat fitrah, timbulnya pertentangan pandangan antara Haji Wan Musa dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan. Wan Musa berpendapat bahawa wang zakat fitrah adalah hak fakir miskin.<sup>80</sup> Beliau menyokong pandangan tersebut berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي

<sup>78</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulamak Semenanjung Melayu*, Vol 1, (Kota Bharu: Majlis agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 253.

<sup>79</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 126.

<sup>80</sup> Lihat Ismail Awang, "Mufti Haji Wan Musa," 389.

الرَّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

*“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana...”*

(Surah al-Tawbah, 9: 60)

Haji Wan Musa menyatakan bahawa berdasarkan ayat ini tiada nas jelas yang mengharuskan pembinaan masjid dengan menggunakan duit zakat. Bagaimanapun, Kaum Tua menegaskan bahawa pembinaan masjid diharuskan dengan duit zakat fitrah berdasarkan keumuman ayat, iaitu di jalan Allah SWT.<sup>81</sup>

#### 2.8.4 Masalah Lafaz *Uṣallī*

Haji Wan Musa yang mewakili Kaum Muda berpandangan bahawa kalimah *uṣallī* ketika hendak mengerjakan solat adalah tidak sunat berdasarkan hadis berikut:

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ

*“Apabila kamu berdiri untuk sembahyang hendaklah kamu takbir..”*<sup>82</sup>

Haji Wan Musa ditentang hebat oleh ulama-ulama lain yang sezaman dengannya dalam hal kalimah *uṣallī* ini, seperti Haji Omar Nuruddin, Haji Yaakub Legor, Tengku Mahmud Zuhdi, Haji Ibrahim Haji Yusof (Mufti negeri Kelantan pada masa itu), dan lain-lain. Mereka berpandangan bahawa kalimah *uṣallī* adalah sunat berdasarkan pandangan ulama fiqh mutaakhirin.<sup>83</sup>

Pengkaji turut mendapati bahawa perkembangan aliran Salafi atau Kaum Muda

<sup>81</sup> Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017), 97. Lihat Ismail Awang, “Mufti Haji Wan Musa,” 351.

<sup>82</sup> Al-Tahtawi, *Hidayah al-Bari Ila Tartib Ahadith al-Bukhari*, vol 1,( Kaherah: Matbaah al-Saadah,1908) 44.

<sup>83</sup> Lihat Ismail Awang, “Mufti Haji Wan Musa,” 389.

ini dilihat bergerak secara aktif sejak kepulangan Nik Abdul Aziz Nik Mat<sup>84</sup> pada tahun 1960-an dari Mesir yang mengembangkan insituti pengajian tafsir di masjid-masjid. Pada peringkat awal, ajaran yang disebarkan oleh beliau dilihat banyak menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan, terutamanya apabila menyentuh isu akidah dan fiqh.<sup>85</sup> Walau bagaimanapun, beliau dilihat cuba melembutkan kaedah pendekatannya dalam masa yang sama mengekalkan fahaman Kaum Muda.<sup>86</sup>

Antara tokoh baharu yang gigih memperjuangkan aliran Kaum Muda ialah Abdullah al-Qari bin Haji Mohd Salleh. Beliau merupakan seorang ulama yang bukan sahaja memiliki perpustakaan peribadi terbesar di Kelantan, bahkan telah menulis dan membuat penterjemahan lebih daripada 100 buah kitab yang berunsurkan reformisme.<sup>87</sup>

## 2.9 Kesimpulan

Hasil daripada rujukan pelbagai sumber mendapati bahawa sejarah perkembangan aliran Salafi sebenarnya bermula dari Nusantara seterusnya masuk ke Malaysia. Aliran ini kemudiannya berkembang sehingga ke Kota Bharu Kelantan. Berkembangnya aliran Salafi ini ke Kelantan telah menyebabkan berlakunya konflik negatif, terutamanya berkait dengan perkara-perkara keagamaan. Masyarakat Kelantan cenderung untuk berpecah, menentang aliran ini, dan membina permusuhan yang berlarutan. Antara isu yang dipertikaikan adalah seperti isu talqin, isu talfiq mazhab, isu membina masjid daripada wang zakat fitrah, isu lafaz *uṣallī*, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Kelantan telah menetapkan mazhab Shāfi'ī sebagai mazhab yang benar untuk diikuti,

---

<sup>84</sup> Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 sehingga 2013.

<sup>85</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat pernah menghuraikan tentang isu keharusan untuk memakan daging tupai sehingga menimbulkan konflik antara beliau dengan Tuan Guru Pondok di Kelantan sekitar tahun 1989. Lihat Molvi Azhar Abdul Satar (Anak Murid Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 7 Oktober 2018.

<sup>86</sup> Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017), 232.

<sup>87</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

manakala mazhab-mazhab lain tidak digalakkan. Penetapan ini adalah salah satu daripada usaha mengelakkan daripada isu pengamalan mazhab yang pelbagai menjadi semakin serius, seterusnya menjadi perbalahan dalam kalangan masyarakat.

Universiti Malaya

## **BAB 3: ISU-ISU FIQH TERPILIH MENGIKUT ALIRAN SALAFI DI KOTA BHARU, KELANTAN**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dapatan yang telah diperolehi sepanjang kajian dijalankan. Hasil dapatan dibentangkan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan dan terkandung dalam bab pertama. Ia bertujuan untuk menjadikan laporan dapatan kajian lebih teratur dan mudah difahami untuk diteliti dengan lebih jelas.

Terlebih dahulu, pengkaji menjelaskan secara keseluruhan hasil analisis kandungan terhadap rekod data dan dokumentasi lain yang berkaitan bagi menggambarkan hasil yang terlibat dalam kajian. Pengkaji turut menterjemah data yang diperolehi dalam bentuk jadual mengikut kesesuaian dapatan kajian bagi memudahkan pengkaji membuat huraian.

### **3.2 Latar Belakang Pendukung Aliran Salafi di Kota Bharu**

#### **3.2.1 Maulana Muhammad Asri Yusoff**

Muhammad Asri Yusoff merupakan salah seorang ilmunan yang terkenal dalam penyampaian dakwah di Malaysia, khususnya di Kelantan dan Kuala Lumpur. Kepakaran beliau dalam bidang ilmu hadis. Minat yang sangat mendalam terhadap ilmu hadis dan al-Quran mendorong beliau untuk menubuhkan Darul Kautsar di Kelantan. Dalam masa yang sama, Kuala Lumpur adalah antara tempat tumpuan beliau dalam mengajar hadis secara bertalaqqi kepada masyarakat awam.<sup>1</sup>

Beliau adalah pengasas Darul Kautsar yang membangunkan pusat tahfiz al-Quran, Bahasa Arab dan ilmu-ilmu Islam. Maulana Asri juga merupakan seorang pengarang.

---

<sup>1</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

Antara buku-buku beliau seperti buku tentang syiah, Ibn Ishaq, kamus, dan banyak lagi yang mensyarahkan kitab-kitab hadis. Beliau merupakan satu-satunya ulama di Malaysia yang telah khatam mensyarahkan Sahih Al-Bukhari. Jaami' at-Tirmizi, Misykaatul Masaabih, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud; antara kitab-kitab yang diajar oleh beliau.

Anak kelahiran negeri Kelantan ini dilahirkan pada 12 Julai 1958 di Bukit Abal, Pasir Puteh. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Abal sehingga darjah 3. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke India di Darul Ulum Deoband, pulang ke Kelantan dan melanjutkan pengajian di Madrasah Al-Diniah al-Bakriah atau Pondok Pasir Tumbuh. Selepas itu, beliau kembali semula ke India dan menuntut di Nadwatul Ulama, Lakhnau sebelum ke Pakistan untuk belajar daurah hadis di Jamiah al-Ulum al-Islamiah, Karachi.<sup>2</sup>

### **3.2.2 YB Senator Dato' Dr Johari Mat**

Johari Mat merupakan salah seorang daripada ahli politik Malaysia berbangsa Melayu dari Parti Islam Se-Malaysia. Beliau merupakan salah seorang Ahli Dewan Negara Iltikan Kerajaan Negeri Kelantan. Di peringkat parti, beliau merupakan Ahli Majlis Syura Ulama PAS dan Naib Ketua Dewan Ulama PAS Pusat.<sup>3</sup> Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Perlis.

Johari Mat dilahirkan pada 28 April 1952 di Kelantan, berkelulusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri, di Kota Bharu, Kelantan (1972-1975). Beliau menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Usuluddin di Universiti Imam Mohd Ibn Saud al-Islamiyyah, Riyadh, Saudi Arabia (1978-1982) di bawah pengkhususan Akidah dan Aliran Pemikiran Semasa. Seterusnya beliau menyambung pengajiannya lagi ke

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

peringkat falsafah kedoktoran (Ph.D) dalam bidang Usuluddin di Universiti Imam Mohd Ibn Saud al-Islamiyyah, Riyadh, Saudi Arabia (1990-1994) di bawah pengkhususan Akidah dan Aliran Pemikiran Semasa. Kepakaran beliau adalah dalam bidang akidah dan pemikiran Islam, aliran pemikiran semasa dan kajian ilmu salah di Malaysia.

Beliau dilantikan sebagai Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kelantan pada tahun 2001 hingga 2003. Antara penyelidikan yang telah beliau jalankan ialah tentang ajaran sesat di Selatan Semenanjung Malaysia yang melibatkan Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor (1998). Terdapat juga kajian beliau di selatan semenanjung Malaysia iaitu di Utara iaitu Perlis, Kedah, dan Pulau Pinang (1999) dalam topik yang sama.<sup>4</sup>

Beliau dilantik sebagai anggota Dewan Negara mewakili Kelantan dalam tempoh 07 Julai 2011 hingga 06 Julai 2014. Beliau ditugaskan untuk menggantikan Ahmad Rusli Ibrahim dengan cadangan oleh Menteri Besar Kelantan. Beliau mengangkat sumpah sebagai senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang pada 7 Julai 2011.<sup>5</sup>

### **3.2.3 Dr. Ahmad Najib Abdullah**

Ahmad Najib Abdullah Al-Qari merupakan seorang tokoh dalam bidang dakwah dan pendidikan yang cukup terkenal di seluruh Kelantan. Berasal dari kampung Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Rendah Kebangsaan Kubang Kerian. Pada tahun 1979, beliau menyambung pengajian di Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Setelah mengambil Sijil Tinggi Ugama (STU), pada tahun 1985 beliau meneruskan pengajian di Universiti Islam Madinah (dalam bidang Dakwah dan Usuluddin). Selepas itu, beliau menyambung pengajian ke peringkat

---

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

sarjana dan falsafah kedoktoran (Ph.D) dalam bidang Tafsir pada tahun 1998. Pada akhir 1998, beliau pulang ke Kelantan dan berkhidmat dengan sebuah IPTS di Kelantan iaitu Maahad Dakwah Wal‘imamah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan yang kini dikenali sebagai Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada tahun 1999 sehingga 2007. Kemudian pada 1 Januari 2008, beliau mula berkhidmat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.<sup>6</sup> Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Perlis.

### **3.3 Pemikiran Pendukung Aliran Salafi di Kota Bharu**

Pengkaji menjalankan kajian melalui kaedah temu bual ke atas tiga orang responden yang terkenal sebagai pendukung aliran Salafi di Kota Bharu dengan melihat kepada corak pemikiran mereka tentang beberapa aspek. Antara aspek yang dikaji ialah pemahaman konsep ijtiḥad antara golongan Salafi dengan tradisional, proses Islamisasi di alam Melayu, metodologi ijtiḥad Salafi, mazhab dalam Islam dan budaya Melayu.

#### **3.3.1 Konsep Ijtiḥad antara Salafi dan Tradisional**

Dalam bab mentafsirkan konsep ijtiḥad, Muhammad Asri berpandangan bahawa tiada bezanya konsep ijtiḥad di antara golongan Salafi dengan tradisional, terutamanya di peringkat antarabangsa. Ringkasnya boleh dikatakan pintu ijtiḥad ini kebanyakannya bersifat terbuka.<sup>7</sup> Johari Mat turut menyatakan pandangan yang sama, iaitu tiada bezanya antara konsep ijtiḥad bagi golongan Salafi dan tradisional. Hal ini kerana sumbernya adalah sama, iaitu al-Quran, al-Sunnah, *ijmā‘*, dan *qiyās*. Berbeza dari sudut cara pengambilan sesuatu pandangan dalam Salafi ahli sunnah. Mereka tidak berpegang

---

<sup>6</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>7</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur‘an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

pada mazhab tertentu, tetapi berpegang dan mengutamakan dalil yang lebih kuat.<sup>8</sup>

Ahmad Najib Abdullah pula lebih melihat kepada kefahaman kedua-dua golongan ini terhadap konsep ijtihad. Golongan Salafi berkemungkinan lebih bersikap terbuka terhadap konsep ijtihad dalam perkara-perkara tertentu, dalam masa yang sama mungkin ada tokoh-tokoh tradisional yang berfikiran terbuka dalam isu tersebut.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, pada asasnya ijtihad merupakan suatu mekanisme penting dalam mengeluarkan pandangan atau hukum dalam agama. Seseorang itu mesti memiliki ciri-ciri mujtahid terlebih dahulu sebelum mengeluarkan apa-apa ijtihad. Seseorang yang benar-benar faham tentang konsep ijtihad dan berkelayakan untuk berijtihad diharuskan berijtihad dalam persoalan-persoalan yang tiada nas dalam al-Quran atau hadis.<sup>10</sup>

### **3.3.2 Proses Islamisasi di Alam Melayu dan Membawa Islam yang Penuh Elemen Sinkretisme**

Dalam usaha mengembangkan proses Islamisasi di alam Melayu, Muhammad Asri berpandangan bahawa Salafi merupakan golongan yang berusaha keras ke arah pembaharuan dalam kalangan masyarakat. Antara prinsip Salafi ialah membuat rujukan kepada pelbagai mazhab dan mengambil pendapat yang lebih baik di antara mereka.<sup>11</sup>

Johari Mat berpandangan bahawa dalam proses islamisasi di alam Melayu, perlunya pelbagai cara untuk memudahkan masyarakat menerima Islam mengikut suasana. Sekiranya gerakan kaum muda berusaha mengembalikan amalan kepada yang asal, tiak mustahil berlakunya pertembungan antara golongan tradisional dan golongan pembaharuan. Ini kerana metodologi yang digunakan dalam pembelajaran adalah

---

<sup>8</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

<sup>9</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>10</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>11</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

berbeza antara kedua-duanya.<sup>12</sup> Ahmad Najib Abdullah menyatakan bahawa proses Islamisasi di alam Melayu sememangnya diperlukan. Bahkan dalam banyak hal, adat dan kebiasaan masyarakat Melayu yang dahulunya seringkali melazimi adat bukan dari ajaran Islam telah sedikit demi sedikit ditinggalkan. Proses tersebut sewajarnya diteruskan dengan menggunakan pendekatan yang penuh hikmah, dan bukan secara kekerasan. Dalam hal tertentu, perlunya proses pembelajaran melalui diskusi, bengkel, seminar, dan seumpamanya bagi mendapatkan input dan membantu proses Islamisasi tersebut.<sup>13</sup>

### 3.3.3 Metodologi Ijtihad Salafi

Dalam perkara kaedah atau metodologi yang digunakan oleh aliran Salafi dalam melakukan ijtihad, Johari Mat dan Ahmad Najib Abdullah berpandangan bahawa metod yang digunakan adalah jelas berasaskan al-Quran dan hadis dan pandangan para sahabat RA serta tokoh-tokoh ulama Salaf.<sup>14</sup> Muhammad Asri pula berpandangan bahawa kitab *I, lām al-Muwaqqi, in* karangan Ibn al-Qayyim merupakan salah satu daripada rujukan dalam bidang usul fiqh oleh ahli hadis.<sup>15</sup>

### 3.3.4 Mazhab-Mazhab dalam Islam

Dalam perkara mazhab yang ada dalam Islam, Muhammad Asri menyatakan bahawa semua mazhab boleh dijadikan rujukan selagi ianya pasti dan sahih. Kesemua mazhab adalah kekayaan dan warisan atau pusaka yang kita terima.<sup>16</sup> Johari Mat menghuraikan

---

<sup>12</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

<sup>13</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>14</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

<sup>15</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017; Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>16</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

bahawa pada asalnya mazhab tidak wujud. Hal ini kerana proses pembelajaran adalah mengikut cara guru yang berbeza-beza. Oleh itu, kupasan ilmu tersebut diasingkan mengikut aliran yang berbeza. Namun, perbezaan tersebut hanyalah pada bahagian *furū*, dan bukan dari sudut usul. Contohnya dalam bab muamalat dan perbankan Islam, mazhab Ḥanafī lebih sesuai dijadikan rujukan berbanding mazhab Shāfi,ī yang sangat ketat.<sup>17</sup>

Ahmad Najib Abdullah menerangkan bahawa mazhab yang ada dalam Islam adalah realiti yang perlu diterima dan perlu diberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang kepelbagaian aliran tersebut. Dalam hal tersebut, pendekatan berdasarkan ilmu yang mantap dan kebijaksanaan amat diperlukan dalam membincangkan isu kepelbagaian mazhab. Namun begitu, aspek kesederhanaan adalah penting agar tidak terus menolak mazhab yang muktabar dalam Islam, dan tidak terlalu taksub dengan mazhab atau pandangan tertentu sahaja. Setiap pendapat atau pandangan perlu diukur mengikut acuan al-Quran dan hadis dalam mencari dan mendapatkan *qawl* yang lebih tepat dan sahih.<sup>18</sup>

### 3.3.5 Budaya Melayu

Dalam isu kebudayaan dalam kalangan masyarakat Melayu, Muhammad Asri berpandangan bahawa punca berlakunya perbezaan pemikiran adalah kerana tidak mengikut cara Salaf/ahli hadis sepenuhnya, dan ianya dipanggil pembahagian *bid,ah*. Ahli hadis/Salaf terbahagi kepada *bid,ah* hakiki dan *bid,ah qiyās*. Budaya hari ini terjadi kerana masyarakat tidak mengetahui mengenai *bid,ah idāfiyah* sedangkan ia adalah merupakan asas.<sup>19</sup>

Johari Mat mengulas bahawa semua budaya pada hari ini perlu dipastikan agar

---

<sup>17</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

<sup>18</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>19</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

tidak jauh terpesong daripada syariat Islam yang sebenar. Amalan yang ada padanya sandaran dalil sama ada al-Quran atau hadis atau *ijmā*., atau *qiyās*, serta *qiyās* yang sahih, maka perlu diterima sebagai amalan. Namun begitu, jika terdapat sandaran nas dalam suatu amalan, maka tidak dibenarkan untuk melakukan ijtihad. Sebagai contoh, dalam amalan solat tidak boleh menggunakan *qiyās*, kerana *qiyās* diberi maksud mengeluarkan hukum yang tidak wujud lagi.<sup>20</sup> Ahmad Najib pula menegaskan bahawa budaya masyarakat Melayu perlu diperkasakan lagi dengan elemen yang sejajar dengan syariat Islam, manakala elemen yang bercanggah dengan Islam perlu dielakkan.<sup>21</sup>

### **3.4 Isu-Isu Fiqh Semasa di Kota Bharu: Pendekatan yang dibawa oleh Pendukung Aliran Salafi**

Pengkaji menemukan banyak isu yang timbul dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, Kelantan. Namun pengkaji hanya memfokuskan kepada beberapa isu fiqh semasa yang menjadi permasalahan utama masyarakat di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji menjawab objektif yang ketiga iaitu menganalisis isu-isu fiqh yang dibawa oleh pendukung aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan. Antara tokoh pendukung Salafi di Kota Bharu, Kelantan ialah Maulana Asri (Responden 1), YB Senator Dato<sup>”</sup> Dr Johari Bin Mat (Responden 2), dan Dr Ahmad Najib Abdullah (Responden 3). Antara isu-isu fiqh semasa yang dikaji diterangkan dalam sub-sub topik seterusnya. Pengkaji mengklasifikan isu-isu fiqh tersebut kepada tiga bahagian yang utama iaitu; pertama ibadat; kedua munakahat; dan ketiga lain-lain.

---

<sup>20</sup> Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

<sup>21</sup> Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

Rajah 4.1: Rumusan Isu-Isu Fiqh Semasa di Kota Bharu, Kelantan



Sumber: Dapatan Pengkaji

### 3.4.1 Isu dalam Bab Ibadah

#### a) Solat Jamak dan Qasar Balik Kampung di Rumah Ibu Bapa

Isu solat Jamak dan Qasar sewaktu balik kampung turut menjadi polemik dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu Kelantan. Dalam hal ini, Responden 1 berpandangan bahawa atas dasar rumah tersebut bukanlah rumahnya (rumah ibu bapanya), maka dikira musafir. Responden 2 memberikan pandangan bahawa tidak dibolehkan Solat Jamak dan Qasar sekiranya kampung halaman tersebut merupakan tempat lahir. Keadaan yang membolehkan Jamak dan Qasar ialah apabila kampung atau rumah ibu bapa itu bukanlah tempat yang sama dia dilahirkan. Manakala Responden 3 berpendapat bahawa diharuskan Solat Jamak dan Qasar selama mana dikira bermusafir, kerana rumahnya bukanlah di kampung atau rumah ibu bapanya.

Dalam isu ini, pengkaji mendapati golongan pendukung aliran Salafi berpandangan bahawa bagi mereka yang bermusafir dibolehkan melakukan solat jamak dan qasar selama mana ianya berniat musafir.<sup>22</sup> Manakala golongan tradisional berpendapat apabila seseorang berniat untuk menetap melebihi empat hari, maka hendaklah ia solat secara tamam dan tidak dibenarkan untuk solat jamak dan qasar.<sup>23</sup>

Berdasarkan isu solat jamak dan qasar, pengkaji dapat menyimpulkan berdasarkan pandangan tokoh di atas bahawa diharuskan jamak dan qasar atas sebab musafir. Namun, solat jamak dan qasar terbatal atau tidak boleh dilakukan sekiranya kita musafir ke kampung yang merupakan tempat lahir kita sendiri. Atas dasar tempat lahir, maka solat jamak dan qasar terbatal dan perlu solat seperti biasa (Tamam).

#### **b) Bacaan Surah Fatihah dalam Wirid Selepas Solat**

Isu lain yang dibangkitkan di Kota Bharu Kelantan ialah berkenaan amalan bacaan surah al-Fatihah dalam wirid setiap kali selepas solat. Isu ini walaupun telah lama dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini, namun ianya masih belum selesai sehingga kini. Dalam hal ini, Responden 1 berpandangan secara umum, sekiranya terdapat dalil yang membolehkan, maka ia dibenarkan dan sebaiknya tidak perlu ada tokok tambah. Responden 2 merujuk kepada kitab *al-Azkar* versi Arab yang mana tidak dinyatakan Surah al-Fatihah sebagai salah satu daripada wirid. Mengikut sebahagian penyusun-penyusun kitab, mereka tidak meletakkan Surah al-Fatihah. Malahan, mereka menggantikannya dengan ayat al-Kursi, 3 Qul dan sebagainya. Tidak ada hadis kuat yang menyarankan agar membaca Surah al-Fatihah selepas solat. Namun, tidak menjadi halangan sekiranya sesiapa ingin membacanya.

Responden 3 menyatakan bahawa tiada nas daripada hadis Nabi SAW yang menganjurkan bacaan surah al-Fatihah sebagai wirid dan amalan selepas menunaikan

---

<sup>22</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 339.

<sup>23</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 341.

solat. Bagi mendapatkan bentuk wirid yang terbaik, perlu dirujuk kepada hadis-hadis yang sahih berhubung amalan wirid Nabi SAW selepas solat, malah dalam semua keadaan yang lain.

Isu bacaan surah al-Fatihah sebagai wirid menjadi perdebatan dalam kalangan umat Islam di Kelantan terutamanya di Kota Bharu. Dalam merungkai permasalahan ini, pengkaji mendapatkan pandangan daripada tokoh-tokoh Salafi di Kota Bharu. Pengkaji mendapati ketiga-tiga tokoh memberi pandangan yang sama iaitu tidak ada dalil atau nas daripada hadis Nabi SAW yang menganjurkan kita membaca surah al-Fatihah sebagai wirid khusus selepas solat.

Pengkaji mendapati dalam isu ini, aliran tradisional yang membenarkan amalan wirid dengan membaca surah al-Fatihah selepas selesai solat berdasarkan zikir dalam kitab *al-Azkar* karangan Imam al-Nawawi.<sup>24</sup> Manakala, mazhab Shāfi'i, Maliki, dan Hambali bersepakat bahawa disunatkan berzikir sejurus selepas selesai solat.<sup>25</sup> Bagi pendukung aliran Salafi, mereka secara tegas berpandangan bahawa tiada sebarang nas yang kukuh untuk membenarkan amalan tersebut, melainkan ianya sebagai amalan bid'ah sahaja.

### **c) Niat Iktikaf dalam Khemah di Madinah Ramadan pada Bulan Ramadan**

Di Kota Bharu Kelantan, sudah menjadi amalan tahunan masyarakat tersebut untuk mendirikan solat terawih di khemah yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan. Dalam hal ini, terdapat isu yang timbul dalam kalangan masyarakat tentang kesahan niat beriktikaf di dalam khemah tersebut, sama ada sah atau pun sebaliknya. Dalam isu ini, Responden 1 berpandangan bahawa niat iktikaf adalah khusus di masjid sahaja. Jika diambil niat ke atas masjid, maka dibolehkan niat tersebut. Responden 2 berpandangan bahawa perbuatan iktikaf sememangnya dikaitkan dengan masjid. Dalam

---

<sup>24</sup> Jainal Sakiban Al-Jauhari, *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardu* (Johor: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2008), 8.

<sup>25</sup> Jainal Sakiban Al-Jauhari, *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardu*, 8.

hal ini adakah khemah digelar sebagai masjid atau sebaliknya? Contohnya, sekiranya ruang rumah seseorang diniatkan sebagai masjid, maka dibolehkan iktikaf padanya. Beliau lebih cenderung untuk merujuk penganjur program Madinah Ramadan sama ada khemah tersebut diniatkan sebagai masjid. Manakala Responden 3 memberikan pandangan bahawa beriktikaf dalam khemah di Madinah Ramadan tidak diharuskan kerana tidak menepati standard iktikaf syar'ie, iaitu di masjid. Ada pun khemah bukanlah sebuah masjid.

Berdasarkan pandangan ketiga-tiga responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa mereka memberi pendapat yang sama dalam isu ini bahawa tidak ada hadis atau pandangan ulama-ulama muktabar yang membolehkan niat iktikaf di dalam khemah. Mereka berpandangan berdasarkan hadis yang sahih dan pandangan ulama bahawa niat iktikaf hanya di masjid sahaja.

Pengkaji mendapati bahawa sandaran hujah yang digunakan oleh aliran Salafi untuk tidak membenarkan amalan iktikaf di dalam masjid adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ

*"... sedang kamu beriktikaf dalam masjid..."*

(Surah al-Baqarah, 2; 187)

Begitu juga dengan pandangan al-Imam al-Shāfi,ī yang mensyaratkan agar iktikaf hanya dilakukan di masjid *jāmi*., (masjid yang didirikan solat fardu Jumaat)<sup>26</sup> kerana Rasulullah SAW beriktikaf di dalam masjid *jāmi*., yang kerap didirikan sembahyang di dalamnya berbanding dengan masjid-masjid selainnya.

Manakala bagi aliran tradisional, mereka berhujah bersandarkan kepada pandangan Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad, dan Abu Thawr yang menyatakan bahawa amalan beriktikaf adalah sah dilakukan di mana-mana masjid yang didirikan

<sup>26</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 1, 636.

solat fardu lima waktu secara berjemaah.<sup>27</sup>

#### **d) Isu Imsak Puasa**

Seterusnya, isu waktu imsak puasa juga merupakan isu yang dipolemikkan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, bahkan sehingga kini masih diperdebatkan. Dalam hal ini, Responden 1 menyatakan bahawa tiada waktu imsak di bulan puasa. Responden 2 menyatakan bahawa imsak diumpamakan sebagai lampu kuning yang mana perlu berjaga-jaga. Dari segi hukumnya, dibolehkan bersahur sehingga Subuh. Namun, langkah berjaga-jaga perlu diambil dibimbangi terlepas pandang. Dalam hal tertentu, sekiranya belum masuknya waktu subuh, maka dibolehkan makan sehingga waktu Subuh. Manakala Responden 3 berpandangan bahawa waktu imsak adalah waktu menahan diri dari makan dan minum dalam tempoh tertentu sekitar tempoh 10 minit. Contohnya, sebelum masuknya waktu Subuh atau Fajar adalah tidak berdasarkan nas yang jelas. Secara jelasnya, waktu yang ditegah untuk makan ialah apabila masuk waktu Subuh sepertimana dalam al-Quran.

Dalam isu ini, pengkaji mendapati bahawa pendukung aliran Salafi berhujah bersandarkan pandangan yang menyatakan bahawa tiada garis panduan berkenaan imsak pada zaman Nabi SAW dan para sahabat.<sup>28</sup> Hal ini berbeza dengan pandangan pendukung aliran tradisional yang mengharuskan amalan tersebut berdasarkan *maṣlahah* masyarakat. Ini kerana imsak puasa sangat membantu umat Islam, terutamanya untuk mengetahui waktu solat, waktu imsak dan syuruq, menentukan masa yang sesuai bagi menyediakan juadah untuk bersahur dan berbuka, serta mengelakkan ralat dalam penetapan waktu berpuasa dan solat.

Kesimpulannya, ketiga-tiga tokoh mempunyai pandangan masing-masing dalam mengupas isu ini. Responden 1 menjawab persoalan ini dengan ringkas tanpa memberi

---

<sup>27</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 317.

<sup>28</sup> Muḥammad Ḥassan al-Haytu, *Fiqh al-Siyām* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1988), 112.

penjelasan iaitu tiada waktu imsak. Manakala Responden 2 dan 3 menyatakan waktu imsak itu penting sebagai langkah berjaga-jaga (lampu kuning) untuk kita mengawal tempoh makan sahur supaya tidak terbabas sehingga masuk waktu subuh.

### **3.4.2 Isu dalam Bab Munakahat**

#### **a) Isu Akad Nikah Menerusi Sidang Video**

Dalam isu akad nikah menerusi sidang video, pernah berlaku kes akad nikah menerusi sidang video di Kota Bharu, Kelantan. Akad nikah tersebut berlangsung di rumah pengantin perempuan, manakala pengantin lelaki berada di Australia di atas urusan pengajian.<sup>29</sup>

Dalam isu ini, Responden 1 berpandangan bahawa jika atas dasar wakil atau maklum, maka ia boleh digunapakai kerana ia adalah nyata dan jelas. Responden 2 menyatakan bahawa sekiranya sah bercerai melalui SMS, maka hukumnya sama sekiranya berkahwin menerusi video. Bahkan boleh membawa kepada kemudaratan yang lebih besar sekiranya pasangan tersebut tidak berkahwin. Dalam hal ini, rukun dan syarat perkahwinan perlu diberikan penekanan.

Responden 3 menyatakan bahawa hukum akad nikah melalui sidang video adalah sah jika cukup rukun dan syaratnya. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa aliran tradisional yang tidak membenarkan perkahwinan menerusi sidang video bersandarkan kepada ketidakwujudnya pihak pengantin dalam satu majlis sewaktu akad. Manakala pandangan aliran Salafi lebih melihat kepada *maṣlahah* semasa, memandangkan dunia teknologi semakin diterima oleh masyarakat kini. Tambahan lagi, teknologi juga banyak digunakan dalam urusan penting masyarakat, seperti menggunakan video sebagai bahan bukti di mahkamah, pembelian atas talian (*online*) melalui perbankan internet,

---

<sup>29</sup> Akad nikah diadakan pada tarikh 15 September 2016. Lihat Wan Zulkifli Wan Omar (Imam Muda, Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 16 Julai 2018.

penggunaan telefon sebagai alat komunikasi utama, dan lain-lain alatan yang membantu memudahkan urusan masyarakat.

Kesimpulannya, ketiga-tiga responden menyatakan isu akad nikah menerusi sidang video adalah sah asalkan cukup syarat nikah yang ditetapkan dalam Islam. Syarat nikah dalam Islam mesti ada wali, pasangan lelaki dan perempuan, serta ijab dan qabul. Manakala syarat mesti dekat tidak ada dalil atau nas dalam mana-mana kitab.

#### **b) Isu *Bay'ah* dan *Ta'liq***

Dalam isu *bay,,ah* dan *ta,,liq* terdapat amalan yang dilakukan khusus dalam kalangan pimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kelantan. *Bay,,ah* PAS secara amnya terdiri daripada dua jenis. Bentuk yang pertama ialah *bay,,aham* untuk menyertai parti melalui borang keahlian parti. *Bay,,ah* yang dimaksudkan ini terbuka kepada semua orang yang berminat dan bersedia untuk menjadi ahli parti Pas. Ia dianggap *bay,,ah* kerana di dalam isi kandungan borang tersebut mengandungi pengakuan dengan nama Allah SWT untuk menegakkan syiar Islam.<sup>30</sup>

Sementara itu, *bay,,ah* yang kedua merupakan *bay,,ah* khusus untuk pimpinan parti yang bertanding dalam pilihan raya sahaja. *Bay,,ah* ini dibuat bagi mengikat pimpinan daripada mengkhianati parti dengan melompat parti atau keluar parti. Dengan kata lain, ia digagaskan bertujuan untuk memelihara parti daripada pelbagai ujian dan isu yang boleh melemahkan parti.<sup>31</sup> Ahmad Yakob menghuraikan bahawa dalam isu *bay,,ah* ini sememangnya dilaksanakan dengan benar, dan sekiranya berlaku pelanggaran *bay,,ah* tersebut, maka talak tersebut bukanlah bersifat gurauan semata-

---

<sup>30</sup> Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli Majlis Syura Ulama", Parti Islam SeMalaysia; Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 9 September 2018.

<sup>31</sup> *Bay,,ah* khusus untuk pimpinan parti ini berbeza amalannya antara satu negeri dengan negeri-negeri yang lain. Berbeza dengan negeri-negeri lain yang hanya mengamalkan *bay,,ah* untuk istiqamah dengan perjuangan parti, kepimpinan parti PAS di negeri Kelantan mempraktikkan *bay,,ah* yang diikat dengan *ta,,liq* talak tiga terhadap isteri calon pilihan raya. Perbezaan ini tercetus disebabkan tekanan dahsyat yang dihadapi PAS dalam mempertahankan kerajaan Kelantan yang dipimpin sejak tahun 1990. Lihat Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli Majlis Syura Ulama", Parti Islam SeMalaysia; Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 9 September 2018.

mata.<sup>32</sup>

Dalam isu ini, Responden 1 berpandangan bahawa sumpah tersebut boleh dibatalkan, manakala *bay,,ah* masih boleh dipertimbangkan. Responden 2 menyatakan bahawa *bay,,ah* ialah perjanjian antara seseorang hamba dengan Allah SWT, Rasul dan orang-orang Mukmin. Seseorang hamba itu perlu memahami apakah maksud perkara yang hendak *bay,,al*kan dengan memahami implikasi daripada apa yang dibicarakan. Lafaz sumpah seperti “Wallahi, Wabillahi” merupakan permulaan kepada sesuatu *bay,,ah*. Manakala, *ta,,liq* ialah satu perjanjian. Sekiranya perjanjian tersebut dilanggar, maka akibat pelanggaran tersebut akan ditanggung oleh pihak yang melakukan *bay,,ah* tersebut.

Responden 3 berpandangan bahawa isu *bay,,ah* dan *ta,,liq* perlu dirujuk kepada hakim syar’ie kerana isu ini lebih merujuk kepada niat individu yang melafazkan *bay,,ah* tersebut semasa bersumpah. Walaupun ada pandangan yang mengatakan *ta,,liq* tidak jatuh, namun beliau secara peribadi melihat perkara ini dengan menyeluruh. Dalam hal ini ada elemen *bay,,ah* yang besar implikasinya jika dilanggar, elemen sumpah dan talak. Membelakangi *bay,,ah* akan mengundang laknat Allah SWT.

Pengkaji melihat dalam hal ini, aliran Salafi yang tidak bersetuju dengan amalan bersumpah adalah berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِأَيْمَانِكُمْ أَنْ تَبَرُّوا وَتَتَّقُوا وَتُصْلِحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“...Dan janganlah kamu jadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk berbuat kebajikan, bertaqwa dan mengadakan *işlah* antara manusia. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui...”

(Surah al-Baqarah, 2: 224)

Bagi sumpah yang sudah pun dilafazkan, maka wajiblah ditunaikan. Jika tidak,

<sup>32</sup> Ahmad Yakob, “Bai’ah talak tiga benar, bukan perkara main-main,” *Sinar Harian Online*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/bai-ah-talak-tiga-benar-bukan-perkara-main-main-1.412187>, dicapai pada 11 September 2018.

pihak-pihak yang bersumpah tersebut perlu membayar kifarah.<sup>33</sup> Dalam isu *bay,,ah* dan *ta,,liq* pengkaji mendapati ketiga-tiga responden memberi pandangan yang berbeza-beza. Responden 1 memberi pandangan yang sangat ringan dan mudah, manakala Responden 2 dan 3 menghuraikan dengan jelas termasuk implikasi yang akan diterima kesan daripada *bay,,ah* dan *ta,,liq*. *Bay,,ah* merupakan perjanjian kita dengan Allah, manakala *ta,,liq* hanya melibatkan individu itu sendiri.

### 3.4.3 Isu Lain-lain

#### a) Isu Pelupusan al-Quran (Banjir 2014)

Peristiwa banjir besar yang berlaku di Kelantan pada tahun 2014 menyebabkan kerosakan harta benda yang begitu tinggi nilainya. Dalam masa yang sama, banjir besar tersebut telah menenggelamkan masjid-masjid sekali gus merosakkan al-Quran dalam jumlah yang besar. Selepas peristiwa tersebut berlaku, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dengan kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melakukan pelupusan bagi al-Quran yang telah rosak. Pelupusan al-Quran tersebut dilakukan di Pantai Tok Bali, Bachok Kelantan mengikut hukum syarak.<sup>34</sup>

Dalam isu pelupusan al-Quran ini, Responden 1 berpandangan bahawa al-Quran tidak semestinya dibuang ke laut. Al-Quran juga boleh ditanam atas dasar untuk menjaga kehormatannya. Jika ia dibakar dengan adanya penganjuran yang ia adalah teratur, maka adalah lebih baik. Responden 2 berpendapat bahawa al-Quran perlu dikumpulkan dan disimpan di tempat yang baik. Selepas dibakar, abunya perlu diletakkan di tempat yang tidak hina seperti tempat najis atau tempat lalu lalang. Manakala Responden 3 menyatakan bahawa membakar naskhah al-Quran yang telah

<sup>33</sup> Muṣṭafā Khīn@Muṣṭafā al-Bughā@, Alī al-Shirbajī, *al-Fiqh al-Manhājī ,ala Madhhab al-Imām al-Shāfi,,* 17.

<sup>34</sup> Habsah Ismail, "Jahaeik Lupus al-Quran di Perairan Tok Bali," *Sinar Harian Online*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/kelantan/jahaeik-lupus-al-quran-di-perairan-tok-bali-1.715044>, dicapai pada 16 Julai 2018.

rosak adalah diharuskan demi menjaga kemuliaan al-Quran, tetapi perlu dibuat dengan cara yang sesuai.

Berdasarkan pandangan ketiga-tiga tokoh dalam isu pembakaran al-Quran, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga tokoh menyatakan pembakaran al-Quran harus dilakukan demi menjaga kemuliaan al-Quran. Namun, responden 1 menyatakan abu al-Quran tidak semestinya dibuang ke laut, boleh juga ditanam atas dasar untuk menjaga dan menghormati al-Quran. Asalkan cara yang dilakukan sesuai demi menjaga kesucian al-Quran.

Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa sandaran aliran Salafi untuk membakar al-Quran adalah berdasarkan Mazhab Maliki dan Shāfi'ī yang dihuraikan oleh al-Zarkashī tentang tindakan Saidina „Uthman membakar mushaf lain yang berbeza daripada mushaf yang ditulis. Tindakan ini disaksikan oleh ramai sahabat.<sup>35</sup> Al-Zarqanī menyatakan bahawa Saidina „Uthman pernah memerintahkan supaya semua mashaf dibakar ketika dihipunkan al-Quran. Perbuatan Uthman itu membuktikan bahawa harus membakar kitab-kitab yang terdapat nama-nama Allah SWT padanya. Tujuan pembakaran adalah untuk memuliakan dan memelihara al-Quran daripada dipijak serta dicampak ke mana-mana tempat.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun, dalam keadaan lain, Ibn Taymiyyah berpandangan bahawa apabila mushaf dilihat berada pada keadaan yang tidak mampu dibaca lagi, maka hendaklah ditanam sebagaimana keadaan orang Islam yang mati.<sup>37</sup>

## **b) Isu Anjuran Pesta Memancing**

Di Kelantan, program pesta memancing merupakan salah satu aktiviti yang popular dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, Kelantan. Namun, dalam penganjuran suatu

---

<sup>35</sup> Al-Zarkashī, *al-Burhān fī „Ulūm al-Qur'ān*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah al-Turāth, 1984), 240.

<sup>36</sup> Al-Zarqanī, *Manāhil al-„Irfān fī „Ulūm al-Qur'ān*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kitāb „Arabī, 1995), 213-214.

<sup>37</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū„, al-Fatawā*, vol. 12, 599.

pesta atau pertandingan tersebut, terdapat isu yang dibangkit oleh sesetengah masyarakat. Isu yang dimaksudkan ialah tentang yuran penyertaan dan hadiah yang diterima oleh para pemenang, sama ada dikira sebagai wang pertaruhan atau judi, atau pun sebaliknya. Dalam isu penganjuran pesta memancing ini, Responden 1 berpandangan bahawa perlunya melihat kepada syarat yang ditetapkan oleh penganjur. Responden 2 juga menekankan kepada syarat pesta itu sama ada bercanggah dengan Syariah atau sebaliknya. Manakala Responden 3 berpandangan bahawa diharuskan bagi peserta memancing membayar yuran penyertaan dan menyertai pertandingan memancing.

Melihat kepada isu perjudian dalam aktiviti memancing ini, pengkaji mendapati hujah yang digunakan oleh aliran Salafi tentang pengharamannya berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

*“...Wahai orang-orang beriman! Sesungguhnya arak, judi (al-maysir), pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, (semuanya) adalah kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya...”*

(Surah al-Mā'idah: 90)

Selain itu, terdapat hadis yang melarang amalan berjudi dalam kalangan masyarakat Islam sepertimana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ” مَنْ حَلَفَ فَقَالَ فِي حَلْفِهِ: وَاللَّاتِ وَالْعُزَّى، فَلْيُفْل: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَمَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ: تَعَالَ أَقَامِرَكَ، فَلْيَتَصَدَّقْ

*“Dari Abu Hurayrah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa bersumpah dengan mengatakan „Demi Latta dan „Uzza, hendaklah dia berkata, „La ilaha illa Allah“. Dan barangsiapa berkata kepada kawannya, „Miri aku ajak kamu berjudi“, hendaklah dia*

*bersedekah!”*<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa responden secara jelas menyatakan bahawa aktiviti memancing tidak semestinya haram, kecuali jika jelas mempunyai unsur-unsur perjudian. Hal ini berlaku sekiranya mereka yang kalah dalam pertandingan memancing tersebut tidak akan menerima kembali wang penyertaan yang dibayar pada awal pertandingan. Amalan seperti ini tidak jauh bezanya dengan amalan perjudian.<sup>39</sup>

Kesimpulannya, ketiga-tiga responden berpendapat dalam isu pesta memancing perlu melihat kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh penganjur. Sekiranya syarat yang ditetapkan oleh penganjur tidak bercanggah dengan syarak, maka pesta tersebut boleh dilaksanakan.

### 3.5 Kesimpulan

Pokok ajaran dari ideologi dasar Salafi adalah Islam telah sempurna dan sudah selesai pada zaman Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabatnya. Oleh sebab itu, tidak diperlukan sebarang inovasi atau penambahan pada abad sekarang atau nanti, baik material atau oleh pengaruh budaya. Baik buruk sesuatu ajaran atau amalan itu bergantung kepada penilaian masing-masing individu, iaitu cara kita “melihat” sesuatu pandangan. Menerima pandangan mazhab lain tidak ada salahnya, asalkan sesuatu perkara itu tidak melanggar hukum syarak. Begitu juga aliran Salafi dalam hal hukum Islam.

Berdasarkan pandangan ketiga-tiga tokoh Salafi di Kota Bharu Kelantan tentang beberapa isu-isu fiqh yang dipilih, pengkaji dapat merumuskan bahawa permasalahan fiqh tersebut sememangnya menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat. Isu

<sup>38</sup> Imām al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ Bukharī*, vol. 6 (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002), 6650. Ibn Hajar, *Fathu al-Bari*, vol. 11 (Kaherah: Dār al-Rayan lil Thurath, 1986), 545, “Kitab Iman wa Nazr”.

<sup>39</sup> Muhammad, Alī al-Sāyis, *Tafsīr Āyat al-Aḥkām*, vol. 1, 131. Lihat juga Tiada Penulis, “Hukum Pertandingan Memancing dalam Islam,” <http://kurauking.blogspot.my/2016/08/hukum-pertandingan-memancing-dalam-islam.html>, dicapai pada 24 April 2016.

tersebut sebenarnya boleh diselesaikan sekiranya masyarakat bersikap terbuka dan menerima pandangan daripada mazhab-mazhab lain selagi ia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Dalam masa yang sama, masyarakat itu sendiri perlu meningkatkan lagi usaha mendalami ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang fiqh agar lebih bersifat terbuka dan berhujah bersandarkan nas yang kukuh, bukanlah emosi semata-mata.

Universiti Malaya

## BAB 4: ISU-ISU FIQH SEMASA DI KELANTAN

### 4.1 Pengenalan

Aliran Salafi yang telah berkembang ke Kelantan sedikit sebanyak telah menimbulkan pelbagai isu dalam pemahaman dan pegangan dalam perkara-perkara keagamaan sehinggakan ada yang cenderung untuk bertelingkah, berpecah, menentang, dan membina permusuhan yang berlarutan. Dalam bab 4 ini, pengkaji menghuraikan dengan lebih mendalam berkaitan isu-isu fiqh semasa yang berlaku di Kelantan. Isu-isu ini berlaku secara langsung dan tidak langsung dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu Kelantan. Isu-isu yang akan dihuraikan merangkumi aspek ibadah, aspek munakahat, dan lain-lain. Isu-isu ini sebenarnya dilihat telah lama berlaku dalam kalangan masyarakat, namun masih lagi berterusan sehingga ke hari ini, lantas mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian terperinci tentang kes-kes terpilih di Kota Bharu Kelantan.

### 4.2 Isu-Isu Fiqh Semasa di Kota Bharu, Kelantan

Perbezaan pandangan adalah perkara yang lazim berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa mahupun agama. Begitu juga dalam agama Islam dan dikatakan bahawa perbezaan-perbezaan pandangan seperti inilah yang menjadikan Islam sebagai agama yang fleksibel, dinamis, dan tidak jumud.<sup>1</sup> Hal ini demikian kerana perbezaan pandangan dalam Islam merangkumi semua aspek kehidupan termasuk akidah, syariah, falsafah, *tasawwuf*, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, perbezaan pandangan ini jarang berkait dengan masalah asas agama Islam tetapi hanya dalam masalah *furū*,<sup>2</sup> Namun, apa yang lebih menyedihkan ialah sikap kafir mengkafirkan sesama umat Islam hanya

---

<sup>1</sup> Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam beberapa masalah Pemikiran Islam," (Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002), 1. Lihat juga Taha Jabir al-Alwani, *The Ethics of Disagreement in Islam* (Virginia, USA: IIIT, 1994), 13.

<sup>2</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Fikr, 1989), 11.

kerana perbezaan pandangan.

Bidang akidah dan fiqh serta tafsiran al-Quran seringkali menjadi perkara yang sentiasa diperdebatkan oleh Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan. Malah, perdebatan antara dua golongan ini dikatakan sebagai perdebatan paling dominan antara orang Islam di Kelantan. Kebelakangan ini, pendakwah seringkali membicarakan tentang isu Salafi yang mungkin timbul akibat amalan masyarakat Kelantan secara besar-besaran. Selain pertikaian pelbagai pihak terhadap cara dan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh sebahagian pendakwah.<sup>3</sup> Ironinya, isu yang dibangkitkan bukanlah isu utama yang mendasar seperti persoalan akidah tetapi hanya isu berkaitan amalan masyarakat Islam kini sahaja yang boleh dikategorikan sebagai khilaf fiqhi dan manhaj dakwah.

Dalam persoalan ibadat juga terdapat banyak perkara yang seringkali diperbahaskan oleh dua golongan ini.<sup>4</sup> Antara isu-isu yang seringkali menjadi topik perbahasan termasuklah:

A. Isu-isu lama yang berkaitan dengan:<sup>5</sup>

1. Penentuan air *musta'mal* dan hukumnya
2. Cara dan kadar basuhan atau sapuan semasa berwuduk
3. Tindakan memukul beduk atau tabuh serta bacaan-bacaan tertentu selepas azan.
4. Lafaz niat dalam ibadah, sama ada diharuskan atau tidak
5. Hukum membaca bismillah secara nyaring dalam solat-solat nyaring
6. Hukum membaca qunut dalam solat Subuh
7. Lafaz sayyidina dalam tasyahhud

---

<sup>3</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, 119.

<sup>4</sup> Lihat perbahasan tentang huraian persoalan ibadat yang menjadi subjek ikhtilaf bagi kedua-dua aliran ini dalam, sebagai contoh, K.H. Sirajuddin Abbas, *40 Masalah Agama* (Kelantan: Pustaka Aman Press, 1978), vol. 1-5; A. Hasan, *Soal Jawab Tentang Berbagi Masalah Agama* (Bandung: Penerbit Diponegoro, 1977); Hashim Ghani, *Gelanggang Soal Jawab* (Kuala Pilah: KTF Institut, 1987); dan soal jawab pelbagai masalah fiqh dalam [www.al-ahkam.net](http://www.al-ahkam.net)

<sup>5</sup> Saadan Man & Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus," 78.

8. Bacaan wirid secara beramai-ramai dengan suara nyaring selepas solat jamaah
9. Laungan azan sebanyak dua kali sebelum solat Jumaat
10. Hukum solat sunat qabliyyah pada hari Jumaat selepas azan pertama
11. Bacaan-bacaan oleh bilal yang mengiringi khutbah
12. Masalah Khatib memegang tongkat ketika berkhotbah
13. Bilangan 40 orang jamaah bagi solat Jumaat
14. Bilangan rakaat solat tarawih dan zikir-zikir yang mengiringinya
15. Bacaan talkin selepas pengkebumian jenazah
16. Adat menunggu kubur dan mengupah bacaan al-Quran di atasnya
17. Majlis Tahlil
18. Menghadihkan pahala bacaan Quran dan tahlil kepada si mati
19. Mengadakan kenduri arwah
20. Melakukan ibadat-ibadat bagi pihak si mati dan cara membayar fidyah sebagai ganti sembahyang yang ditinggalkan oleh si mati.

B. Isu-isu baru pula merangkumi persoalan berkaitan:

1. Niat iktikaf dalam khemah
2. Bai'ah dan taqlid
3. Bacaan surah al-Fatihah dalam wirid selepas solat
4. Solat jamak dan qasar balik kampung di rumah ibu bapa
5. Isu imsak puasa
6. Isu anjuran pesta memancing
7. Isu akad nikah menerusi sidang Video
8. Isu pelupusan al-Quran

Dari satu sudut, sebahagian daripada masyarakat Islam dilihat seperti sangat

tertutup dalam sesuatu amalan ibadat disebabkan merasakan tergugat dan bimbang kesahihan amalan mereka sejak zaman berzaman.<sup>6</sup>

#### **4.2.1 Isu dalam Ibadah**

##### **a) Amalan Solat Jamak dan Qasar Semasa Balik Kampung di Rumah Ibu Bapa**

Isu amalan solat jamak dan qasar semasa balik kampung di rumah ibu bapa ini, berlaku dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu terutamanya di musim cuti perayaan kerana begitu ramai warga di Kota Bharu yang bekerja di ibu kota yang pulang berhari raya di kampung halaman, sama ada di rumah ibu bapa atau di rumah mertua. Isu yang timbul adalah tentang keharusan solat jamak dan qasar apabila pulang bercuti di kampung halaman, sama ada di rumah ibu bapa atau di rumah mertua. Di sana timbul polemik dan perbincangan antara aliran Salafi dan tradisional yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu khususnya dalam kalangan anak-anak muda yang tidak mendalami pengetahuan tentang agama.

Golongan aliran Salafi berpandangan bahawa bagi mereka yang bermusafir dibolehkan melakukan solat jamak dan qasar selama mana ianya berniat musafir.<sup>7</sup> Manakala golongan tradisional berpendapat apabila seseorang berniat untuk menetap melebihi empat hari, maka hendaklah ia solat secara tamam dan tidak dibenarkan untuk solat jamak dan qasar.<sup>8</sup>

Senario pertama berlaku adalah apabila kampung halaman seseorang itu berada di Kota Bharu, dan dia telah bermusafir sekian lama di Kuala Lumpur, serta tidak berniat untuk menetap di sana. Maka apabila dia pulang bercuti ke Kota Bharu, timbulnya persoalan sama ada diharuskan baginya untuk mendirikan solat jamak dan qasar di kampung halamannya atau tidak.

---

<sup>6</sup> Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, "Keterbukaan Bermazhab dalam Realiti di Malaysia: Keperluan atau Kecelaruhan?" 297.

<sup>7</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 339.

<sup>8</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 341.

Senario kedua boleh dilihat apabila kampung halaman seseorang itu adalah di Kota Bharu, dan dia telah bermusafir sekian lama ke Kuala Lumpur dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai tempat tinggalnya, seterusnya bermaustatin dan sememangnya berniat untuk menetap di sana. Maka apabila dia pulang bercuti ke Kota Bharu, adakah diharuskan baginya untuk mendirikan solat jamak dan qasar di rumah ibu bapa atau mertuanya.

#### **b) Bacaan Surah al-Fatihah dalam Wirid Selepas Solat**

Amalan bacaan wirid selepas solat fardhu lima waktu sudah menjadi amalan tradisi bagi masyarakat di Kota Bharu dan amnya di Kelantan. Pada kebiasaannya, selepas selesai memberi salam solat fardhu lima waktu, kebanyakan para jemaah tidak akan bergerak sehinggalah bacaan wirid selesai dibaca dan diakhiri dengan doa.<sup>9</sup>

Polemik dan perbahasan yang timbul apabila sesetengah imam yang mengimami solat fardhu lima waktu setelah selesai memberi salam dan berwirid, di mana dalam wiridnya tidak dibacakan surah al-Fatihah. Ini menimbulkan perbahasan dalam kalangan ahli jemaah di masjid-masjid di Kota Bharu, apakah bacaan surah al-Fatihah di dalam wirid yang dibacakan selepas solat fardhu lima waktu itu merupakan amalan dan sunnah Nabi atau sesuatu yang diada-adakan?

Golongan aliran Salafi berpendapat ianya bukanlah amalan dan sunnah Nabi SAW kerana bacaan surah al-Fatihah di dalam wirid selepas solat fardhu lima waktu tidak ada nas yang menjelaskannya.<sup>10</sup> Berkenaan dengan hal ini, pengkaji juga bersependapat bahawa tiada satu pun hadis sahih mahupun ayat al-Quran yang

---

<sup>9</sup> Pengkaji mendapati isu bacaan Surah al-Fatihah selepas menunaikan solat begitu popular berdasarkan beberapa sumber seperti pemerhatian pengkaji melalui ceramah-ceramah di masjid Kota Bharu, serta temu bual pengkaji bersama responden kajian. Lihat Abd Muein, "Nabi SAW tak Ajar Selepas Solat Baca Surah al-Fatihah," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=8ovvQqubaoU&feature=youtu.be>, dicapai pada 8 Oktober 2018; Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017; Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017; Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

<sup>10</sup> Temu bual bersama ketiga-tiga responden.

menyuruh melakukan amalan ini. Namun, kerana surah ini juga sebahagian daripada al-Quran, maka tidak salah untuk mengamalkannya. Malah, adalah lebih baik kerana kita melazimi zikir-zikir dan doa-doa yang diamalkan oleh Nabi SAW.

Dalam menangani hal zikir, boleh dirujuk kepada kitab *al-Azkar* yang ditulis oleh Imam al-Nawawi kerana antara zikir yang terkandung di dalamnya ialah zikir al-Mathurat pagi dan petang daripada Imam Hassan al-Banna. Malah dalam susunan zikir ini, terdapat surah al-Fatihah di permulaan bacaannya dan mazhab yang empat juga bersependapat bahawa berzikir selepas solat ialah sunat hukumnya.<sup>11</sup> Dari segi cara melakukannya atau kaifiatnya, mazhab Shāfi'ī, Maliki, dan Ḥanbalī bersepakat sunat berzikir sejeurus selepas selesai solat dan baru diikuti oleh solat-solat sunat yang lain (*ba'diyah* dan sebagainya).<sup>12</sup>

Sebaliknya, mazhab Ḥanafī berpendapat solat *ba'diyah* lebih utama dilakukan selepas solat fardhu dan zikir dilakukan selepas solat sunat kecuali bagi solat Asar dan Subuh yang tidak disunatkan solat *ba'diyah*.<sup>13</sup>

### c) Niat Iktikaf dalam Khemah

Program Madinah Ramadan adalah merupakan program tahunan yang diadakan sepanjang bulan Ramadan setiap tahun di bawah anjuran Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) bermula sejak tahun 1993 yang dikenali pada masa itu dengan panggilan Kariah Ramadan bertempat di Stesen Bas di Kota Bharu. Pada tahun 2005 sehingga kini, ianya diadakan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu. Antara aktiviti utama yang diadakan adalah:<sup>14</sup>

#### 1) Solat fardhu lima waktu secara berjemaah

<sup>11</sup> Jainal Sakiban Al-Jauhari, *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardhu* (Johor: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2008), 8.

<sup>12</sup> Jainal Sakiban Al-Jauhari, *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardhu*, 8.

<sup>13</sup> Al-Bahuti, *Kasyaf al-Iqna*, vol. 1 (Bayrut: ,Alam al-Kutub, 1983), 364; Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari (2008). *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardhu*. Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 8.

<sup>14</sup> Rafaci Hassan (Pengarah Pembangunan Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan) dalam temu bual beliau bersama pengkaji menerusi telefon pada 31 Julai 2017.

- 2) Solat Terawih secara berjemaah
- 3) Qiamullail dan solat tahajjud
- 4) Tazkirah dan bicara ilmu
- 5) Majlis berbuka puasa dan bersahur
- 6) Peyampaian sumbangan kepada fakir miskin
- 7) Majlis khatam al-Quran, munajat dan bacaan surah yasin
- 8) Sepetang di ambang Ramadan
- 9) Mubarak cafe dan bazar al-Rahman

Di sana didirikan sebuah khemah yang besar untuk solat fardhu lima waktu dan untuk program-program yang telah dirancang. Isu yang dipolemikan dan dipertikaikan dalam kalangan para peserta dan pengunjung sepanjang program tersebut adalah tentang niat iktikaf dalam khemah apakah dibolehkan untuk niat iktikaf atau tidak? Hasilnya lahirlah polemik antara golongan aliran Salafi dan tradisional dalam isu ini di Kota Bharu. Golongan aliran salafi berpendapat ianya dibolehkan sekiranya diniatkan sebagai masjid dan golongan tradisional berpendapat niat iktikaf hendaklah di dalam masjid yang didirikan solat Jumaat padanya.

Menurut Sayyid Sabiq, para ulama bersepakat bahawa disyariatkan melakukan iktikaf di dalam Islam.<sup>15</sup> Hal ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ

“... Sedang kamu beriktikaf dalam masjid...”

(Surah al-Baqarah, 2; 187)

Dalam hal ini, para ulama mempunyai pandangan masing-masing tentang kesahan amalan beriktikaf di dalam masjid, sama ada terpakai untuk semua jenis masjid atau masjid yang digunakan untuk solat Jumaat sahaja. Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad, dan Abu Thawr menghuraikan bahawa amalan beriktikaf adalah sah dilakukan di mana-

<sup>15</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 315.

mana masjid yang didirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah.<sup>16</sup>

Namun, al-Imam al-Shāfi,ī mensyaratkan agar iktikaf hanya dilakukan di masjid *jāmi*, (masjid yang didirikan solat fardu Jumaat)<sup>17</sup> kerana Rasulullah SAW beriktikaf di dalam masjid *jāmi*, yang kerap didirikan sembahyang di dalamnya berbanding dengan masjid-masjid selainnya.

Berdasarkan amalan di Kota Bharu Kelantan pada bulan Ramadan, kebanyakan masyarakat Islam melakukan iktikaf di dalam khemah Madinah Ramadan. Dalam isu tersebut, Rafaei Hassan menjelaskan bahawa Almarhum Tuan Guru Dato“ Nik Abdul Aziz Nik Mat (mantan Menteri Besar Kelantan) pernah berkata dalam ucapannya di majlis perasmian Madinah Ramadan 2007 bahawa iktikaf boleh dilakukan di dalam khemah yang dilakukan solat fardhu lima waktu dan menjadi masjid sementara pada bulan Ramadan.<sup>18</sup>

#### **d) Imsak Puasa**

Imsak dapat ditakrifkan sebagai waktu yang menandakan mulanya puasa atau syuruq (waktu matahari terbit). Dari segi istilah, imsak merupakan waktu bermulanya seseorang itu menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dapat membatalkan puasanya.

Bagi masyarakat di Kota Bharu, waktu imsak berpuasa sudah menjadi amalan tradisi mereka sejak berzaman lagi dengan berpegang pendapat dari kaum tua, iaitu adanya waktu imsak sebelum azan fajar. Tetapi setelah kemunculan aliran salafi di Kota Bharu, isu ini menjadi polemik dalam kalangan masyarakat setempat dan menjadi perbincangan apakah amalan imsak puasa ini wujud dan merupakan amalan sunah Nabi atau tidak, sebagaimana waktunya yang tersebar di dalam takwim yang diedarkan sekitar Kota Bharu dan Negeri Kelantan seluruhnya.

---

<sup>16</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 317.

<sup>17</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 1, 636.

<sup>18</sup> Rafaei Hassan (Pengarah Pembangunan Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan) dalam temu bual beliau bersama pengkaji menerusi telefon pada 31 Julai 2017.

Golongan aliran salafi berpendapat bahawa tidak ada waktu imsak sebelum masuk waktu fajar sidiq. Apa yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat itu adalah sebagai tambahan terhadap apa yang telah difardukan oleh Allah SWT, sedangkan ianya termasuk dalam perbuatan bid'ah dalam agama yang dilarang oleh Nabi SAW.<sup>19</sup>

Sebahagian ulama Kaum Tua berpendapat bahawa waktu imsak adalah harus. Walaupun secara jelas tiada garis panduan berkenaan imsak pada zaman Nabi SAW dan para sahabat,<sup>20</sup> ia sangat membantu umat Islam pada masa ini. Antara faedahnya ialah ia dapat membantu seseorang Muslim untuk:

1. Mengetahui waktu solat, waktu imsak dan syuruq
2. Menentukan masa yang sesuai bagi menyediakan juadah untuk bersahur dan berbuka
3. Mengelakkan ralat dalam penetapan waktu berpuasa dan solat

#### **4.2.2 Isu dalam Bab Munakahat**

##### **a) Isu Akad Nikah Menerusi Sidang Video**

Pernikahan dalam Islam mempunyai beberapa syarat dan rukun yang mesti dipatuhi. Syarat dan rukun ini yang akan menentukan sah atau tidak satu-satu pernikahan tersebut. Pernikahan melalui sidang video adalah perkara baharu di mana ianya tidak wujud sebelum ini. Isu ini berlaku di Kota Bharu yang menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat setempat tentang hukumnya sama ada ianya dibolehkan atau pun tidak.

Bagi mereka yang berpegang dengan aliran salafi berpendapat akad nikah yang dilaksanakan melalui sidang video adalah sah jika cukup syaratnya.<sup>21</sup> Jumhur ulama

---

<sup>19</sup> Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qur'an Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

<sup>20</sup> Muhammad Hassan al-Haytu, *Fiqh al-Siyām* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1988), 112.

<sup>21</sup> Temu bual dengan responden.

sepakat bahawa syarat sah nikah ialah adanya saksi dalam pernikahan.<sup>22</sup> Terdapat juga hadis yang menyokong pendapat ini seperti hadis daripada Aisyah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيِّ وَشَاهِدَيْنِ عَدْلٍ

“..Tidak sah nikah kecuali dengan adanya wali dan dua saksi orang yang adil...”<sup>23</sup>

Menurut mazhab Ḥanafī, hukum bagi akad nikah dengan hanya menggunakan sidang video adalah sah. Hal ini demikian kerana golongan ini berpendapat tiada keharusan untuk kedua-dua pengantin untuk berada pada satu tempat secara bersemuka. Namun, ia tetap sah kerana semua rukunnya lengkap dan kedua-dua pengantin masih berada pada tempat yang sama dan pada masa yang sama walaupun secara maya.

Walau bagaimanapun, hanya mazhab Ḥanafī yang membolehkan isu ini, manakala mazhab-mazhab lain menetapkan bahawa akad nikah hanya sah jika kedua-dua pengantin berada di bawah satu tempat pada masa yang sama. Penggunaan teknologi tetap tidak dapat menyebabkan akad nikah itu sah tanpa kehadiran kedua-dua pengantin.<sup>24</sup> Selain sidang video, akad nikah juga tidak sah sekiranya menggunakan kaedah tulisan (surat dan sebagainya).

Satu daripada riwayat yang membolehkan sidang video ialah:

عن عقبه بن عامر أن رسول الله صلى الله عليه و سلم قال لرجل ان أزوجك فلانة قال نعم و قال للمرأة أترضين ان أزوجك فلانا قالت نعم فزوج احدهما صاحبه فدخل بها

“Dari Uqbah bin Amir, bahwa Nabi SAW pernah berkata kepada seorang laki-laki, “Sukakah engkau aku kahwinkan dengan si Fulanah? Ia menjawab, “Ya!, dan Nabi bertanya kepada si wanitanya, “Sukakah engkau aku kahwinkan dengan si Fulan?” wanita itu menjawab, “ya”, lalu dikahwinkan antara mereka, terus mereka jadi suami isteri,”<sup>25</sup>

<sup>22</sup> Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001).

<sup>23</sup> Ali b. Umar al-Daruqutni, *Sunan ad-Daruquthni*, vol. 3 (Bayrut: Dar al-Maʿrifah, 1991), 225.

<sup>24</sup> Ammi Nur Baits, “Hukum Nikah Melalui HP dan Internet,” *Konsultasisyariah.com*, <https://konsultasi-syariah.com/26434-hukum-nikah-melalui-hp-dan-internet.html>, dicapai pada 24 April 2016.

<sup>25</sup> Al-Imam al-Hakim, *al-mustadrak ala al-Sahihain*, Vol. 2 ( Kaherah. Dar al-Harmain.1997)216 “Kitab al-Nikah”

## **b) Isu *Bay'ah* dan *Ta'liq***

### *Sumpah*

Konflik sumpah *bay,,ah* untuk menceraikan isteri dengan talak tiga yang diamalkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di negeri Kelantan sangat menggemparkan masyarakat Islam. *Bay,,ah* ini dikatakan telah dilaksanakan bagi membendung wakil-wakil rakyat PAS untuk keluar daripada parti ataupun melompat ke parti lain. Dengan kata lain, *bay,,ah* yang digantungkan dengan *ta,,liq* cerai isteri dengan tiga talak menjadi ancaman kepada wakil-wakil rakyat PAS di Kelantan untuk tidak mengkhianati parti. *Bay,,ah* tersebut dilaksanakan dengan tujuan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menguatkan ikatan antara ahli PAS.<sup>26</sup> Bagaimanapun, krisis dalaman parti yang terserlah semasa Muktamar Tahunan PAS Pusat pada tahun 2015 yang lalu telah menyebabkan pertembungan membabitkan bekas pimpinan dengan pimpinan PAS.<sup>27</sup>

Kemelut ini semakin hangat dengan pendedahan yang dibuat oleh Timbalan Mursyidil Am PAS Ustaz Dato<sup>28</sup> Ahmad Yaakob yang juga merupakan Menteri Besar Kelantan, iaitu, bahawa calon-calon pilihan raya PAS yang bertanding di negeri Kelantan adalah terikat dengan *bay,,ah ta,,liq* menceraikan isteri secara tiga talak. *Bay,,ah* yang diikat tersebut merupakan suatu perjanjian untuk setia bersama perjuangan dan tidak sesekali meninggalkan parti sekiranya menang dalam pilihanraya yang ditandingi. Hal ini bermaksud wakil-wakil rakyat PAS di Kelantan yang bertindak menyeberangi parti Amanah telah melanggar *bay,,ah ta,,liq* talak tiga tersebut.<sup>28</sup>

Bersumpah dengan menggunakan nama Allah SWT sangat dilarang dalam Islam. Walaupun hukumnya hanyalah makruh, ia akan lebih menyulitkan untuk

---

<sup>26</sup> Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz, "Sumpah bai'ah kuatkan ahli Pas," *Sinar Harian*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/ultras/liga-malaysia/sumpah-bai-ah-kuatkan-ahli-pas-kata-nik-abduh-1.428079>, dicapai pada 11 September 2018.

<sup>27</sup> Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli Majlis Syura Ulama<sup>28</sup>; Parti Islam SeMalaysia; Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 9 September 2018.

<sup>28</sup> Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli Majlis Syura Ulama<sup>28</sup>; Parti Islam SeMalaysia; Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 9 September 2018.

dilaksanakan.<sup>29</sup> Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 224:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِأَيْمَانِكُمْ أَنْ تَبَرُّوا وَتَتَّقُوا وَتُصْلِحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾

*“...Dan janganlah kamu jadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk berbuat kebajikan, bertaqwa dan mengadakan islah antara manusia. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui...”*

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT melarang seseorang bersumpah untuk tidak melakukan kebaikan. Namun, bagi sumpah yang sudah pun dilafazkan, maka wajibliah ditunaikan. Jika tidak, pihak-pihak yang bersumpah tersebut perlu membayar kifarah.<sup>30</sup> Dalam hal talak yang dita<sub>1</sub>,liq dengan syarat yang tidak mustahil untuk terjadi, *al-Shirazi* (mazhab Shāfi<sub>1</sub>,ī) menyatakan, talak akan jatuh sekiranya perbuatan tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, talak tidak akan terjadi sekiranya tiada syarat yang dikenakan.<sup>31</sup>

#### *Ta<sub>1</sub>,liq Talak*

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, talaq *ta<sub>1</sub>,liq* berlaku dalam situasi apabila seorang suami berkata kepada isterinya “jika kamu keluar dari rumahku, maka kamu tertalak”, atau “talak menjadi kewajipanku, maka jangan kamu keluar dari rumahku”.<sup>32</sup> Namun mufti berpandangan bahawa talak tersebut tidak akan terjatuh kepada si isteri.<sup>33</sup> Hal ini demikian kerana, talak yang dita<sub>1</sub>,liqkan adalah sia-sia (lagha). Hal ini diperakui oleh sebahagian ulama mazhab Shāfi<sub>1</sub>,ī seperti Abu <sub>1</sub>,Abd al-Raḥmān al-Shāfi<sub>1</sub>,ī, dan sebilangan ulama dari kalangan Ahli Zahir.

<sup>29</sup> Muṣṭafā Khīn@Muṣṭafā al-Bughā@, Alī al-Shirbajī, *al-Fiqh al-Manḥājī, ala Madhhab al-Imām al-Shāfi<sub>1</sub>,ī*, (Dimashq: Dār al-Qalam li Tabā<sub>1</sub>,ah wa al-Nashr wa al-Tawzi<sub>1</sub>, 1992), 11.

<sup>30</sup> *Ibid*, 17.

<sup>31</sup> Al-Shīrazī, *al-Muḥadhdhab fi al-Fiqh al-Shāfi<sub>1</sub>,ī*, vol. 3 (Bayrut, Lubnan: Dār al-Kutub <sub>1</sub>,Ilmiyyah, 1995), 5.

<sup>32</sup> Muhammad bin Abi Bakar bin Ayyub bin Sa<sub>1</sub>’ad Shams al-Din Ibn Qayyim al-Jawziyyah (meninggal 751 H). Lihat Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I, lām al-Muwaqī, īn*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-<sub>1</sub>,Ilmiyyah, 1991), 64.

<sup>33</sup> Muhafandi Muhammad, “Mufti Kelantan: Wanita dan isteri adalah Amanah Allah,” *Astro Awani*, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dan-isteri-adalah-amanah-allah-mufti-kelantan-72535>, dicapai pada 18 Julai 2018.

Ibn Qayyim juga menyatakan bahawa *ta,,liq* dengan syarat tidak menyebabkan jatuhnya talak, malah *ta,,liq* talak adalah tidak sah sepertimana tidak sah *ta,,liq* nikah. Pandangan ini mengikut pilihan Abī „Abd al-Raḥmān Ahmad bin Yahya bin „Abd al-„Aziz dari mazhab al-Shāfi,ī.<sup>34</sup>

Walaupun orang Islam wajib menunaikan syarat yang telah mereka tetapkan, syarat itu tidak bersifat mutlak. Hal ini demikian kerana, yang haram tetap haram dan yang halal juga pasti. Malah ada hadis yang menyatakan perlunya memastikan syarat itu sesuai dengan syarak.

Kesimpulannya, sumpah boleh dibatalkan sekiranya terdapat perkara yang lebih baik, tetapi perlu membayar kifarah sumpah. Dalam hal *ta,,liq* talak, ulama fiqh masih berkhilaf. Ada yang berpendapat bahawa talak tidak akan jatuh jika dinyatakan dalam bentuk *ta,,liq*. Antara yang berpendapat sedemikian ialah Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim dan Ibn Abī „Abd al-Raḥmān dari mazhab Shāfi,ī dan Ibn Hazm. Ibn Taymiyyah melihat *ta,,liq* dalam talak ini kepada dua bentuk, iaitu untuk diniatkan talak dan untuk sekadar mengukuhkan perkataan atas jalan sumpah. Jadi, keputusan jatuh atau tidak talak secara *ta,,liq* itu, perlu dilihat pada niat si suami yang melafazkan *ta,,liq*. Jika diniatkan talak, maka akan jatuh talak tersebut. Jika sebaliknya, maka ia tidak jatuh talak tersebut.<sup>35</sup>

#### 4.2.3 Lain-lain

##### a) Isu Pelupusan al-Quran

Pada tahun 2014, Negeri Kelantan telah dilanda banjir besar yang dikenali sebagai Bah Kuning yang menenggelami banyak penempatan di persisiran sungai Kelantan. Banjir tersebut telah menyebabkan banyak kerosakan yang berlaku termasuklah kitab suci al-

<sup>34</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I,lām al-Muwaqī,īn*, vol. 4, 78.

<sup>35</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū,, al-Fatawā*, vol. 33 (t.t.p.: Mujtamā,, al-Mal Fahd, 2004), 45.

Quran. Isu kerosakan al-Quran telah menjadi perbahasan sengit dalam kalangan masyarakat Kota Bharu tentang kaedah melupuskannya. Umum mengetahui bahawa al-Quran adalah wahyu daripada Allah SWT sebagai panduan dan pedoman bagi manusia. Oleh itu, semestinya ayat-ayat suci al-Quran dijaga dan dipelihara dengan baik.

Dalam menangani isu tersebut, terdapat dua perbahasan di antara fahaman kaum tua dan fahaman aliran Salafi. Terdapat pandangan yang mengharuskan al-Quran ditanam, dan ada juga pandangan yang mengharuskan ia dibakar.

#### **i) Mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī berpendapat al-Quran perlu ditanam dalam tanah<sup>36</sup>**

Ibn Taymiyyah berpandangan bahawa mushaf apabila berada pada keadaan yang mana kita tidak mampu membacanya lagi hendaklah ditanam sebagaimana keadaan orang Islam yang mati.<sup>37</sup> Sahib al-Hasyiah menyatakan bahawa perlu diletakkan perca kain yang bersih yang diletakkan di dalamnya (al-Quran yang rosak), kemudian ditanam di tempat yang tidak dihina atau dipijak.

Al-Buhuti berpandangan bahawa jika mushaf telah lupus atau basah, maka perlulah ditanam mengikut aturan nas. Imam Ahmad pernah mendapati bahawa mushaf Abu al-Jawza" telah basah dan beliau terus menggali lubang di masjidnya dan menanamnya.<sup>38</sup>

Syeikh Muhammad bin Ibrahim Al al-Syeikh (mantan Mufti Besar Arab Saudi) berpandangan bahawa kaedah yang paling tepat ialah apabila luput sebahagian kertas mushaf, maka perlu ditanam di masjid. Jika tidak mampu, maka perlu ditanam di tempat yang suci lagi bersih dan harus juga membakarnya.<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> Maulana Asri, "Cara untuk melupuskan al-Quran yang lama," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=eHgn1sp7Jzw>, dicapai pada 27 April 2016.

<sup>37</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmūʿ, al-Fatawā*, vol. 12, 599.

<sup>38</sup> al-Buhūtī, *Kashf al-Qināʾ*, vol. 1 (Bayrūt: ʿĀlam al-Kutub, 1979), 137.

<sup>39</sup> Shaykh Muḥammad Ibrahim, *Fatawā al-Rasāʾil*, vol. 13 (Makkah al-Mukarramah: al-Ḥukūmah, 1979), 84.

## ii) Membakar al-Quran menurut Mazhab Maliki dan Shāfi‘i<sup>40</sup>

Pendapat ini dibuat berdasarkan tindakan Saidina „Uthman membakar mushaf lain yang berbeza daripada mushaf yang ditulis. Tindakan ini disaksikan oleh ramai sahabat.<sup>41</sup> Al-Zarqanī menyatakan bahawa Saidina „Uthman pernah memerintahkan supaya semua mashaf dibakar ketika dihimpunkan al-Quran. Perbuatan Uthman itu membuktikan bahawa harus membakar kitab-kitab yang terdapat nama-nama Allah SWT padanya. Tujuan pembakaran adalah untuk memuliakan dan memelihara al-Quran daripada dipijak serta dicampak ke mana-mana tempat.<sup>42</sup>

Menurut Imam al-Nawawi, telah disepakati dalam kalangan umat Islam bahawa wajib menjaga al-Quran dan memuliakannya.<sup>43</sup> Begitu juga tidak harus mengoyaknya kerana memisahkan huruf-huruf dan kalam tersebut. Justeru, kalau dibakarnya dengan api, maka tidak mengapa. Ini kerana perbuatan Saidina „Uthman yang membakar semua mushaf dan tiada seorangpun yang mengingkarinya.<sup>44</sup>

Daripada penelitian terhadap kedua-dua pandangan itu, pengkaji berpendapat bahawa kedua-dua kaedah adalah diharuskan kerana matlamatnya tetap untuk memuliakan al-Quran atau mushaf. Namun, pengkaji lebih cenderung untuk bersetuju dengan pendapat kedua iaitu membakar al-Quran kerana perbuatan sahabat seperti Saidina Uthman adalah satu ijtihad yang tidak pula diingkari oleh sahabat-sahabat lain. Oleh itu, ia menjadi sandaran yang kuat untuk membenarkan pembakarannya. Keadaan al-Quran itu sendiri yang telah pun rosak secara penuh disebabkan banjir besar yang berlaku menjadi sebab kukuh pembakarannya. Hal ini selaras dengan kaedah fiqh *al-akhāf al-dararayn* yang bermaksud melakukan perkara yang paling ringan daripada dua

<sup>40</sup> Harian Metro, “Majlis melupuskan Al-Quran yang rosak akibat banjir,” *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=eDR4pt-YSqo>, dicapai pada 27 April 2016.

<sup>41</sup> Al-Zarkashī, *al-Burhān fī „Ulūm al-Qur‘ān*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah al-Turāth, 1984), 240.

<sup>42</sup> Al-Zarqanī, *Manāhil al-„Irfānī fī „Ulūm al-Qur‘ān*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kitāb „Arabī, 1995), 213-214.

<sup>43</sup> Al-Nawawī, *Tibyan fī Ādab Hamal al-Qur‘ān* (Bayrūt: Dār Ibn Hazm, 1996), 190.

<sup>44</sup> Al-Zarqanī, *Manāhil al-„Irfānī fī „Ulūm al-Qur‘ān*, vol. 1, 213-214.

perkara yang merosakkan.<sup>45</sup>

Berbeza dengan teknologi pada hari ini yang memiliki peralatan canggih dapat menghancurkan helaian al-Quran sehinggalah menjadi serpihan kecil dan kalimahnyanya tidak lagi terzahir. Maka, sudah tentu lebih selamat dalam memuliakan al-Quran daripada dihina atau dipijak. Kitab-kitab hadis atau kitab-kitab agama yang mengandungi nama Allah juga patut dilupuskan mushafnya dengan cara yang sama.

### **b) Isu Anjuran Pesta Memancing**

Fenomena pertandingan memancing di Kota Bharu Kelantan sudah lama wujud ianya begitu popular dalam kalangan masyarakat. Kerap kali iklan pertandingan memancing yang disebarkan menawarkan pelbagai hadiah yang lumayan untuk para pemenang. Walau bagaimanapun, timbul perdebatan mengenai isu halal atau haram sesuatu pertandingan memancing tersebut. Terdapat beberapa ahli ulama` sama ada dari aliran tradisional dan aliran Salafi terpanggil untuk memberi pandangan dan komen mengenai perkara ini.

Lazimnya, pertandingan memancing mensyaratkan para pesertanya untuk membayar wang penyertaan. Sekiranya mereka kalah, maka wang tersebut akan hangus (tidak dikembalikan). Amalan seperti ini tidak jauh bezanya dengan amalan perjudian.<sup>46</sup>

Dalilnya ada pada hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ”مَنْ حَلَفَ فَقَالَ فِي حَلْفِهِ: وَاللَّاتِ وَالْعُزَّى، فَلْيُثْلُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَمَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ: تَعَالَ أَقَامِرُكَ، فَلْيَتَصَدَّقْ

*“Dari Abu Hurayrah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa bersumpah dengan mengatakan „Demi Latta dan „Uzza, hendaklah dia berkata, „La ilaha illa Allah“. Dan barangsiapa berkata kepada kawannya, „Mari aku ajak kamu berjudi“, hendaklah dia*

<sup>45</sup> Al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa Naẓā'ir* (Bayrūt: Dār al-Kitāb, Ilmiyyah, 1983).

<sup>46</sup> Muḥammad, Alī al-Sāyis, *Tafsīr Āyat al-Aḥkām*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 131. Lihat juga Tiada Penulis, “Hukum Pertandingan Memancing dalam Islam,” <http://kurauking.blogspot.my/2016/08/hukum-pertandingan-memancing-dalam-islam.html>, dicapai pada 24 April 2016.

*bersedekah!”*<sup>47</sup>

Perjudian atau *al-maysir* telah Allah haramkan sebagaimana firmanNya dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

*“...Wahai orang-orang beriman! Sesungguhnya arak, judi (al-maysir), pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, (semuanya) adalah kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya...”*

(Surah al-Mā'idah: 90)

*Al-Maysir* di sini telah disepakati ulama sebagai merangkumi semua jenis pertaruhan (*al-qimar*) yang menetapkan kedua-dua pihak yang bertaruh untuk mengeluarkan taruhan (wang atau barang) tetapi taruhan tersebut akan hangus bagi pihak yang kalah.<sup>48</sup> Unsur-unsur sebegini (pihak kalah tidak mendapat kembali taruhannya) dianggap sebagai suatu penindasan dalam Islam. Oleh sebab itu, perjudian ditegah sama sekali. Sama seperti yang berlaku dalam pertandingan memancing, wang atau hadiah yang dipertaruhkan mungkin menjadi haram. Walau bagaimanapun, ada hadiah yang tidak dikira sebagai perjudian, tetapi hibah dan ini dihalalkan oleh syarak. Oleh sebab itu, syarat-syarat berikut perlu diikuti agar pertandingan tersebut tidak menjadi judi atau pertaruhan sebagaimana berikut:

- i. Hadiah yang berupa wang atau barang datang daripada pihak luar sama ada pihak penganjur atau daripada mana-mana badan yang mahu menaja pertandingan (kerajaan atau swasta)
- ii. Hadiah yang berupa wang atau barang tersebut ditawarkan oleh satu pihak yang bertanding sahaja. Sebagai contoh, seseorang berkata kepada

<sup>47</sup> Imām al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ Bukharī*, vol. 6 (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002), 6650. Ibn Hajar, *Fathu ai-Bari*, vol. 11 (Kaherah: Dār al-Rayan lil Thurath, 1986), 545, “Kitab Iman wa Nazr”.

<sup>48</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 3 (Qāhirah: Maktabah al-Ṣafa, 2002), 107.

kawannya: “Ayuh berlumba denganku. Jika kamu menang, aku akan berikan hadiah kepadamu RM50. Tetapi jika kamu kalah, kamu tidak perlu memberikan apa-apa hadiah kepadaku.”

#### **4.3 Analisis Pandangan Tokoh Salafi di Kota Bharu, Kelantan**

Berdasarkan kepada proses temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama tiga orang tokoh Salafi di Kelantan, beberapa dapatan diperolehi tentang isu-isu fiqh yang dipolemikkan. Pengkaji mengkhususkan kepada beberapa aspek seperti berikut (a) menyokong amalan yang mempunyai sandaran nas (b) mengambil pendekatan yang lebih terbuka (c) perbezaan pendekatan antara responden, dan (d) analisis mengikut pembahagian hukum.

##### **4.3.1 Menyokong Amalan Yang Mempunyai Sandaran Nas**

Pengkaji mendapati bahawa responden lebih mengutamakan sandaran nas al-Quran atau al-Sunnah dalam pelbagai isu yang dibangkitkan. Contohnya dalam isu niat iktikaf di dalam khemah, mereka cenderung untuk tidak membenarkan amalan tersebut disebabkan tiada sebarang nas yang menyokongnya. Ini kerana perbuatan iktikaf hanyalah dinyatakan di dalam masjid sahaja, bukan di tempat awam seperti khemah, rumah, dan lain-lain tempat. Begitu juga dalam isu berzikir selepas solat dengan bacaan al-Fatihah. Responden menyatakan bahawa selagi tiada nas yang secara jelas membenarkan amalan tersebut, maka ia tidak boleh diamalkan. Hal yang sama dalam isu imsak puasa di bulan Ramadan. Responden dengan tegas menyatakan bahawa tiada sebarang sandaran nas yang menyatakan bahawa terdapat hukum tentang waktu imsak. Ini kerana hukum yang paling jelas dinyatakan dalam al-Quran ialah bermulanya puasa daripada waktu Subuh, dan bukannya waktu imsak.

#### **4.3.2 Mengambil Pendekatan Yang Lebih Terbuka**

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan daripada maklumbalas yang diberikan oleh ketiga-tiga tokoh Salafi di Kota Bharu Kelantan lebih cenderung ke berfikiran terbuka dan tidak terlalu ketat pendekatannya. Contohnya dalam isu akad nikah melalui sidang video, ketiga-tiga responden berpandangan bahawa sah rukun dan syaratnya mencukupi. Responden lebih terbuka mengambil pendekatan tersebut, dan tidak terlalu awal memutuskan pengharamannya secara tegas.

#### **4.3.3 Perbezaan Pendekatan Antara Responden**

Pengkaji mendapati terdapat perbezaan pandangan dalam isu *bay,,ah* dan *ta,,liq*. Terdapat pandangan yang cenderung mengatakan bahawa *bay,,ah* dan *ta,,liq* yang dibuat boleh dibatalkan, manakala pandangan lain mengatakan bahawa perlu disahkan oleh pihak yang berautoriti seperti hakim di Mahkamah Syariah. Lebih-lebih apabila melibatkan isu munakahat yang di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk memutuskannya. Pengkaji melihat isu *bay,,ah* dan *ta,,liq* ini adalah isu serius yang perlu ditangani segera bagi mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Begitu juga dalam isu solat jamak dan qasar ketika balik kampung. Responden memberikan pandangan melalui tafsiran yang berbeza, terutamanya dalam hal kedudukan musafir itu sendiri, sama ada ia merupakan tempat kelahiran atau sebaliknya, serta kedudukan kampung tersebut yang merupakan rumah ibu bapa dan bukanlah rumah anaknya. Pengkaji mendapati apabila berlakunya perbezaan pandangan seperti ini, kajian lanjutan perlu dijalankan bagi menemui jalan penyelesaian.

#### **4.3.4 Analisis Mengikut Pembahagian Hukum**

Setelah melakukan perbandingan dan persamaan antara jawapan terhadap isu yang

dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa dalam hal ibadat, responden didapati lebih bersifat tegas dalam memberikan jawapan. Setiap hujah mestilah bersandarkan nas, lebih-lebih lagi apabila melibatkan isu-isu kontemporari dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam hal muamalat dan munakahat, pengkaji melihat terdapat sedikit kelonggaran dalam pendekatan mereka. Mereka lebih mengambil pendekatan *maṣlahah* berdasarkan situasi semasa. Hal ini boleh dilihat dalam isu rakaman video, isu pembakaran al-Quran, dan isu anjuran pesta memancing.

#### 4.3 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan tentang isu-isu fiqh yang menjadi polemik dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu Kelantan, pengkaji melihat aliran Salafi lebih tegas dalam amalan mereka, iaitu setiap amalan yang tiada sebarang sandaran nas, maka tidak perlu dilakukan, sepertimana dalam isu bacaan al-Fatihah selepas selesai menunaikan solat berjemaah. Begitu juga dalam isu imsak puasa, sememangnya tiada sandaran nas tentang amalan tersebut. Oleh yang demikian, mereka tidak beramal dengan amalan tersebut. Berbeza pula dengan pandangan aliran tradisional yang bersetuju dengan amalan berwirid dengan bacaan surah al-Fatihah, bahkan menjadi amalan harian di masjid-masjid di Kota Bharu Kelantan.

Selain itu, aliran Salafi juga menekankan aspek kesahan sesuatu amalan mengikut rukun dan syaratnya. Sepertimana dalam isu perkahwinan melalui sidang video yang dianggap tidak sah oleh golongan tradisional disebabkan faktor ketiadaan pengantin di dalam majlis akad, berbeza bagi aliran Salafi yang membenarkan hal tersebut sekiranya telah rukun dan syaratnya telah dipenuhi.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa sememangnya terdapat perselisihan dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan, terutamanya bagi aliran Salafi dan tradisional. Perselisihan tersebut meninggalkan polemik yang berterusan sehingga kini masih diperdebatkan oleh masyarakat.

## **BAB 5: PENUTUP**

### **5.1 Dapatan Kajian**

Dalam merumuskan hasil keseluruhan kajian, pengkaji menyelaraskan kesemua objektif di awal kajian bagi memastikan hasil kajian tidak tersasar daripada matlamat asal. Tiga objektif utama dan hasil kajian adalah sepertimana berikut:

#### **5.1.1 Objektif Pertama**

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang aliran Salafi di Kelantan. Pengkaji mendapati bahawa aliran ini dibawa oleh para pelajar Melayu yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah dan pulang ke Tanah Melayu sebelum 1930-an. Mereka dikenali sebagai golongan reformis atau Kaum Muda. Gerakan Kaum Muda ini didapati menguasai aspek politik keagamaan di negeri tertentu sehingga berkembangnya aliran Salafi di Tanah Melayu, dan salah satu negeri yang menerima penyebaran aliran ini ialah Kelantan.

Pengkaji mendapat bahawa dengan berkembangnya aliran Salafi di Tanah Melayu memberikan kepada masyarakat Islam khususnya di Kelantan. Antara kesan yang timbul daripada wujudnya aliran ini adalah konflik dalam isu-isu *khilāfiyyah* atau *furū*, agama dalam kalangan masyarakat. Di Kelantan, masyarakat cenderung untuk berpecah dan menentang aliran baru ini, serta membina permusuhan yang berlarutan seperti yang pernah berlaku pada zaman lampau yang melibatkan fuqaha.

#### **5.1.2 Objektif Kedua**

Objektif kedua daripada kajian ini ialah untuk mengkaji isu-isu fiqh yang dipolemikkan dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Dalam bab ini telah dihuraikan secara umum tentang isu-isu fiqh yang menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

Perselisihan yang dimaksudkan merangkumi aspek ibadat, muamalat, munakahat, politik, dan lain-lain.

Antara isu yang telah lama dipolemikkan secara umum di Kelantan ialah berkaitan wuduk, tindakan memukul beduk atau tabuh serta bacaan-bacaan tertentu selepas azan, lafaz niat dalam ibadah, hukum membaca bismillah secara nyaring, hukum membaca qunut dalam solat Subuh, lafaz sayyidina dalam tasyahhud, bacaan wirid secara beramai-ramai dengan suara nyaring selepas solat jamaah, bacaan talkin selepas pengkebumian jenazah, menunggu kubur dan mengupah bacaan al-Quran di atasnya, majlis tahlil, mengadakan kenduri arwah, dan lain-lain. Isu ini walaupun telah lama dibangkitkan dan dikaji oleh para penyelidik terdahulu, didapati sebahagiannya masih lagi berterusan sehingga kini.

### 5.1.3 Objektif Ketiga

Objektif ketiga dalam kajian ini adalah menganalisis isu-isu fiqh melalui pendekatan oleh pendukung aliran Salafi di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji mendapati bahawa sememangnya terdapat isu-isu fiqh yang menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat di Kota Bharu, Kelantan. Dalam bab ibadah, isu yang dibangkitkan ialah amalan niat iktikaf dalam khemah di Madinah Ramadan setiap tahun, bacaan surah al-Fatihah sebagai wirid, isu solat jamak qasar, dan imsak puasa. Manakala dalam bab munakahat ialah isu akad nikah menerusi sidang video dan *bay,,h* serta *ta,,liq*. Sementara itu dalam bab yang lain ialah isu anjuran pesta memancing dan isu pelupusan al-Quran selepas berlakunya banjir besar pada tahun 2014.

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pendekatan yang dibawa oleh aliran Salafi ini sememangnya memutuskan hukum berdasarkan nas sahaja. Bagi isu yang tiada sandaran nas, mereka tidak memberikan jawapan untuk mengharuskannya. Namun begitu, dalam bab *maṣlahah* masyarakat, mereka melihat dalam satu pemikiran yang lebih terbuka. Contohnya dalam bab nikah

melalui sidang video, dibenarkan sekiranya cukup rukun dan syaratnya. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menafikan bahawa terdapat beberapa pandangan responden yang sedikit berbeza antara satu sama lain. Contohnya dalam hal *bay,,ah ta,,liq* dan isu jamak qasar. Namun, tidaklah sampai menimbulkan kontroversi antara satu sama lain.

Pengkaji juga tidak menafikan bahawa sememangnya terdapat usaha daripada pihak kerajaan negeri dalam mengawal isu-isu berkaitan hukum fiqh yang menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan. Antaranya ialah melalui pengiktirafan mazhab Shafie sebagai mazhab rasmi negeri, pengkanun undang-undang seperti peruntukan tauliah mengajar agama, peruntukan kawalan terhadap agama yang menyeleweng daripada akidah Sunnah wal Jamaah, serta dengan penganjuran program-program khas di peringkat negeri. Di samping itu, mufti negeri juga mengeluarkan pandangan terhadap isu-isu kontroversi seperti pandangan beliau tentang isu talak *bay,,ah* parti PAS Kelantan.

## 5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan kupasan yang diberikan di dalam disertasi ini, beberapa kesimpulan yang boleh dibuat, antaranya adalah seperti berikut:

1. Idea dan gerakan *is̥lāh* di Kota Bharu tersebar dengan kematangan tokoh-tokoh agama negeri tersebut tanpa sebarang sekatan. Ada juga negeri tertentu yang memberikan tekanan yang hebat dengan menguatkuasakan undang-undang supaya mereka ini sukar untuk menyebarkan idea tersebut.
2. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati corak pendekatan yang dibawakan oleh tokoh-tokoh Salafi di Kota Bharu lebih bersifat terbuka dalam menangani kepelbagaian isu.
3. Selain itu, dalam hal-hal melibatkan perkara ibadat, mereka lebih cenderung untuk bertegas dalam pendekatan, iaitu dengan bersandarkan kepada nas yang

jelas. Dalam hal yang tiada sandaran nas sokongan, mereka memilih untuk tidak mengada-adakan perkara yang baharu dalam menyelesaikan isu masyarakat.

4. Walau bagaimanapun, pengkaji juga tidak menafikan bahawa terdapat perbezaan pandangan yang dibawakan oleh tokoh-tokoh Salafi di Kelantan. Namun, perbezaan tersebut tidaklah terlalu serius sehingga membawa kepada perpecahan dan ketaksuban antara satu sama lain.
5. Dalam hal penerimaan fahaman Salafi diterimapakai di Kota Bharu, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang wujud, antaranya seperti berikut:
  - a. Pengajian agama di institusi pendidikan Kota Bharu memberi penekanan khas kepada mazhab Shāfi,ī sahaja.
  - b. Sambutan yang menggalakkan daripada pihak istana telah memberikan peluang yang baik kepada tokoh-tokoh Salafi untuk menyebarkannya secara rasmi.
6. Perkembangan aliran Salafi di Kota Bharu kebanyakannya berpunca daripada aliran ahli hadis yang berkait rapat dengan Sheikh Waliyullah al-Dahlawi dari India. Budaya ini berlaku kerana rata-rata daripada anak murid Tok Khurasan menyambung pengajian di India dan di madrasah beraliran sama di Kelantan. Selepas mereka pulang dari India, mereka bersungguh-sungguh menyebarkan aliran ini di Kelantan seperti Hj. Nik Abdullah, Hj. Nik Mahmud b. Hj. Wan Musa, Hj. Nik Abdul Rahman b. Hj. Nik Mahmud, dan Datuk Muhammad Said.
7. Fahaman Salafi yang disebarkan oleh pendukungnya adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini berkait rapat dengan kelahiran mereka. Berdasarkan pengamatan pengkaji, Salafi-TimurTengah bersifat lebih tegas dalam memperjuangkan akidah, manakala Salafi-India cenderung untuk bertolak ansur dengan aliran pondok yang ada di Kelantan.
8. Terdapat juga tokoh fahaman al-Asya'irah yang telah dipengaruhi oleh idea

pembangunan dan kemajuan umat. Oleh sebab itu, mereka kerap kali mengadakan program berkonsepkan pembangunan jiwa umat Islam melibatkan hal keduniaan dan akhirat seperti dakwah dan pengajian agama, mendirikan sekolah-sekolah agama, menyusun program pengajian sehingga ke peringkat yang lebih tinggi dan sebagainya. Perbezaan yang amat ketara antara kedua-dua kelompok adalah berkenaan hukum-hakam ibadah dan akidah. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diselesaikan dalam ruang lingkup taqrib.

9. Hubungan antara kedua-dua pendukung pendapat ini tidak diputus, bahkan ia mampu menjadi pengikat antara keduanya. Hal ini disebabkan perbezaan fahaman yang ada bukanlah perkara yang bersifat utama. Ancaman utama yang sedang dihadapi ialah usaha-usaha oleh pihak musuh yang sentiasa mencari peluang untuk membinasakan akar-umbi Islam dan umatnya, bukannya datang daripada golongan yang beraliran Salafi atau al-Asya'irah ini.
10. Terdapat kesukaran sekiranya memberikan peluang kepada sesiapa sahaja bagi mentakwilkan ayat al-Quran yang bersifat *mutasyabihat*, iaitu tidak berkemampuan untuk berfikir sejauh mana takwil itu akan dijalankan. Akibat daripada ini, pelbagai aliran batiniah yang sesat telah timbul. Dalam isu ini, fahaman Salafi yang menolak takwil adalah lebih baik.
11. Fahaman Salafi terhadap al-Quran dan hadis tidak jauh lari daripada tujuan asal sumber-sumber Islam tersebut. Hal ini berikutan tempoh masa mereka yang hampir dengan Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, fahaman *salaf al-ṣāliḥ* adalah lebih murni.
12. Nama-nama lain seperti Ahlus-Sunnah, Ansar al-Sunnah, Ittibā,, al-Sunnah, adalah sealiran dengan fahaman *salaf al-ṣāliḥ* yang diamalkan oleh para sahabat RA dan *tābi,,īn*. Oleh yang demikian, fahaman ini sepatutnya dikembangkan dengan seluasnya. Isu yang paling utama ialah cara untuk mengelakkan

berlakunya pertelingkahan dalam kalangan umat Islam sendiri di bawah fahaman Ahl Sunnah wa al-Jamaah.

### 5.3 Saranan kepada Pihak Yang Berkuasa dan Masyarakat

1. Silibus berkenaan fiqh di sekolah kerajaan sama ada pusat atau negeri perlu selari dengan al-Quran dan hadis. Rumusan di luar al-Quran dan hadis tidak boleh diterima kerana mungkin akan berlaku penyelewengan.
2. Manakala dalam bidang fiqh, silibus pendidikan Islam di sekolah perlu ditujukan kepada *ittiba'* dan bukannya *taqlid*.
3. Pihak yang berautoriti perlu memusnahkan semua perkara yang bertentangan dengan sunnah; termasuk *bid'ah*, khurafat dan syirik, agar umat Islam akan terselamat daripada penyelewengan fiqh.
4. Pihak berkuasa hendaklah memberikan kebebasan kepada aliran Salafi untuk menyebarkan fahaman mereka, sekiranya ingin mengembalikan umat Islam kepada pemikiran *salaf al-ṣāliḥ*.
5. Pihak berautoriti dicadangkan untuk membangunkan sebuah Institut al-Sunnah agar mengingatkan umat Islam betapa pentingnya berpegang dengan hadis seperti mana generasi Islam yang lampau.
6. Perbincangan tentang isu emosi, sentimen dan khilafiah hendaklah diketepikan, dan usaha untuk mencari kebenaran dan menjaga persaudaraan Islam mestilah diutamakan.
7. *Taqlid* buta ialah suatu perkara yang cenderung ke arah ajaran sesat, manakala *ittiba'* ialah suatu perkara unggul. Oleh yang demikian, pendidikan Islam di negara ini perlu ditujukan kepada *ittiba'*, sama ada secara rasmi atau pun sebaliknya. Dengan demikian, umat Islam tidak mudah diperdaya oleh mereka yang ingin mencari keuntungan untuk diri mereka sendiri.
8. Golongan penuntut di universiti hendaklah membudayakan amalan membaca

pelbagai bahan bacaan, khasnya yang berkaitan dengan ilmu keagamaan, agar tidak hanya terbatas dengan apa yang dipelajari dalam kuliah sahaja.

9. Penyokong fahaman Salafi di Kelantan perlu mempelajari selok belok tentang aliran tersebut daripada pengikutnya dari negara Timur Tengah mengenai kaedah menyebarkan fahaman ini dengan lebih terancang dan tersusun.
10. Bahan berunsur Salafi perlu diterbitkan dengan lebih banyak lagi agar umat Islam sedar akan kehadiran fahaman ini. Sekiranya belum berupaya menerbitkannya, maka sekurang-kurangnya boleh menghantarnya ke majalah berbentuk keagamaan yang lain untuk diterbitkan.
11. Usaha untuk menyedarkan umat Islam akan kepentingan fahaman ini adalah penting, meskipun dakwahnya masih lagi jauh daripada masyarakat awam. Tugas utama umat Islam adalah untuk menyampaikan, soal berjaya atau sebaliknya, bergantung kepada aturan Allah SWT.
12. Titik persamaan perlu dicapai antara fahaman Salafi dan fahaman moden melalui proses perbincangan dan kajian penyelidikan khas.

#### **5.4 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa sememangnya wujud isu-isu fiqh dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. Walau bagaimanapun, kajian yang dihuraikan meliputi isu-isu terpilih yang begitu dominan dalam kalangan masyarakat sahaja, bukan meliputi keseluruhan isu-isu yang wujud. Pengkaji berpandangan bahawa kajian lanjutan tentang isu-isu fiqh yang lain di Kota Bharu Kelantan masih perlu diteruskan oleh pengkaji-pengkaji lain di masa yang akan datang.

Dalam usaha menangani isu-isu yang dipolemikkan tersebut, pengkaji turut bersetuju dengan beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menyelaraskan fahaman masyarakat Islam, contohnya dengan mengiktiraf mazhab Shafie sebagai mazhab rasmi negeri. Selain itu, masyarakat itu sendiri perlu memainkan

peranan dalam meningkatkan lagi usaha mencari gali ilmu dalam bidang fiqh agar kefahaman yang dimiliki semakin mantap, seterusnya mampu bersikap berlapang dada serta berhujah bersandarkan nas, bukan sekadar menggunakan emosi dan akal semata-mata.

Walaupun terdapat banyak salah faham terhadap aliran Salafi ini, pengkaji sangat berharap melalui kajian ini dapat memperbetulkan semula pandangan masyarakat Islam terhadap mereka. Walaupun fahaman ini baru bertapak di Kelantan, namun potensi untuk meluaskan lagi alirannya masih ada, terutama bagi mereka yang berjuang menentang khurafat, syirik, *bid'ah* dan lain-lain bentuk penyelewengan yang ada.

## BIBLIOGRAFI

Al-,Amidī, *al-Ihkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 3, Qāhirah: Matba.,ah Sablh, 1437H.

A. Hasan, *Soal Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama*, Bandung: Penerbit Diponegoro, 1977.

Abd Hayei Abd. Syukur, Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dahlawi kepada Ilmu Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan, Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.

Abdul Aziz Mat Tom, Gerakan Ansarul-Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1971/72.

Abdul Aziz Mat Tom, *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Abdul Hafiz Abdullah & Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusof, Khilafiyah Furu.,iyyah: Satu Tinjauan Pandangan HAMKA dalam Tafsir Al-Azhar, *Proceedings The 2nd Annual International Qur'anic Conference on 22-23 February 2012*, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya, 2012.

Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Mazhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kajang Sincere Press, 1982.

Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Perlis*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1989.

Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 2007.

Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Abdul Razak Mahmud, *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 2017.

Abdul Razak Mohamed, *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (1)*, Kota Bharu: Penerbit al-Fikr, 1992.

Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu: Pustaka ASA, 1988.

Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1967.

Abd Muein, "Nabi SAW tak Ajar Selepas Solat Baca Surah al-Fatihah," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=8ovvQqubaoU&feature=youtu.be>, dicapai pada 8 Oktober 2018

Abū al-,Aynayn Badran, *al-Sharī.,ah al-Islāmiyyah: Tarīkhuna wa Naẓariyyat al-Milkiyyah wa al-,Uqūd*, Iskandariyyah: Muassasah al-Shabāb al-Jam.,iyyah, t.t.

- Abu Bakar Ashaari, *Kemerdekaan Berfikir dalam Islam atau Pembasmi Taqlid*, Pulau Pinang: Persama Press, 1954.
- Abū Zahrah, Muḥammad, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Qāhirah: Dār al-Fikr, t.t.
- Ahmad Adnan Fadzil, Solat Musafir ketika Balik Kampung, *Laman Info Agama*, <http://ilmudanulamak.blogspot.my/2008/10/solat-musafir-ketika-balik-kampung.html>, dicapai pada 25 April 2016.
- Ahmad Fadhli Shaari, Polemik Tafsir di Antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Negeri Kelantan, laman web *al-ahkam.net*, <http://al-ahkam.net/home/>, dicapai pada 26 April 2015.
- Ahmad Murshidi Mustapha, Metodologi Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah dalam Pengajian Fiqh: Kajian Terhadap Kitab Pedoman Solat Berjemaah, Universiti Malaysia Kelantan, 2014.
- Ahmad Yakob, Bai'ah talak tiga benar, bukan perkara main-main, *Sinar Harian Online*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/bai-ah-talak-tiga-benar-bukan-perkara-main-main-1.412187>, dicapai pada 11 September 2018.
- Ahmad Yusuf Amin, *Taqlid dan Kesan-kesannya Terhadap Perkembangan Fikiran dan Ilmu Pengetahuan*, Kuala Pilah: KTF Institut, t.t.
- Airasian, Peter & L. R. Gay, *Educational Research: Competence for Analysis and Application*, New Jersey: Merrill Prentice Hall, 2000.
- Alias Mohammad, *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Insular Publication, 1984.
- Amar Johari Moain, *Sejarah Nasionalis MAPHILINDO*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1969.
- Ammi Nur Baits, Hukum Nikah Melalui HP dan Internet, *Konsultasisyariah.com*, <https://konsultasi-syariah.com/26434-hukum-nikah-melalui-hp-dan-internet.html>, dicapai pada 24 April 2016.
- Anisah Ab. Ghani & Abdul Karim Ali, Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab dalam Isu-Isu Ibadat, *Jurnal Fiqh*, vol. 4, 2007, 205-224.
- Arman Yusop, Analisis Karya-Karya Fiqh Ibadat di Malaysia dari Tahun 1998 Sehingga 2008, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Asiah Ali, Peranan Ulama dalam Bidang Pendidikan Islam di Negeri Kelantan: Suatu Kajian Antara Tahun 1940-1990, Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

- Asmadi Mohamed Naim, Wacana Religio-Intelektual Najdiyyin: Pro & Kontra Terhadap Peranannya pada Tamaddun Ummah di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Universiti Utara Malaysia, 2010.
- Azhar Idrus, Cara Melupakan al-Quran, *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=l0ksUs4nYUs&t=70s> dicapai pada 27 April 2016.
- Al-Buhūfī, *Kashf al-Qinā*, vol. 1, Bayrūt: „Alam al-Kutub, 1979.
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Pengkajian*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian Buku 1: Kaedah Pengkajian*, ed. ke-2, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011.
- Daud Abdullah al-Fatani, *Fath al-Mannan*, Pulau Pinang: Persama Press, t.t.
- Ensiklopedia Malaysiana*, Kuala Lumpur: Anzagain, 1996.
- Farid Mat Zin, Pengaruh Gerakan Islah di Timur Tengah Terhadap Pemikiran Ulama Patani, Seminar Nadwah Ulamak Nusantara 1, Kolej Pengajian Islam, University Songkla, Kampus Pattani, 2001.
- Firdaus Sulaiman, Tafsir Sufi: Kajian Analitikal Terhadap Kitab *Tafsir al-Bahr al-Madid fi Tafsir al-Qur'an al-Majid* oleh Ibn „Ajibah (1160 -1224 H), Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.
- Al-Ghazālī, *al-Mustasfā min „Ilm al-Uṣūl*, Qāhirah: Matba„ah Muṣṭafā Muḥammad, 1356H.
- Ghofar Shidiq, Teori Maqashid Al-Syari‘ah dalam Hukum Islam, *Sultan Agung*, vol. 44, No. 118, 2009.
- Habsah Ismail, Jahaeik Lupus al-Quran di Perairan Tok Bali, *Sinar Harian Online*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/kelantan/jahaeik-lupus-al-quran-di-perairan-tok-bali-1.715044>, dicapai pada 16 Julai 2018.
- Harian Metro, Majlis melupakan Al-Quran yang rosak akibat banjir, *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=eDR4pt-YSqo>, dicapai pada 27 April 2016.
- Harun Din, *Sejauh Manakah Perbezaan Amalan Keislaman Yang Terdapat di Negeri Perlis Yang Tidak Bermazhab*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Ghani, *Gelanggang Soal Jawab*, Kuala Pilah: KTF Institut, 1987.
- Hashim Ghani, *Wajibkah Muslim Bermazhab*, Kuala Pilah: KTF Institut, 1987.
- Husain Ahmad Amin, *100 Tokoh dalam Sejarah Islam*, terj. Bakhruddin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1997.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I,lām al-Muwaqī,īn*, vol. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1991.

- Ibn al-Jawzī, *Manāqib al-Imām Ahmad bin Hanbāl* (Riyāḍ: Dār al-Hijr, 1987).
- Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurʿān al-ʿAẓīm*, vol. 3, Qāhirah: Maktabah al-Ṣafa, 2002.
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 1, Lubnan: Bayt al-Afkār Dawliyyah, 2004.
- Ibn Taymiyyah, *Majmūʿ, al-Fatawā*, vol. 33, t.t.p.: Muḥtamāʾ, al-Mal Fahd, 2004.
- Imam al-Baghawī, *al-Tahzib*, 304 <http://ppislamsepri.blogspot.my/2009/08/> dicapai pada 24 April 2016.
- Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, vol. 6, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002.
- Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bayrūt: Maktabah al-ʿAṣriyyah, t.t.
- Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3, Bayrūt: Dār Ihyaʾ al-Kutub al-ʿArabī, 1991.
- Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 4, Bayrūt, Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1991.
- Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 5 (Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1997).
- Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, Keterbukaan Bermazhab dalam Realiti di Malaysia: Keperluan atau Kecelaruhan? *Jurnal Syariah*, 2012, 289-308.
- Ismail Awang, Mufti Haji Wan Musa, dalam *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, vol. 1, ed. Ismail Che Daud, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, 1978.
- Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu*, Kota Bharu: Percetakan Nik Daud, 1988.
- Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu*, vol. 2, Kota Bharu: Percetakan Zul Rahim, 1996.
- Ismail Daud, Ulama Kelantan Yang Jadi Mufti di Luar Kelantan, *Majalah Pengasuh*, vol. 533, 1994.
- Jainal Sakiban Al-Jauhari, *Amalan Sunnah Mengiringi Solat Fardu*, Johor: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2008.
- Johari Mat, “Majlis Tahlil: Adakah daripada Nabi SAW,” *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=yWson0vAfb8&feature=youtu.be>, dicapai pada 8 Oktober 2018.
- K.H. Sirajuddin Abbas, *40 Masalah Agama*, Kelantan: Pustaka Aman Press, 1978.
- Al-Kahfi Center, *al-Majmuʿ*, <http://alkahfi.com.my/panduan-melakukan-itikaf/> dicapai pada tarikh 26 April 2016, vol. 6, 514.
- Al-Kahfi Center, *Fath al-Bārī*, vol. 4 <http://alkahfi.com.my/panduan-melakukan-itikaf/> dicapai pada tarikh 26 April 2016, 271.

- Karl Mannheim, *Conservative Thought, Essays on Sociology and Social Psychology*, ed. K. Mannheim, London: Routledge & Kegan Paul, 1966.
- Khidmat Syariah TV Al-Hijrah, Lupuskan al-Quran, *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=CkfBd-I7ryM>, dicapai pada 27 April 2016.
- Mahayuddin Hj. Yahya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, vol. 3, Kuala Lumpur: Karya Press, 1987.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, Idris Awang, Mohd Kamil Abd. Majid & Rahimin Affandi Abd. Rahim, Lulusan Universiti Al-Azhar dan Impaknya Terhadap Pembangunan Sosial di Malaysia, *Jurnal Pengajian Melayu*, vol. 16, 2005, 1-36.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001.
- Mastura Razali, Aplikasi Kaedah Fiqhiyyah dalam Penghakiman: Kajian Terhadap Jurnal Hukum (2004-2013), Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2015.
- Maulana Asri, Cara untuk melupakan al-Quran yang lama, *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=eHgn1sp7Jzw>, dicapai pada 27 April 2016.
- Al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 2, Bayrūt, Lubnan: Dār al-Kutub ʿIlmiyyah, 1994.
- Md Ashih Yaakub, Konflik di Antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan: Rujukan Kepada Kitab Tazkiah al-Anzar dan al-Qawl al-Mufid, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli & Suhaimi Ab Rahman, Ijtihad Kontemporari dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa di Malaysia, *E-Proceedings ISLAC*, Bangi, Selangor, 2017.
- Mohd Isa Uthman, *Protes Bercorak Agama Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1999.
- Mohd Kamil Hj Ab Majid, Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam, *Jurnal Usuluddin*, 2017, 111-136.
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Pengkajian Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mohd Nor Mohd Amin, Jenderam-Korban Dharurat 1948-58, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977/78.
- Mohd Radzi Othman et al., Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri Perlis dan Kaitannya dengan Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri-negeri Lain di Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1991.

- Mohd Roslan Mohd Nor, Mohamad Fauzi Zakaria & Noorzahidah Mohd Zain, Keterlibatan Ulama“ dalam Perjuangan Kemerdekaan di Terengganu, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Mohd Sarim Haji Mustajab, Gerakan Islah Silamiyyah di Tanah Melayu 1906-1948, dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1986.
- Mohd Zaki Sidek, Pengaruh Aliran Salafi di Kota Bharu Kelantan, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004/2005.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh, Konsep Jihad Yusuf al-Qaradawi dalam Karya Fiqh Al-Jihad, *al-Hikmah*, vol. 7, no. 1, 2015, 149-171.
- Muhafandi Muhammad, Mufti Kelantan: Wanita dan isteri adalah Amanah Allah, *Astro Awani*, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dan-isteri-adalah-amanah-allah-mufti-kelantan-72535>, dicapai pada 18 Julai 2018.
- Muḥammad „Alī al-Ṣāyis, *Tafsīr Āyat al-Aḥkām*, vol. 1, Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.
- Muḥammad Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Qāhirah: Dār al-Fikr, 1989.
- Muḥammad Ḥassan al-Haytu, *Fiqh al-Siyām*, Bayrūt: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 1988.
- Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wāṣiṭ fī al-Madhhab*, vol. 1, Qāhirah: Dār al-Salām, 1997.
- Muhammad Kamal Hassan, *Muslim Intellectual Response to New Oder Modernization in Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Muḥammad Kamil Dhahir, *al-Da,,wah al-Wahhabiyyah*, Bayrūt: Dār al-Salām, 1993.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Takwilan Nas-Nas Sifat Mutashabihat dalam Kalangan Salaf, *Global Journal of Al-Thaqafah*, vol. 2, no. 2, 2012.
- Muhammad Yusuf al-Qaradhawi, *Ijtihad dalam Syariat Islam*, terj., Jakarta: Bulan Bintang, 1987.
- Muṣṭafā Khīn@Muṣṭafā al-Bughā@,,Alī al-Shirbajī, *al-Fiqh al-Manhājī „ala Madhhab al-Imām al-Shāfi,,ī* Dimashq: Dār al-Qalam li Taba,,ah wa al-Nashr wa al-Tawzi,, 1992.
- Al-Nawawī, *Tibyān fī Ādab Ḥamal al-Qur‘ān*, Bayrūt: Dār Ibn Hazm, 1996.

- Al-Naysabūrī, al-Muntaqā li Ibn Jarud al-Buyū, fi al-Qadā Abwāb, <http://82-g.blogspot.my/2015/09/baiah-taliq-talak.html> dicapai pada tarikh 26 April 2016, hadis no. 637.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Haji Nik Abdullah B. Haji Wan Musa, dalam *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Islam dan Masyarakat Kota Bharu Antara Tahun 1900-1933, dalam *Islam di Malaysia*, ed. Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, 1977.
- Nik Mahmood Ismail, *Kitab Jografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, Kota Bharu: t.p., 1926.
- Nik Mohamad Abduk Nik Abdul Aziz, Sumpah bai'ah kuatkan ahli Pas, *Sinar Harian*, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/ultras/liga-malaysia/sumpah-bai-ah-kuatkan-ahli-pas-kata-nik-abduh-1.428079>, dicapai pada 11 September 2018.
- Noor Naemah Abd. Rahman, Abdul Karim Ali & Ridzwan Ahmad, Keterikatan Fatwa kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 7, 2016, 1-17.
- Othman Lebar, *Pengkajian Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.
- Othman Mustapha, JAKIM: Umat Islam di Malaysia Bermazhab Syafie, laman web *ikimfm*, <http://ikimfm.my/jakim-malaysia-negara-bermazhab-shafie/>, dicapai pada 16 Julai 2018.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim & Siti Maimunah Kahal, Ilmu Kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal, *Sejarah: Journal of the Department of History*, vol. 26, no. 1, 2017, 33-49.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal, Konsep Fiqh Malaysia dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan, *Kajian Malaysia*, vol. 28, no. 2, 2010.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Pendekatan Malaysia dan Indonesia dalam Menangani Perkembangan Aliran Pemikiran Islam: Satu Analisis Perbandingan, *Jati*, vol. 13, 2008.
- Rahmat Mat, *Politik Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: ADABI, 1976.
- Ridzwan Ahmad, Metode Pentarjihan Masalah dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Islam Semasa, *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 1, 2008, 107-143.
- Ridzwan Ahmad, Pertentangan di Antara Nass dengan Masalah dan dan Hubungannya dengan Bid'ah, *Jurnal Syariah*, vol. 19, no. 3, 2011, 249-282.

- Roger Garaudy, *Janji-Janji Islam*, terj., Jakarta: Bulan Bintang, 1982.
- Rushdi Ramli, Persoalan Bid'ah dalam Beribadah dalam Konteks Penghayatan Islam di Malaysia, *Jurnal Syariah*, vol. 13, no. 2, 2005, 17-46.
- Saadman Man & Abdul Karim Ali, Ikhtilaf Fiqhi dalam kalangan Aliran Syafiiyah dan Salafiyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus, *Jurnal Fiqh*, vol. 2, 2005, 73-96.
- Saadman Man et al.. Kesesuaian Mazhab Selain Syafie dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal, *Jurnal Fiqh*, vol. 6, 2009, 21-40.
- Saadman Man, The Development of Ikhtilaf and Its Impact on Muslim Society in Contemporary Malaysia, *Shariah Journal*, 2008, 497-522.
- Saidul Amin, Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam beberapa masalah Pemikiran Islam, Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.
- Sayyid „Abd Allāh al-Jurdānī, *Fath al-„Alam bi Sharh Murshid al-Anām*, vol. 4, Bayrūt: Dār Ibn Hazm, 1997.
- Sayyid Murtadla al-Ridlami, *Membina Kerukunan Muslimin*, terj. Muhammad Tohir, Jakarta: Pustaka Jaya, 1984.
- Sayyid Rashid Ridā, *Tafsīr al-Manār*, vol. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1999.
- Sayyid Sābiq, *al-Fiqh al-Sunnah*, vol. 1, Qāhirah: Dār al-Fath li al-„Ilām al-„Arabī, 1999.
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004.
- Al-Shawkanī, *Irshād al-Fuhl*, Qāhirah: Matba„ah Sabih, 1349H.
- Shaykh Muḥammad Ibrahim, *Fatawā al-Rasā'il*, vol. 13, Makkah al-Mukarramah: al-Ḥukūmah, 1979.
- Al-Shīrāzī, *al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Shafī*, vol. 3, Bayrut, Lubnan: Dār al-Kutub „Ilmiyyah, 1995.
- Al-Suyūfī, *al-Ashbah wa Nazā'ir*, Bayrūt: Dār al-Kitāb „Ilmiyyah, 1983.
- Syed Mohd Jeffri, Saadman Man, Muhammad Ikhlās Rosele & Mohd Anuar Ramli, Analisis Pandangan Fuqaha Terhadap Isu Tadakhul dalam Ibadat Solat, *Jurnal Ulum Islamiyyah*, vol. 14, 2014, 99-112.
- Taha Jabir al-Alwani, *The Ethics of Disagreement in Islam*, Virginia, USA: IIIT, 1994.
- Thaha Jabir Fayyadh al-„Alwani, *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989.

Tiada Penulis, Hukum Pertandingan Memancing dalam Islam, <http://kurauking.blogspot.my/2016/08/hukum-pertandingan-memancing-dalam-islam.html>, dicapai pada 26 April 2016.

Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Dimashq: Dār al-Fikr, 1985.

Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali, Konsep al-Ta'abudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa, *Jurnal Usuluddin*, vol. 41, 2015, 1-22.

William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestaman, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

Yusuf al-Qaradhawi, *Merungkai Pertelingkahan Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*, Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014.

Zakaria Mahmud, Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran dan Perkembangan, *Jurnal Usuluddin*, 1996, 1-18.

Zakaria Muhammad & Zaki Ibrahim, Muhammad Abdul Wahhab dan Pengaruhnya kepada Dunia Islam dalam Bidang Aqidah dan Politik, Seminar Pemikiran Islam, di Universiti Malaya.

Zamihan Mat Zin, *Salafiah Wahabiah: Suatu Penilaian*, Selangor: Terajaya Enterprise, 2001.

Al-Zarkashī, *al-Burhān fī „Uūm al-Qurʿān*, vol. 1, Qāhirah: Maktabah al-Turāth, 1984.

Al-Zarqanī, *Manāhil al-„Irfānī fī „Uūm al-Qurʿān*, vol. 1, Bayrūt: Dār al-Kitāb „Arabī, 1995.

Zulkarnain Haron & Nordin Hussin, Islam di Malaysia: Penilaian Semula Fahaman Salafi Jihadi dan Intepretasi Jihad oleh al-Jamaʿah al-Islamiyah, *Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 9, no. 1, 2013, 126-137.

### **Senarai Temu bual**

Ahmad Najib Abdullah (Pensyarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 27 Mac 2017.

Johari Mat (Ahli Dewan Ulama, Parti Islam Se-Malaysia (PAS)), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 10 Mei 2017.

Molvi Azhar Abdul Satar (Anak Murid Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 7 Oktober 2018.

Muhammad Asri Yusoff (Pengasas, Pusat Pengajian al-Qurʿān Darul Kautsar, Kota Bharu, Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 21 Mac 2017.

Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli Majlis Syura Ulama“, Parti Islam SeMalaysia; Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 9 September 2018.

Rafaei Hassan (Pengarah Pembangunan Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan) dalam temu bual beliau bersama pengkaji menerusi telefon pada 31 Julai 2017.

Responden 1 (Tenaga Pengajar, Pondok Lubuk Tapah, Kelantan), dalam temu bual beliau bersama pengkaji, pada 26 Februari 2014. Namanya dirahsiakan atas permintaan beliau.

Wan Zulkifli Wan Omar (Imam Muda, Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan), dalam temu bual beliau dengan pengkaji pada 16 Julai 2018.

Universiti Malaysia